



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 08 JULAI 2013 [ISNIN]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)
(menunaikan Umrah)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)
(menunaikan Umrah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., P.P.T.
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismilahir rahmannir rahim, assalamualaikum w.b.k* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat hari ke 7 bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi semua saya menjemput Y.B. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Puan Speaker soalan No.118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT SELANGOR

118. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah dividen dan sumbangan yang diberikan oleh Anak-anak Syarikat Selangor kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007-2012.
- b) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak Syarikat Sel adalah bersifat kompetitif, pada masa yang sama tidak menjejaskan sistem pasaran bebas yang sedia ada?
- c) Senaraikan projek-projek sosial yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012 dan apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak syarikat Selangor melaksanakan projek sosial khususnya dalam bidang utama seperti perumahan, pertanian dan sebagainya bagi membantu golongan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismilahir rahmannir rahim, assalamualaikum w.b.k.* Puan Speaker sebelum saya menjawab soalan mengenai anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri saya ingin mengucapkan Tahniah kepada Majlis Sukan Negeri Selangor kerana memenangi Sukan SUKMA kali ini. Tahniah kepada *Chef de-*

Mission dan juga *Assistant Chef de-Mission* iaitu Dr. Yunus dan saudara Amiruddin yang telah mengetuai kumpulan kita dan Ahli-Ahli EXCO juga yang turut sama menyertainya dan kita harap perkara ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun hadapan. Terima kasih. Mengenai Anak-anak Syarikat Negeri Selangor, Y.B. Rawang ingin bertanya tentang sumbangan Anak-anak Syarikat ini. Saya ingin membuat satu perubahan daripada segi ketulusan maklumat-maklumat ini oleh sebab itu saya kumpulkan semua syarikat-syarikat dan perbadanan di bawah milikan Kerajaan Negeri dalam satu kumpulan dipanggil *MB Incorporated*. Sebab dengan cara itu kita akan dapat mengetahui kesemua aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat dan perbadanan di bawah jagaan Negeri dan saya akan menghantar kepada Y.B. Rawang sebagai contoh sumbangan kepada Kerajaan Negeri oleh KEDB satu projek komuniti kemudian berapa banyak derma yang dibagi. Dia juga ada pernah bagi air percuma tajaan daripada Persatuan Bola Sepak, bayaran Zakat, sumbangan Tabung Warisan Negeri Selangor. Untuk itu saya kumpulkan kan untuk semula syarikat supaya kita dapat dan perkara ini juga boleh dibangkitkan dan dibincangkan di PAC supaya mereka tahu tentang keadaan ini. Buat masa ini salah satu daripada perkara utama yang dipentingkan dalam pentadbiran anak-anak syarikat Negeri Selangor mereka mesti cekap dan efisien kerana bertanding. Dan salah satu daripada *educating* pertandingan ialah keuntungan kalau tidak ada keuntungan tidak boleh kita memberi sumbangan. Jadi dan tiap-tiap kali sidang Dewan kita akan mengemukakan akaun-akaun syarikat-syarikat tersebut supaya dipantau dan diteliti oleh Dewan seperti syarikat-syarikat yang diurus niaga di pasaran sekarang.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Terima kasih Puan Speaker soalan No.119

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : **PROGRAM PENCEGAHAN BANJIR**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program-program pencegahan banjir yang dirancang dalam masa jangka pendek dan jangka panjang di kawasan Meru?
- b) Berapakah anggaran kos perbelanjaan dan tempoh masa untuk menjalankan program tersebut?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker terima kasih kepada Meru. Sebelum saya menjawab soalan daripada Meru saya mengambil kesempatan untuk direkodkan bahawa kemenangan Sukan SUKMA yang kali ke16 berpihak kepada Negeri Selangor adalah satu kegembiraan kepada rakyat Negeri Selangor khususnya. Saya juga ingin merakamkan Tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

yang cukup prihatin dengan perkembangan di dalam Sukan SUKMA ini, juga Tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar sendiri yang cukup prihatin dalam perkembangan Sukan SUKMA pada kali ini dan terima kasih saya kepada EXCO-EXCO angkat sukan yang saya kira cukup prihatin dan hadir dalam perlawanan-perlawanan yang dipertandingkan di dalam Sukan SUKMA walaupun dalam masa kita masih bersidang. Terima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Selangor pengurusan dan juga atlet-atlet yang membawa kejayaan di dalam Sukan SUKMA kali ini. Ini membuktikan bahawa RM5 juta di peruntukan pada setiap tahun juga boleh membuahkan hasil kejayaan kita, walaupun kita hendak bandingkan dengan Negeri Terengganu yang saya dimaklumkan peruntukannya lebih kurang RM10 juta setiap tahun. Dan ini bermakna kita akan menerima begitu sahaja dan saya kira di dalam tahun-tahun akan datang kita mengharapkan memperuntukkan yang agar besar untuk membangunkan sukan di Negeri Selangor khususnya. Bagi menjawab soalan daripada Meru berkaitan dengan program pencegahan banjir di kawasan Meru. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah menyenaraikan program-program pencegahan banjir untuk jangka masa panjang juga masa pendek di dalam kawasan pekan Meru. Bagi cadangan program jangka pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Klang telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pengorekan di kiri dan kanan parit yang mana kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dijalankan secara berkala dua kali setahun. Manakala untuk program jangka panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah memasukkan cadangan projek bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Pekan Meru ke dalam Senarai Rancangan Malaysia kesepuluh (RMK-10). Komponen kerja yang dimasukkan ke dalam cadangan program RMK-10 tersebut adakah termasuk menaik taraf parit tanah kepada parit konkrit, kerja ukur, pengalihan utiliti, serta menggantikan lintasan sempit seperti jambatan dan pemetung. Cadangan program ini amat diperlukan memandangkan saliran sedia ada tidak dapat menampung kuantiti air hujan yang banyak terutama ketika hujan turun berterusan melebihi dua jam. Bagi anggaran kos perbelanjaan untuk cadangan jangka pendek bagi kedua-dua pusingan dalam tempoh setahun dianggarkan sebanyak RM 400,000.00. Manakala, anggaran kos perbelanjaan yang diperlukan untuk cadangan jangka panjang yang telah dimasukkan ke dalam RMK-10 adalah sebanyak RM 30 juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Terima kasih Puan Speaker soalan No. 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: JAMBATAN KETIGA KLANG

120. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu membina Jambatan Ketiga Klang dengan harga RM300 juta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan negeri terhadap projek ini?
- b) Apakah negeri menggunakan rizab untuk membiayai kos projek?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker Sungai Panjang ingin mengetahui perkembangan pembinaan Jambatan Ketiga Klang. Proses pelaksanaan sudah bermula dan perbadanan atau pihak yang menentukan pelaksanaan ini ialah Pihak Berkuasa Tempatan Klang di bawah Yang Dipertua Majlis Perbadanan Klang. Kita telah mengadakan 3 peringkat, satu peringkat ialah memperkenalkan tempat untuk jambatan tersebut. Kemudian disusuli oleh satu pertandingan untuk memilih *design* jabatan tersebut dan diadakan pameran. Untuk makluman Dewan Vast Consultants Sdn Bhd adalah juara Pertandingan Reka bentuk Jambatan Ke-3 Klang dan gambar-gambar dan mereka ini sudah dipaparkan di Klang juga di Shah Alam untuk perhatian masyarakat. Peringkat yang Ke-3 ini ialah proses membuat *prill on quantity* yang dijangka dalam bulan Oktober akan diiklankan supaya dapat dibuat tender terbuka.

TUAN SPEAKER : Soalan No.121 telah ditolak. Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIEI : Terima kasih Puan Speaker soalan No. 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : **LRT KELANA JAYA KE PUTRA HEIGHT**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Perincian status terkini pembinaan sambungan LRT Kelana Jaya ke Putra Heights.
- b) Apakah kerajaan negeri maklum tentang pampasan yang perlu dibayar kepada mereka yang terpaksa berpindah dan berapakah jumlahnya?
- c) Siapakah sebetulnya wakil kerajaan negeri yang memantau projek ini kerana aduan penduduk setempat banyak aspek keselamatan diabaikan oleh kontraktor?
- d) Huraikan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani aduan penduduk sekitar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker status pembinaan projek sambungan LRT Kelana Jaya sehingga kini adalah 80% siap. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri terutamanya

di Stesen 11 dan 12 yang berhampiran Taman Subang Alam, Seksyen 27 dan Putra Heights. Tiada pampasan yang perlu dibayar kerana tiada sebarang pengalihan rumah kediaman mahupun bangunan yang perlu diroboh untuk pembinaan projek sambungan LRT Kelana Jaya ke Putera Heights. Semua Pihak Berkuasa Tempatan merupakan wakil Kerajaan Negeri dalam memantau projek dan menjelaskan aduan yang diterima mana-mana pihak berhubung dengan projek sambungan berkenaan dalam isu ini Majlis Perbandaran Shah Alam dan Majlis Perbadanan Subang Jaya akan sedia membantu menjadi pengantaraan berbagai-bagai Jabatan masing-masing. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah keselamatan bagi memastikan semua aduan penduduk sekitar ditangani dengan segera. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah:

1. Melantik perunding bebas untuk memberi pandangan serta cadangan bagi menyelesaikan isu ini dengan mengkaji dan meneliti permukaan tasik dan memastikan struktur tanah berkenaan kukuh untuk aktiviti pembinaan tiang dan cerucuk serta kerja-kerja berkaitan dengannya.
2. Menurunkan paras air tasik ke paras tanah sedia ada bagi mengukuhkan keadaan tebing tasik berkenaan serta mengarahkan agar pihak pemaju membina struktur longkang *sprill way*, longkang kekal yang lebih besar bagi memudahkan pengairan keluar air tasik.
3. Mengadakan beberapa sesi perbincangan dan pameran kepada pihak penduduk mengenai projek ini yang boleh diperolehi dari projek Information Sentral yang bertempat di Aras CP2, Sunway Pyramid bermula pada 18 Februari 2013.
4. Mengarahkan pihak pemaju agar mengemas kini maklumat kemajuan projek di laman web sesawang <http://www.lrtextension.com> untuk kemudahan orang awam.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Speaker soalan No.123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: AIR

123. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Air terawat dibekalkan melalui Wangsa Maju ke Ampang khususnya di Flat Desa Lembah Permai, kenapa selalu di Desa Lembah Permai apabila ketiadaan air, alasan yang diberikan tekanan air rendah?

- c) Ketika masalah di wangsa maju kenapa pihak bekalan air tidak mengambil sahaja air dari Ampang Intake untuk diagihkan ke kawasan sekitar? Kenapa perlu ambil air di Selayang dan Gombak yang terlalu jauh?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker Lembah Jaya menanyakan tentang air yang terawat dibekalkan melalui Wangsa maju ke Ampang khususnya di Flat Desa Lembah Permai, kenapa selalu di Desa Lembah Permai terdapat ketiadaan air. Jawapannya ialah kawasan Lembah Permai termasuk Flat Desa Lembah Permai menerima bekalan air terawat dari loji rawatan air Ampang Intake dan rumah pam Wangsa Maju. Loji rawatan air Ampang Intake hanya mampu mengeluarkan bekalan air sebanyak 18 juta leter sehari. Kepadatan penduduk di kawasan tersebut telah meningkat melebihi lebih 10,000 orang. Kawasan Flat Desa Lembah Permai terletak di kawasan yang tinggi. Justeru apabila berlaku henti tugas air di loji Ampang Intake atau gangguan rumah pam di Wangsa Maju, maka kawasan Flat Desa Lembah Permai akan terjejas. Walau bagaimanapun, usaha sekarang telah dilakukan untuk mengadakan *transit* air daripada satu kawasan sana di mana kita mesti dapat mengeluarkan air lebih banyak daripada 18 juta leter sehari. Dan ini telah mula dilakukan dan dana untuk memperbaikinya diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri supaya ia dapat cepat dilakukan.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan tambahan ya..

TUAN SPEAKER : Ya Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Ya saya hendak tahu jawapan daripada Tan Sri itu adalah datang daripada SYABAS ke atau datang daripada mana sebab sekarang ini saya telah mengadakan usaha dekat sana dan masalah itu telah selesai sekarang ini apabila di tempeng daripada Ampang Intake boleh tampung pun

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebenarnya boleh...itu boleh tapi apabila ia rosak dekat saya diberi *briefing* dekat kawasan Wangsa Maju itu jadi apabila ia rosak kolam yang menyimpan air itu akan berkurang jadi bila dia berkurang dia memakan masa 8 jam untuk dipenuhi. Oleh sebab itu Flat Permai itu tunggulah 8 jam sebelum orang lain dapat itu dia...saya kata itu tidak boleh terima kita mesti *try* la sistem mananya kalau rosak ini, ini tampung jadi sekarang ialah *on line* sistem itu sebab saya tidak anggap ini selesai. Selesaiinya sebab SYABAS tidak buat cara-cara yang di peringkat antarabangsa *try* guna sistem. Itu sebab saya minta daripada pihak UPEN bersama dengan Dato' SUK untuk memikirkan cara yang boleh kita tentukan air itu sentiasa ada. Ini bukan dilakukan hanya untuk air sahaja, kalau saudara tahu Tenaga Nasional pun buat begitu juga satu *system crosline*, jika dia jatuh, dia ada *system crosline* dan macam kita tidak tahu ada yang rosak, itu yang sepatutnya berlaku.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Jadi saya berharap benda ini tidak berulang lagi dan kalau boleh daripada pihak Perbadanan Menteri Besar mengeluarkan satu arahan mengajar kepada SYABAS kalau air di Lembah Jaya tidak ada tidak payahlah pergi ambil air yang sampai di Gombak, ambil sahaja di Ampang Genting setengah kilometer sahaja, jadi cepat bekalan air itu. Jadi minta dikeluarkan arahnya.

TUAN SPEAKER : Soalannya Yang Berhormat Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Arahan kepada SYABAS.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker saya faham maksud dia supaya dapat mengurangkan kos tetapi Syabas lebih suka kontraktor yang banyak kos, itu sahaja, jadi saya tidak hendak jadi apabila kita ambil alih besok, kos kita mesti berkurangan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat Puan Speaker soalan nombor 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PBT

124. Pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT penting untuk memastikan kebolehan mereka menyelenggarakan keperluan rakyat bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2013?
- b) Berikan pecahan pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT dari 2008 hingga 2013?
- a) Apakah strategi PBT untuk meningkatkan pendapatan dan mengawal perbelanjaan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker. Yang Berhormat Batang Kali bertanyakan statistik dan pecahan prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari tahun 2008 hingga 2013. Oleh kerana ia melibatkan angka-angka yang terperinci jawapan bertulis akan dibentangkan kepada Batang Kali. Bagi tafsiran cukai-cukai, cukai tafsiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan di Negeri Selangor PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil cukai dalam usaha

meningkatkan hasil yang ternyata agar memperkukuhkan rizab majlis antaranya ialah dengan merancang pembangunan ekonomi setempat bagi menggalakkan perlesenan aktiviti penduduk, mengurus harta-harta Majlis dengan lebih efisien iaitu nilai sewaan yang kompetitif, penguatkuasaan iaitu denda dan kompaun, pengawalan perbelanjaan Ahli majlis mengamalkan konsep *value for money* di mana semua perolehan kerja atau barang adalah melalui proses sebut harga, tender ataupun undi. Pelaksanaan kerja pemberian barang adalah mengikut selain mengamalkan sikap jimat cermat dengan menggunakan sumber dalaman majlis.

TUAN SPEAKER : Teratai, tidak hadir, Bukit Antarabangsa.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Peraturan mesyuarat 24(2) berdiri untuk mengambil pertanyaan Teratai sebab saya mengeluarkan pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku saya tidak benarkan sebab saya telah panggil Bukit Antarabangsa untuk soalan seterusnya.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker.

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN B. ALI : Soalan 126.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROJEK OLEH PEMAJU SWASTA

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pemaju swasta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan memandangkan aturan wajib pembangunan serta *capital contribution* yang dikenakan ke atas pemaju sentiasa berubah dan tidak konsisten ?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, terima kasih Bukit Antarabangsa kerana membangkitkan tentang *capital contribution* yang dikenakan kepada pemaju yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Perkara ini telah mula diperbincangkan sejak 2005 di mana pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai dana untuk memperbaiki, memperbetulkan prasarana kawasan tersebut. Jadi oleh kerana itu terdapat perbincangan antara Pihak Berkuasa Tempatan dan juga kerajaan termasuk juga Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan apa yang dipanggil satu akaun amanah. Yang mana akaun amanah itu digunakan dan dikenakan kepada pemaju-pemaju di bawah dasar jika terdapat perubahan penggunaan dana, perubahan kepadatan atau pun perubahan di mana ianya dikenakan perubahan tambahan. Dan kira-kira untuk membuat pembayaran tambahan perubahan itu telah sedia ditentang oleh konsultan-konsultan yang membuat teknikal kepada pihak berkuasa tempatan tersebut. Kedua

dana ini mestilah digunakan untuk pembangunan di kawasan tersebut dan infrastruktur projek kawasan tersebut. Buat masa ini dua PBT, tiga saya rasa yang sekarang cuba melaksanakan konsep ini satu bandar raya Shah Alam, bandar raya Petaling Jaya dan bandar raya Subang Jaya. Dan usaha ini akan kita tentukan supaya dana yang dikutip dari sini tidak digunakan apa-apa pun selain daripada pembinaan prasarana di kawasan-kawasan pembangunan ini.

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN B. ALI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN B. ALI : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, Aturan wajib pembangunan dan *capital contribution* tidak konsisten di antara maka persoalan saya adakah tidakkah kerajaan negeri bercadang menyeragamkan syarat-syarat dikenakan ke atas pemaju dengan garis panduan yang lebih jelas bagi menarik lebih banyak pemaju swasta yang terlibat dalam pembangunan. Kita harus ingat banyak cas-cas lain yang dikenakan ke atas pemaju yang lain selain *capital contribution*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih soalan Bukit Antarabangsa atau pun yang dinyatakan itu memang betul, kita telah meminta pihak berkuasa tempatan untuk mengumumkan secara terbuka cas-cas yang dikenakan supaya tidak ada satu *surprise* maknanya jika kita umumkan dan pengumuman itu berlaku sekurang-kurang satu atau dua tahun kerana kalau tidak ia berubah-ubah dan saya telah menghantar kepada Bukit Antarabangsa dan untuk makluman Bukit Antarabangsa formula-formula cas yang dikenakan kepada konsultan-konsultan supaya mereka konsisten untuk selama-lama dua tahun kalau ada perubahan yang dibuat. Kedua kita tidak boleh membuat kesamaan untuk daerah-daerah seperti Sabak Bernam dan Hulu Selangor, tidak boleh sebab kawasan-kawasan itu masih mendapat sokongan daripada kerajaan negeri dan juga persekutuan untuk pembangunan. Oleh sebab itu *capital contribution* tidak boleh dijalankan di situ.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK : Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya nak tanya kesan *capital contribution* kepada pemaju-pemaju perumahan dan termasuk ke dalam harga rumah dan apakah kesannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Secara keseluruhannya kesannya sangat positif sebab pemaju-pemaju merasakan tidak lagi alasan pihak berkuasa tempatan untuk tidak membina jalan sambungan, tidak membina longkang-longkang dan seterusnya walau pun jawapan itu akan ada hubungannya dengan kos penjualan untuk pemaju-pemaju tersebut. Tetapi pemaju mendapati kali ini, pemaju tidak dikenakan kos bertindih, sudahlah pemaju kena bayar *capital contribution* geran dan lepas itu pemaju juga kena buat jalan-jalan sambungan. Kali ini jalan-jalan sambungan kalau dibuat oleh

PBT ataupun dibuat oleh pemaju dan dia ditolak dari *capital contribution* geran yang diberikan. Jadi kos pemaju jelas, dia tidak dikenakan kos berganda.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, Puan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan Y.A.B. Menteri Besar tadi berkenaan *charge* pemajuan yang dikenakan untuk tambahan *block ashore*. Sekiranya PBT membuat keputusan untuk mengurangkan *block ashore* kerana mungkin kesesakan lalu lintas, apakah implikasi kewangan terhadap PBT atau pun kerajaan negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jawapannya Yang Berhormat Puan Speaker. Sudah tentulah dana untuk pembangunan infrastruktur di kawasan tersebut akan berkurang, jadi itu dana, tak cukup jika keputusan yang dibuat tidak menggalakkan pembangunan yang padat di sana. Jadi dalam erti kata yang lain tidak perlu pembangunan infrastruktur yang dikenakan. Tapi saya rasa ini perlu kita bincangkan dengan lebih, lebih, lebih, lebih berancang kerana saya dapati Kerajaan Negeri dan juga PBT dan juga Kerajaan Persekutuan bersetuju bahawa salah satu daripada usaha untuk menggalakkan pembangunan di kawasan-kawasan bandaran ialah apabila MRT dan LRT sampai ke kawasan tersebut dan kawasan itu apa yang dipanggil perubahan *block ashore* boleh diberikan, dengan itu boleh mendapat caruman tambahan untuk pembangunan di PBT-PBT berkenaan.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN : Puan Speaker, soalan 127.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: MASALAH CF TAMAN PERUMAHAN DAN PANGSAPURI

127. Antara masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah adalah kegagalan pihak pemaju untuk memperoleh CF kerana kegagalan mematuhi beberapa syarat dan akhirnya mereka berlepas tangan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah penyelesaian terhadap masalah CF?
- b) Apakah tindakan yang diambil untuk membantu pembeli yang terperangkap dengan masalah tersebut?

- c) Apakah tindakan susulan terhadap masalah CF Taman Desa Gemilang di Sg. Pusu?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor selepas tahun 2007 tidak lagi mengeluarkan CF dan menggantikannya dengan Perakuan Siap dan Pematuhan CCC. CCC dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan dengan izin *principle summing persons* iaitu arkitek profesional, jurutera profesional atau pun pelukis pelan bangunan. Walau bagaimana pun bagi pembangunan yang melibatkan CF sebelum ini, langkah-langkah penyelesaian terhadap masalah CF adalah seperti berikut:

- 1) Mengaturkan Mesyuarat Teknikal bersama pemaju, perunding dan agensi teknikal bagi mengenal pasti masalah dan membincangkan kaedah penyelesaian serta khidmat nasihat dan mempermudah cara tanpa mengetepikan prosedur;
- 2) Mengemukakan status terkini kepada Pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan (KPT) bagi membantu pembeli untuk mendapatkan CF;
- 3) Mengenakan syarat yang minima bagi pengeluaran CF;
- 4) Membenarkan pengeluaran CF secara berfasa dengan syarat keperluan kemudahan asas disiapkan keseluruhan dengan persetujuan agensi teknikal; dan
- 5) Menghalang pihak pemaju yang bermasalah untuk mengemukakan permohonan pembangunan baru sebelum isu CF yang tertanggung diselesaikan.

Secara umumnya masalah berkaitan CF ini melibatkan pembeli dan pemaju seperti yang tertakluk di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1966) Pindaan 2002. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Negeri boleh memberi khidmat nasihat dari segi teknikal dan perundangan supaya mereka boleh mengetahui hak mereka sebagai seorang pembeli.

Merujuk Klausula 25 Akta Pemajuan Perumahan 2002, ada menyatakan tanggungjawab pemaju bagi mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (CF). Walau bagaimana pun sekiranya pemaju gagal atau tidak mematuhi mana-mana keperluan jabatan teknikal luaran dan dalaman bagi memperolehi CF, pembeli mempunyai hak mengambil perundangan ke atas pemaju, arkitek dan mana-mana orang lain yang berkenaan dengan Pemajuan Perumahan yang dibeli seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 7 Akta Pemajuan Perumahan 2002. Berikut adalah tindakan susulan terhadap masalah CF Taman Desa Gemilang. Status CF di Taman Desa Gemilang adalah Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dan telah tamat tempoh pada 8 Disember 2012. Permohonan ini masih belum memiliki CF penuh kerana perunding masih belum mengemukakan

surat sokongan daripada IWK, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Taman Rekreasi MPS. Tiga, Tindakan susulan Jabatan Bangunan telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk mengemukakan permohonan lanjut tempoh CF. Tanggungjawab perunding yang mengemukakan pelan bangunan untuk penyelesaian masalah CF.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat EXCO tentang *temporary CF* ini, ada *requirement* dengan izin oleh PBT yang mengenakan bank *guarantee* supaya *temporary CF* ini dikeluarkan. Persoalan saya apakah tindakan PBT sekiranya pemaju tidak mahu bekerjasama untuk kita dapatkan *temporary CF* sedangkan rumah telah siap sepenuhnya, rakyat ingin masuk ke rumah, mereka telah dibebankan dengan bayaran sewa soalan pertama. Yang kedua, berlaku keadaan di mana *chicken an act* dengan izin bahawa di antara agensi kerajaan ini di antara IWK, SYABAS, Pemaju ini sering menuding jari ini selesai dulu, orang kata ini selesai dulu, apa peranan PBT untuk selesaikan masalah ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Untuk soalan pertama, sekiranya pemaju enggan memberi kerjasama maka *temporary CF* juga tidak akan dikeluarkan kerana Kerajaan Tempatan dikehendaki memastikan bahawa semua syarat-syarat yang dikehendaki untuk mendapat *CF* itu dipenuhi untuk menjamin keselamatan dan juga kepentingan pembeli atau pun rakyat untuk jangka masa yang panjang.

Yang keduanya, peranan PBT dalam perkara ini hanya merupakan agen untuk memastikan semua pihak dapat berunding untuk mendapatkan penyelesaian terbaik dan walau bagaimana pun Pihak Berkuasa Tempatan berkuasa untuk tidak mengeluarkan *CF* sekiranya syarat-syarat yang dikehendaki oleh jabatan teknikal tidak dipenuhi. Ini juga untuk menjaga kepentingan jangka masa panjang.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, sebelum Paya Jaras meminta soalan tambahan, saya minta semua Yang Berhormat dan para hadirin mematikan telefon bimbit supaya tidak mengganggu perjalanan dewan. Teruskan Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ia, persoalan kepentingan rakyat ini, kadang-kadang disalahtafsirkan oleh PBT. PBT terlalu menekankan masalah teknikal sedangkan rakyat mahu masuk ke rumah secara terdesak. Jadi kadang-kadang saya minta, kadang-kadang PBT harus mengambil kira pandangan rakyat. Ada kes di Paya Jaras di Desa Indah, rumah yang dah siap seratus peratus

TUAN SPEAKER : Paya Jaras terus kepada soalan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalnya sekarang ini, boleh atau tidak ada sedikit kelonggaran oleh PBT dari segi memenuhi tuntutan rakyat untuk masuk ke rumah dengan mengambil kelonggaran dari segi *temporary* CF.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peranan PBT adalah untuk memastikan kepentingan rakyat. Sekiranya PBT mengeluarkan CF tanpa pihak pemaju memenuhi semua syarat yang dikehendaki apabila berlakunya apa-apa kesilapan kemudiannya, PBT boleh dituduh, boleh dituduh kerana tidak menjalankan tugas mengikut undang-undang dan kehendaki membayar pampasan, jangan sebab itu nama kepentingan rakyat tu kita kena beri tafsiran yang betul, kadang-kadang oleh kerana kepentingan politik, kita mengatakan rakyat itu terdesak, oleh itu kita melonggarkan, itu menjadi masalah kepada PBT kemudiannya. Oleh itu saya rasa ini ada budaya, budaya di Negara kita, di mana disebabkan kita nak tolong maka kita, di sebab kita nak kesian, maka kita tidak mematuhi peraturan, itulah menyebabkan masalah susulan yang berlaku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuang, tidak hadir. Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 129.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan di masjid, termasuk menurap kawasan lapang di dalam masjid mengikut susunan tahun 2008 sehingga bulan Mac 2013 di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Puan Speaker, terima kasih kepada Teluk Datuk. Teluk Datuk ingin penjelasan berkaitan dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan naik taraf kemudahan-kemudahan di masjid termasuk menurap kawasan lapang di dalam masjid mengikut susunan tahun 2008 hingga Mac 2013 di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib. Agihan peruntukan menaik taraf kemudahan-kemudahan di masjid bagi daerah Kuala Langat termasuk DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib dari tahun 2008 hingga tahun 2013 adalah seperti berikut:

Tahun **Peruntukan Yang Disalurkan Adalah**

2008	RM 123,000.00
2009	RM 350,000.00
2010	RM2,012,326.11
2011	RM 872,367.47
2012	RM 825,072.34
hingga April 2013	RM 325,000.00.

Maka jumlah keseluruhan ialah sebanyak = RM4,514,765.92.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH : Puan Speaker, soalan 130.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK : PENUKARAN SYARAT GUNA TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan telah diterima dari pihak-pihak berkenaan untuk menukar syarat guna tanah kepada rumah ibadat bukan Islam dari 2008 sehingga 2013?
- b) Berapakah jumlah permohonan telah diluluskan dalam tempoh yang sama dan adakah premium untuk penukaran syarat tanah dikecualikan?
- c) Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan sesuatu permohonan itu tidak berjaya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, Kajang menyatakan tentang penukaran syarat guna tanah rumah ibadat bukan Islam. Untuk pengetahuan Kajang, Jawatankuasa EXCO telah ditubuhkan untuk memantau dan meluluskan penukaran syarat guna tanah rumah ibadat bukan Islam. Sebanyak enam belas (16) permohonan untuk menukar syarat guna tanah kepada rumah ibadat bukan Islam telah diterima pada tahun 2008 sehingga 2013 dan pecahannya adalah seperti berikut:

Hulu Selangor	-	1
Hulu Langat	-	1
Kuala Selangor	-	1
Kuala Langat	-	2
Gombak	-	8
Klang	-	3

dan jumlahnya ialah - 16

Sebanyak 9 permohonan telah diluluskan dan tidak ada pengecualian bayaran premium untuk penukaran syarat-syarat tanah tetapi premium yang dikenakan adalah pada kadar *nominal* sahaja iaitu RM1,000.00 satu lot dan yang telah diluluskan ialah:

Hulu Selangor	-	1
Kuala Langat	-	1
Gombak	-	7
dan jumlahnya adalah	-	9

Secara umumnya sebab utama tukar syarat kepada rumah ibadat bukan Islam tidak diluluskan ialah kerana permohonan tersebut tidak selaras dengan *zoning* yang ditetapkan dalam Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh sebab itu, perlu diadakan apa yang dipanggil *public hearing* untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya ingin mengemukakan soalan tambahan mengenai rumah ibadat status penukaran tanah ini di mana saya dapati Kerajaan Negeri telah mengorak langkah untuk memenuhi kelulusan daripada segi kelulusan hak milik kepada tukar syarat tanah To Kong ini, banyak sudah diberikan tetapi apa yang saya dapati ialah persoalannya terlalu lambat dan mengambil masa yang lama satu permohonan sehingga 2 tahun hingga 3 tahun. Oleh sebab itu saya hendak minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar jelaskan berapa lama satu permohonan daripada *start* hingga ke akhir *time frame* dia, tetapkan supaya mudah kita perjelaskan kepada mereka untuk permohonan tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Salah satu daripada perkara yang dijaga oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah tentang perancangan tempatan iaitu *zoning* rancangan tempatan. Apa yang berlaku apabila *zoning* itu sudah dipersetujui dan jika terdapat pertukaran *zoning* tersebut, yang paling menyukarkan Pihak Berkuasa Tempatan, pemilik-pemilik tanah berhampiran jika terdapat perubahan dari segi kelulusan boleh mengambil tindakan mahkamah. Apabila mereka mengambil tindakan mahkamah, dia perlu banyak masa, sebab mahkamah mengambil masa untuk membuat keputusan. Oleh sebab itu, salah satu daripada cara yang terbaik untuk Pihak Berkuasa Tempatan ialah untuk mengadakan apa yang dipanggil *public hearing* atau pun perjumpaan umum. *Public hearing* memakan masa 6 bulan dan setahun, sebab kita kena umumkan masa *public hearing*, membagi masa untuk mereka-mereka yang memikirkan perkara itu mereka tidak setuju untuk dikemukakan semasa *public hearing* dan oleh sebab itu dia memakan masa antara 6 bulan atau setahun. Kalau tidak ada protes dia lebih cepat dilakukan, kalau ada protes dia kena dibawa balik kepada Majlis Perancangan Negeri untuk diluluskan. Ataupun dibuat keputusan. Ada kala pada masa tersebut, ada juga pemilik tanah membuat apa yang dikatakan rayuan tentang keputusan Majlis Perancang Negeri. Oleh sebab saya rasa memakan masa kalau perkara itu tidak hendak dibawa ke mahkamah memakan masa sekurang-kurangnya setahun. Itu sebab

ada perlunya supaya rancangan tempatan ini dibuat dengan lebih rapi supaya tiada protes-protes yang dijalankan.

Yang Berhormat Chempaka selalu mengadakan perjumpaan-perjumpaan tersebut dan ada kalanya dia tidak dapat persetujuan daripada mereka ini.

Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin mendapat kepastian jika permohonan untuk rumah ibadat ini adalah selaras dengan rancangan tempatan. Rancangan Tempatan ini membenarkan rumah ibadat di tanah tersebut adakah Kerajaan Negeri dan meluluskan permohonan untuk tukar syarat tanah ini dan adakah syarat-syarat ataupun kekangan lain yang mungkin dihadapi semasa membuat permohonan tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pada dasarnya Jawatankuasa Rumah Ibadat EXCO iaitu tidak menghalang pembangunan tersebut. Pada dasarnya ia menasihatkan EXCO meluluskan kelulusan pembinaan rumah ibadat tersebut dan tanahnya daripada diberi kepada Persatuan-persatuan tersebut tetapi untuk meringkaskan usaha tersebut digazetkan sebagai kawasan rumah ibadat dan tidak perlu pembayaran-pembayaran untuk dilakukan. Jadi semua ini sudah dalam program kita. Apa yang berlaku terdapat juga jiran-jiran yang melakukan apa yang dipanggil protes tentang pembangunan rumah ibadat tersebut.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B TUAN KHASIM BIN AHMAD AZIZ : Terima kasih Puan Speaker. Soalan no.131.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN KASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TADIKA

131. Terdapat banyak tadika kemas dan perpaduan beroperasi di Bangunan Kerajaan Negeri seperti di dewan dan juga di bangunan di bawah seliaan JMB.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan sewa terhadap tadika ini dan wajarkah JMB juga mengenakan bayaran terhadap tadika ini?

- b) Kenapa tidak kerajaan mengambil alih tadika ini dengan memperkembangkan Pra Sekolah JAIS yang yurannya mampu dibayar oleh rakyat berpendapatan rendah

Y.B PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Lembah Jaya. Selamat sejahtera Lembah Jaya mengatakan terdapat Tadika Kemas dan Perpaduan beroperasi di bangunan kerajaan negeri seperti di dewan dan di negeri di bawah seliaan JMB. Adakah kerajaan mengenakan sewa terhadap tadika ini dan wajarkan JMB mengenakan bayaran terhadap Tadika ini.

Untuk makluman Lembah Jaya sewa boleh dikenakan kepada Tadika KEMAS dan Perpaduan yang beroperasi di bangunan kerajaan negeri. Kepada JMB juga berhak untuk mengenakan sewa ataupun tidak mengenakan sewa. Namun demikian berdasarkan seksyen 22 Akta Bangunan dan Harta benda Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 dan Akta 663, hasil berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Penyelenggaraan dan Bangunan JMB dan dinyatakan secara jelas dalam laporan audit akaun.

Ke 2. Kenapa kerajaan tidak ambil alih tadika ini dan memperkembangkan Pra Sekolah JAIS. Yuran mampu dibayar oleh rakyat berpendapatan rendah. Saya rasa bukan masalah yuran ye Lembah Jaya. Kerajaan Selangor telah ada skim bantuan tadika iaitu RM50 sebulan perkapita satu kepala kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi. Jadi ini bukan masalahnya. Jadi saya rasa tadika dan sekolah perpaduan dan juga Pra Sekolah JAIS ini kategori yang sama. Orang yang tidak mampu membayar tempat pra sekolah yang lebih mahal. Soalan sama ada kita nak ambil alih sekolah-sekolah tadika ini. Kerajaan negeri tidak ada mempunyai bidang kuasa ke atas sekolah tadika KEMAS dan Perpaduan. Ianya di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi hanya sekiranya ia di bawah bangunan kerajaan negeri kalau JMB, di bawah JMB lah tetapi untuk memperkembangkan sekolah JAIS kita sedang beri prioriti bidang mana yang mahu bajet kerajaan negeri ini di peruntukan sama ada peringkat pra sekolah atau sekolah rendah ataupun sekolah menengah ataupun di IPT.

Jadi inilah bidang polisi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini untuk meletakkan prioriti. Mungkin Pra sekolah JAIS bukan satu bidang tetapi kita melihat keseluruhannya satu bidangnya insya-Allah ini kita tengah bincangkan polisinya. Terima kasih.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Saya bersetuju dengan tadilah. Jika yang murah ni dikekalkan. Cumanya Kerajaan Negeri saya tengok tadika ni kadang-kadang ada di tanah JKR, tanah untuk rizab jalan, kadang-kadang di tepi padang kawasan tanah lapang. Jadi tidak ada keselarasan. Jadi saya harap kerajaan negeri bertindak sesuatulah supaya untuk jangka masa panjang perkara ini tidak berlaku lagi.

TUAN SPEAKER : Soalannya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalannya minta kerajaan negeri minta agar supaya benda ni dipindahkan ke supaya berada di Tapak yang betul.

TUAN SPEAKER : Itu cadangan Yang Amat Berhormat Lembah Jaya. Sg. Air Tawar

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 132.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

132. Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia seharusnya menerajui industri pertanian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah sumbangan industri pertanian terhadap ekonomi negeri hari ini?
- b) Apakah kejayaan-kejayaan industri sektor pertanian Selangor sejak lima tahun lalu?
- c) Apakah langkah untuk memacu industri ini ke peringkat lebih tinggi?.

Y.B. TUAN SALEHEN B. MUKHYI : Terima kasih kepada Sg. Air Tawar. Sg. Air Tawar ingin penjelasan berkaitan dengan sumbangan atas industri pertanian terhadap ekonomi negeri. Sumbangan industri pertanian kepada ekonomi negeri adalah peningkatan hasil pertanian bagi memenuhi keperluan makanan bagi rakyat Negeri Selangor. Berikut adalah data hasil tahun 2012 berbanding 2011. bagi 5 program atau projek membabitkan projek berkelompok tanaman kekal pengeluaran makanan, usahawan dan tanah terbiar. Jadi bagi nilai pengeluaran bagi keempat-empat bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM255,626,770.61. Bagi 2012 RM326,499,004.11.

Untuk soalan kedua apakah kejayaan-kejayaan industri sektor pertanian Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu. Kejayaan-kejayaan industri sektor pertanian Negeri Selangor sejak 5 tahun lalu ialah pada tahun 2012 Negeri Selangor telah menunjukkan prestasi yang baik dalam sektor pertanian di mana sektor ini berjaya mengeluarkan hasil pertanian yang merangkumi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus. Tanaman ladang tanaman industri serta produk-produk hiliran berasaskan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM326.5 juta. Projek

tanam kekal pengeluaran dan makanan di Negeri Selangor PKPM merupakan projek tanaman hasil dan pendapatan tertinggi PKPM. PKPM Malaysia pada tahun 2012 iaitu 26,000 metrik tan dengan nilai RM31 juta. Negeri Selangor turut mencatatkan hasil tertinggi berbanding dengan jelapang padi dengan negeri yang lain iaitu 6.1 tan metrik per hektar pada tahun 2012. Berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Untuk soalan yang ke 3. Sg. Air Tawar ingin menjelaskan tentang apakah langkah-langkah untuk memacu industri ke arah peringkat yang lebih tinggi?

Langkah untuk memacu industri ini ke peringkat lebih tinggi adalah memberi tumpuan kepada:

Pengeluaran Makanan; Tanaman Padi, Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Sebagai negeri industri dan hampir 80% adalah kawasan Bandar, Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan. Terutamanya bagi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa.

TUAN SPEAKER : Boleh bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN SALEHEN B. MUKHYI : Boleh, boleh.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIAPDA
Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: MASALAH SAMPAH KEBUN DAN SAMPAH HARAM

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah baru yang dirancang untuk mengatasi masalah kutipan sampah kebun dan sampah pukal di kawasan Bandar?
- a) Apakah statistik penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram mengikut kawasan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS : Terima kasih Puan Speaker, Bukit Gasing bertanyakan tentang masalah sampah kebun dan sampah haram.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti menambahkan jadual kutipan tapak kebun dari 2 kali kepada 8 kali dan sampah pukal 12 kali sebulan. Dengan menyediakan pasukan *cool cheepers*, mewujudkan unit *task force* dan unit *flying squad*. Yang ketiga menyediakan tapak pengeluaran sampah serta menyediakan tong *roll rule* di kawasan pasar dan pembinaan.

Yang keempat dengan mengarahkan kontraktor menguruskan sampah-sampah kebun dan sampah pukal pada hari-hari tertentu mengikut keperluan. Dengan statistik pengeluaran terhadap pembuangan sampah haram mengikut kawasan adalah seperti berikut:

MBSA pada tahun 2012 sejumlah 129 sehingga Mei 2013 43

MBPJ tiada maklumat.

MPSJ 2011 30, 2012 26 dan sehingga 2013 50.

MPKJ 2008 89, 2009 18, 2010 71, 2011 89, 2012 199, 2013 hingga Mei adalah 32.

MPS 2009 92, 2010 139, 2011 13, 2012 9, 2013 hingga Mei 1.

MPK 2012 391, 2013 tiada maklumat.

MPAJ 2012 156, 2013 sehingga Mei 73.

MPSP 2011 15, 2012 21, dan 2013 hingga Mei 15.

MPKS Mei 2013 220.

MDSB 2008 18, 2009 17, 2010 20, 2011 16, 2012 12 dan 2013 hingga Mei 3.

MDHS 2013 hingga Mei 9.

MDKL 2008 36, 2009 48, 2010 43, 2011 52, 2012 48, 2013 hingga Mei 7.

Menjadi jumlah keseluruhan adalah 473. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya berterima kasih kekerapan mengutip sampah kebun dan meningkat mengikut jawapan Yang Berhormat mengikut EXCO tadi.

Bolehkah PBT diwajibkan untuk memaparkan *schedule* dengan izin kutipan sampah kebun ini ataupun kawasan mana akan dikutip supaya penduduk akan tahu dan menolong kami untuk memantau dan juga saya perhatikan tindakan penguatkuasaan untuk menangkap pembuangan haram ini amat kurang. Ada tak cadangan-cadangan

untuk meningkat supaya orang awam tidak membuang sampah ini merata-rata mengotorkan Bandar kami.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS : Terima kasih. Kami kira langkah yang saya sebutkan tadi adalah langkah-langkah baru yang kita nak ambil pihak PBT dan kita harapkan saya kira tidak ada masalah untuk PBT memaparkan masa kutipan sampah-sampah yang kita cadangkan tadi dan bagi pembuangan sampah haram ini kira jumlah penguatkuasa kita pun terlalu terhad dan kita mengharapkanlah orang awam dan mereka Ahli Majlis dan sebagainya untuk membantu kita dalam memaklumkan pembuangan sampah haram ini dan kita harapkan yang akhirnya masyarakat dapat kebersihan yang terbaik di kawasan-kawasan PBT. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Mengenai dengan longgokan-longgokan sampah haram ini yang dibuang merata, ya, kadang-kadang kita nampak memang PBT berusaha untuk membersihkan sampah-sampah haram. Tetapi, ia sukar dibendung. Apakah mekanisme yang akan digunakan oleh pihak PBT untuk membendung, satu, atau pun menaikkan, dan menggubal undang-undang, untuk menaikkan denda dan sebagainya supaya mereka betul-betul tidak berani untuk buang sampah. Kalau tidak benda itu tidak selesai. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Sekinchan. Saya kira semua sedia maklum di kawasan PBT-PBT yang mempunyai kawasan-kawasan pembuangan sampah haram seperti ini. Walau pun usaha-usaha telah dijalankan oleh PBT, kadang-kadang mendapat laporan daripada Ahli Majlis dalam masa beberapa jam mereka akan turun membersihkan kawasan ini. Tetapi dalam masa yang singkat juga kita dapati orang awam masih lagi membuang sampah seperti itu. Antara beberapa tindakan yang telah diambil yang saya kira pun tidak mendapat kesan yang baik termasuklah memberikan papan notis jangan buang sampah, kadang-kadang banyak sampah dihantar ke situ. Begitulah dengan meletakkan *RORO* makin banyak juga sampah dibuang di situ dan saya kira mungkin beberapa perkara yang penting adalah sama-sama masyarakat untuk mengenal pasti pembuangan sampah ini untuk kita, ah! mungkin kita kesan dengan secara terus ya! dan mungkin daripada segi penguatkuasaannya kita kenakan denda yang lebih berat kepada mereka ini supaya. Tapi saya melihat juga bahawa disiplin atau pun pendidikan perlu juga kita beritahu kepada masyarakat supaya sama-sama mengambil tanggungjawab ini untuk menjaga kebersihan di kawasan kita. Selain daripada itu, saya kira di bawah *STANDCO PBT* sudah difikirkan apa rancangan-rancangan tertentu khusus untuk menangani masalah pembuangan sampah haram ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMULIHAN JALAN-JALAN UTAMA SELANGOR

134. Keadaan jalan-jalan utama yang berlubang mengundang bahaya dan kerosakan kepada kenderaan pengguna jalan raya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah penurapan semula jalan-jalan dan penukaran lampu jalan kepada jenis LED yang lebih menjimatkan dan mesra alam dibuat?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Ah! Taman Medan bertanya berkaitan dengan pemuliharaan jalan-jalan utama Negeri Selangor, terutamanya penurapan-penurapan jalan dan juga penukaran lampu jalan kepada jenis LED yang kita rasa lebih menjimatkan dan juga mesra alam. Untuk makluman, pihak kerajaan mengambil maklum keadaan jalan-jalan utama yang mengalami kerosakan. Ini adalah disebabkan oleh kebanyakan jalan-jalan utama ini telah melebihi jangka hayat, reka bentuk dan penambahan serta had muatan trafik. Sebanyak lebih kurang RM77 juta setahun telah disediakan untuk menaik taraf jalan-jalan yang rosak ini. Di antara jalan-jalan yang telah dinaiktarafkan adalah seperti berikut:-

JALAN-JALAN YANG SUDAH SIAP DINAIKTARAF

DAERAH	JALAN YANG TERLIBAT	STATUS
Petaling	Jalan Kelang Lama, Jalan Monfort, dan Jalan Monteres.	Semua sudah siap Dilaksanakan
Kelang	Jalan Haji Manan, Jalan Haji Sirat dan Jalan Sungai Jati.	Semua sudah siap dilaksanakan.
Gombak	Jalan Greenwood dan Jalan Batu Caves	Semua sudah siap dilaksanakan
Kuala Selangor	Jalan Raja Muda Musa.	Masih dalam Pembinaan
Hulu Langat	Jalan Reko	Masih dalam Perlaksanaan
Sepang	Jalan Jenderam	Masih dalam Pelaksanaan

Penggunaan lampu LED telah dimulakan dengan projek perintis iaitu di Jalan Putra Permai ke Lebuhraya KL Putrajaya fasa 1A. Jalan sehalu di pekan Seri Kembangan dan jalan sekitar Seri Kembangan. Penggunaan lampu LED ini akan digunakan bagi semua projek baru dan bagi lampu-lampu sedia ada akan digantikan secara berperingkat mengikut keutamaan jalan dan peruntukan yang kita ada. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Puan Speaker. Rawang ingin bertanya sama ada kerajaan Negeri ada satu pelan tindakan untuk menentukan keutamaan jalan-jalan JKR Negeri atau pun jalan-jalan utama yang perlu dinaiktarafkan dan apakah kriteria yang digunakan dalam penentuan keutamaan ini.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira dengan adanya peruntukan yang saya rasa agak terhad, kerajaan Negeri melihat bahawa utamanya ialah jalan kerajaan Negeri. Terutamanya jalan-jalan utama, jalan *sekunder*, jalan *minor*, ini adalah menjadi prioriti. Walau bagaimanapun kita melihat prioriti daripada segi kerosakan dan juga daripada segi had muatan trafik yang mana kadang-kadang benda itu mungkin bukanlah jalan utama, tapi keperluan dan had muatan trafik yang tinggi dan kerosakan yang teruk ini juga menjadi prioriti dan secara umumnya saya kira jalan-jalan yang sudah jangka hayatnya sudah lebih daripada sepuluh tahun dan kerosakan jalan dan had muatan yang begitu tinggi masih lagi menjadi prioriti dalam pelaksanaan, naik taraf jalan-jalan kerajaan Negeri ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan akan membayar, contohnya macam pampasan dan sebagainya, saya hendak ambil rujuk kepada Jalan Raja Musa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang mana di situ ada penempatan-penempatan setinggian yang memang dah 60, 70 tahun dan dia terlibat dengan kawasan pembesaran itu. Apa mereka akan diberi bentuk pampasan atau pun tempat kediaman lain untuk mereka berpindah. Kerana mereka ini memang merupakan tak ada tempat tinggal yang apa nilah, ada lebih kurang ada empat belas keluarga di sepanjang Jalan Raja Musa itu.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Permatang. Saya ingat kerajaan Negeri sudah melihat perkara ini dan antara beberapa cadangan yang kita lihat adalah untuk melihat penempatan semula. Cuma dalam kajian kami sama penempatan semula itu adalah bersesuaian dengan tanah yang dicadangkan dan kita dapati sebahagian tanah itu adalah tanah yang terdedah kepada banjir dan insya-Allah perkiraan-perkiraan ini akan terus dilihat sama ada kerajaan negeri akan memberikan

tanah penempatan yang baru atau pun pampasan-pampasan kepada mereka yang terlibat dalam pembesaran jalan ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tambah sedikit Puan Speaker, kerana kawasan kediaman mereka ini sudah hampir sangat dengan apa ni, pembesaran itu sekarang. Mungkin dalam tempoh sebulan daripada sekarang. Sedangkan mereka masih tak ada lagi tempat kediaman. Itu masalahnya.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Okey, terima kasih Permatang. Saya ingat ini antara perkara yang sangat penting bagi kerajaan Negeri melihat kepada setinggan-setinggan yang telah menduduki kawasan-kawasan tertentu yang mana pada hari ini kita memperkenalkan *premium* seribu ringgit kepada setinggan-setinggan yang duduk dan tidak ada masalah. Begitulah juga apabila setinggan-setinggan ini terlihat di dalam projek-projek kerajaan Negeri termasuklah pembesaran jalan ini. Saya kira antara matlamat kita adalah memberikan tempat untuk mereka, atau pun tempat tinggal baru kepada mereka supaya akhirnya kebajikan kepada mereka ini terpelihara. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 135.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PRASARANA ASAS SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA RAKYAT DAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah usaha kerajaan Selangor membantu meningkatkan prasarana asas sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan?
- b) Berapakah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan mengikut kategori berikut?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih Tanjung Sepat. Tanjung Sepat mahu bertanya sejauh mana usaha kerajaan Negeri Selangor membantu meningkatkan prasarana asas sekolah-sekolah Agama Rakyat dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Seperti yang Tanjung Sepat maklum, semenjak kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih penerajuan, pemerintahan negeri Selangor ini kita telah membuatkan satu dasar di mana kita mahu kita menyediakan suasana PNP

atau Pengajaran dan Pelajaran yang lebih kondusif supaya guru-guru yang mengajar dan pelajar-pelajar yang belajar diberikan satu suasana yang memungkinkan proses pembelajaran dan pelajaran yang terbaik. Dan ini dilakukan melalui Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor bermula tahun 2009 dengan peruntukan sebanyak enam belas juta ringgit setiap tahun. Dan sebanyak enam juta ringgit telah di peruntukan bagi Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan empat juga ringgit untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Jadi keseluruhan bantuan yang telah bermula semenjak 2009 sehingga Mei 2013 adalah sebanyak RM 76,276,467.80. Berikut adalah kewangan yang secara terperinci bagi kategori yang disebutkan oleh Tanjung Sepat.

Bagi Sekolah Agama Rakyat	Peruntukan RM
2009	5,425,972.00
2010	4,970,000.00
2011	4,744,000.00
2012	8,794,800.00
2013	6,293,000.00

Bermakna Sekolah Agama Rakyat telah pun diberi bantuan RM 30,227,772.00.

Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Cina.

2009	6,000,000.00
2010	4,165,000.00
2011	5,855,000.00
2012	6,000,000.00
2013	4,485,000.00

Maknanya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah menerima RM 26,505,000.00.

Sekolah Kebangsaan Tamil

2009	3,957,726.00
2010	4,121,552.80
2011	3,466,000.32
2012	4,000,000.00
2013	3,998,385.00

Maknanya setakat ini Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah menerima RM 19,543,695.80. Sekian, Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN : Memandangkan aspek pendidikan adalah merupakan suatu aset kepada generasi akan datang untuk Sekolah Agama Rakyat atau pun sekolah jenis kebangsaan ini kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah wang, seperti mana dikatakan tadi. Bagaimana pula, apakah cadangan atau pun apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri Selangor terhadap Sekolah Rendah Agama dan juga Sekolah KAFA ini bagi melengkapkan atau membantu kerosakan-kerosakan atau pun penyelenggaraan sekolah-sekolah tersebut.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Bagi Sekolah-sekolah Agama yang di bawah Jabatan Agama Islam Selangor iaitu sebagai sekolah kerajaan negeri Selangor itu sendiri kita sedang meneliti bagaimana perbelanjaan atau penggunaan peruntukan yang telah diberikan yang agak besar bagi Sekolah-sekolah Rendah Agama ini dan semua sekolah di bawah JAIS ini termasuklah Sekolah KAFA dan kita akan melihat semula bagaimana pengagihan itu penggunaan itu digunakan secara optimum dan memastikan prasarana itu juga diselenggarakan dengan cara yang lebih baik daripada apa yang kita lihat selama ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan Puan Speaker. Adakah kerajaan bercadang di bawah pendidikan ini memberi sumbangan kepada sekolah kebangsaan di seluruh negeri Selangor. Terima Kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Ah! Insya-Allah, pasukan kerja di bawah *STANDCO* Pendidikan, insya-Allah akan meneliti bagaimana kita boleh membantu sekolah-sekolah kebangsaan yang seperti yang disebut sebelum ini adalah sebenarnya tanggung jawab Kementerian Pelajaran bukan Kerajaan Negeri. Tetapi sekiranya memang ada keadaan yang begitu terdesak dan memerlukan bantuan daripada kerajaan Negeri kita akan menimbangkannya.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, sering kali kita dengar prestasi yang disebut oleh kerajaan negeri tentang sekolah agama ini, tetapi malangnya *on the ground* dengan izin masih ada lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar. Soalan saya, apakah kerajaan negeri mempunyai satu jawatankuasa khas yang pergi ke sekolah-sekolah ini dan buat *stock taking* dengan izin dan *check* semua prasarana dan baiki kalau perlu.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Paya Jaras. Sebenarnya di dalam apa, oleh kerana sekolah yang di bawah kerajaan negeri Selangor ini, adalah di bawah satu jabatan khas di bawah kerajaan negeri Selangor namanya JAIS. Maka sebenarnya ada pasukan naziran daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ini yang secara teorinya, sepatutnya melihat keadaan-keadaan sekolah yang berada di bawah kelolaan mereka. Namun saya faham mungkin ada juga

rungutan belum, kita belum sampai satu tahap yang memuaskan lagi dan insya-Allah kita akan membuatkan satu dasar baru di mana perkara ini akan kita tangani dengan lebih berkesan. Insya-Allah.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Puan Speaker, soalan No. 136.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL

136. Kerajaan Negeri sebelum ini telah membina banyak gelanggang futsal bagi memberi kemudahan kepada golongan belia menjalankan aktiviti riadah. Namun kini kebanyakan gelanggang futsal itu tidak lagi berada dalam keadaan yang baik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan negeri terlepas pandang terhadap gelanggang-gelanggang futsal yang telah rosak dan perlu di selenggara?
- b) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk mengatasi masalah berkenaan?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah bilangan gelanggang futsal?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Bukit Melawati bertanyakan berkaitan gelanggang futsal yang dibina oleh kerajaan negeri sebelum ini yang mana jumlahnya begitu banyak sama ada kerajaan negeri terlepas pandang di dalam menyelenggarakan kerosakan-kerosakan di gelanggang-gelanggang futsal ini. Dalam isu ini kerajaan negeri tidak terlepas pandang terhadap gelanggang-gelanggang futsal yang telah rosak. Cuma jumlahnya yang begitu banyak gelanggang futsal di negeri Selangor dan kita dapat mengenal pasti juga sebahagian besar daripada gelanggang-gelanggang futsal ini dibina di tanah-tanah kerajaan dan di tanah-tanah *reserve* kerajaan ada juga dibina di tanah-tanah persendirian. Namun begitu kita melihat prioriti terutamanya di kawasan gelanggang-gelanggang futsal yang dibina di atas tanah kerajaan, kita akan selenggarakan dengan jumlah penyelenggaraan baik pulih atau pun naik taraf infrastruktur sukan termasuklah gelanggang futsal yang kita utamakan dalam masa setahun lebih kurang RM800,000 sahaja. Kalau kita bahagikan kepada 56 DUN lebih kurang RM16,000 setahun untuk baik pulih ataupun naik taraf infrastruktur atau kemudahan sukan termasuklah juga gelanggang futsal. Jadi jumlah ini tidaklah begitu besar tetapi kita melihat kepada prioriti-prioriti di kawasan-kawasan tertentu yang mungkin sudah rosak teruk kita akan gantikan. Berkaitan dengan

tindakan jangka pendek atau pun jangka panjang kita melihat bahawa yang penting daripada peruntukkan yang kita ada itu kita dapat naik taraf baik pulih kerosakan-kerosakan ini yang mana yang utamanya yang melibatkan pagar-pagar. Kalau dahulunya pagar-pagar ini adalah jenis siling yang digunakan Kerajaan Negeri pada hari ini melihat pagar yang jenis kolumnis dan mempunyai kekuatan yang lebih baik dan daripada jangka masa panjangnya boleh bertahan dan kalau kita masih lagi menggunakan pagar jenis siling yang mana kadang-kadang setiap tahun kita terpaksa menukar dan ini menjadi pengiraan kepada kita.

Berkaitan dengan cadangan untuk menambah bilangan-bilangan futsal Kerajaan Negeri sentiasa terbuka pada permohonan dan kita akan melihat mempertimbangkan berdasarkan kepada keperluan dan juga kesesuaian tapak-tapak yang ada pun begitu sepertimana yang saya katakan tadi bahawa utamanya adalah untuk menaik taraf atau membaik pulih gelanggang-gelanggang yang sedia ada kepada keadaannya yang lebih baik daripada masa ini. Saya juga mengharapkan supaya pemantauan ini dapat dilakukan bersama-sama termasuklah juga ahli dewan negeri-ahli dewan negeri supaya membantu untuk melihat sama gelanggang-gelanggang yang sedia ada supaya akhirnya *vandalisme* atau salah guna gelanggang-gelanggang ini dapat kita hindarkan dan penggunaan kepada rakyat secara optimum terutamanya kepada anak-anak muda ini dapat dilakukan dengan cara baik yang mungkin. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Terima kasih Speaker. Y.B. EXCO yang berkenaan. Pada pandangan mata saya di kawasan saya terlalu banyak kerosakan yang berlaku ada gambar-gambar di sini. Soalan saya boleh tak dipertingkatkan jumlah perbelanjaan pada tahun 2014 untuk penyelenggara dan membaiki gelanggang-gelanggang yang berkenaan, terima kasih.

Terima kasih kepada Bukit Melawati. Sudah tentulah pihak kerajaan akan melihat perkara ini dan saya sedia maklum dalam masa setahun tidak begitu banyak gelanggang-gelanggang kita dapat perbaiki dengan jumlah kewangan. Sebab itulah apa yang saya katakan tadi adalah penekanan kita kepada kalau pagar itu kepada jenis pagar yang akan bertahan lama dan saya maklum Bukit Melawati ini sebelum ini pun telah menghantar gambar kepada saya begitu banyak dan ini juga akan diambil kira. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan 137 telah dijawab bersekali dengan soalan 7. Soalan 138 juga telah dijawab bersekali dengan soalan nombor 22. Hulu Klang..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker soalan 139.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: KESELAMATAN AWAM

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan "Polis Komuniti"?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri boleh menggerakkan penguatkuasa PBT bagi menjaga keselamatan kejuranan?
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi program pemasangan CCTV di PBT seluruh Selangor?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Puan Speaker, soalan a, untuk soalan ini telah pun dijawab dalam soalan 113. Saya akan terus kepada jawapan b dan c. Puan Speaker, Kerajaan Negeri melalui PBT telah menggerakkan Penguatkuasa PBT untuk bekerjasama dengan pihak Polis bagi melakukan rondaan bersama bagi menjaga keselamatan kawasan kejuranan. Kerajaan Negeri adalah dalam proses memasang sebanyak 414, sebenarnya telah pun memasang 414 CCTV di kawasan PBT seluruh Selangor dan pemasangannya dijangka siap dan akan digunakan sepenuhnya pada Oktober 2013. Jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri adalah lebih banyak dibandingkan dengan jumlah pemasangan CCTV oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di sembilan negeri yang melibatkan 25 PBT iaitu hanya berjumlah 496 CCTV. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri sedang merangka dasar untuk melibatkan pihak swasta bagi memasang CCTV di luar premis perniagaan mereka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan Tambahan Puan Speaker:

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Apabila penguatkuasa PBT digerakkan untuk menjaga keselamatan, apakah tugas-tugas yang mereka lakukan dan apakah skop tugas mereka sebenarnya?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Penguatkuasa akan mengiringi pihak Polis untuk membuat rondaan dan pada masa ini percubaan yang dibuat di Majlis Bandaraya Shah Alam di mana nisbah Polis dan penguatkuasa adalah satu kepada dua iaitu seorang Polis diiringi dua orang penguatkuasa. Ini sedang diuji sama ada ia berkesan, keberkesananannya akan kita ketahui kemudian dalam kajian yang kita akan lakukan.

Y.B. PUAN GAN PEI MEI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI MEI : Rawang ingin tahu sama ada rondaan penguatkuasa bersama dengan Polis ini telah dijalankan di semua PBT ataupun PBT tertentu sahaja yang dijalankan '*pilot*' projek dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Dalam pelan tindakan lima tahun PBT telah pun dikehendaki semua PBT menjalankan rondaan bersama dengan Polis dan saya sedang menunggu laporan daripada semua PBT dan STANCO akan datang kita akan melihat perkembangan yang terkini dan pada masa yang sama juga melalui PBT juga sebenarnya seperti yang disebutkan sebelum ini ada juga komuniti *polising* telah dijalankan oleh pihak MBPJ.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Damansara Utama mahu tahu sama ada benar kakitangan penguatkuasa cukup ke tak sebab tadi kita sudah dengar sampah haram atau pun siber kafe, kita pun kena guna penguatkuasa PBT, sama ada komuniti *ppolicing* bersama dengan penguatkuasa kakitangan kita ada rancangan apa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Kalau tidak cukup kita tambahkan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker soalan 140.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK: KEMUDAHAN KESIHATAN

140. Manifesto pakatan PRU-13 untuk kemudahan kesihatan antaranya pemeriksaan kanser percuma untuk wanita dan penubuhan Tabung Dialisis Rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kaedah pelaksanaan kemudahan kesihatan ini?
- b) Berapakah sasaran mereka yang dapat menikmatinya?

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Puan Speaker bagi menjawab soalan Permatang saya ingin menyatakan di sini bahawa Permatang bertanya tentang kemudahan kesihatan antaranya pemeriksaan kanser percuma dan juga penubuhan tabung dialisis rakyat Selangor. Puan Speaker untuk jawapan Pusat Dialisis Rakyat Selangor telah pun dijawab oleh Y.B. EXCO Kesihatan pada soalan 25. Jadi saya hanya menjuruskan

kepada soalan yang berkaitan dengan kanser percuma untuk wanita. Untuk makluman Permatang kaedah pelaksanaannya adalah bila mana kita Kerajaan Selangor telah menyediakan borang-borang khas untuk diisi oleh wanita-wanita di pusat-pusat khidmat atau pun melalui Ketua-ketua Kampung yang mana program ini menawarkan secara percuma skim pemeriksaan monogram pada wanita yang berumur 35 tahun ke atas atau pun kepada wanita yang berumur sebelum 35 tahun tetapi mempunyai risiko ataupun keluarga yang mempunyai sejarah menghadapi kanser. Jadi kelayakan ketiga adalah wanita yang layak iaitu akan, kaedah ketiga adalah apabila wanita itu layak mereka akan dibawa menggunakan pengangkutan khas iaitu bas secara percuma ke lokasi pemeriksaan yang telah pun ditentukan iaitu di Hospital Poris Medicle. Yang keempatnya, di lokasi tersebut sebelum pemeriksaan wanita akan diberi penerangan tentang kaedah penjagaan dan bagaimana pemeriksaan akan dilakukan di hospital atau pun bagaimana pemeriksaan itu boleh diteruskan secara manual di rumah. Dan kelimanya, hasil pemeriksaan nanti keputusan itu akan diserahkan kepada wanita tersebut yang kita harap ianya boleh disampaikan dalam tempoh satu bulan. Dan akhirnya, jika wanita yang telah di *diagnose* atau dikenal pasti menghadapi kanser atau menghidap kanser akan dinasihatkan dan dimajukan rawatan susulan ke hospital-hospital seterusnya sama ada hospital kerajaan ataupun hospital swasta.

Dan soalan seterusnya berapakah sasaran mereka, Kerajaan Selangor telah pun memberikan peruntukkan sebanyak RM1,000,000 setahun untuk program ini. Sasaran kita, kita ingin melihat seboleh mungkin setiap tahun 10,000 wanita boleh pergi membuat pemeriksaan tersebut. Tapi sehingga April 2013 seramai 18,545 orang wanita telah pun melalui pemeriksaan kesihatan percuma iaitu monogram percuma yang telah dilaksanakan. Terima kasih, itu sahaja jawapan saya.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Tambahan sedikit..

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Adakah kerajaan menyediakan dana contohnya sekiranya mereka yang dibuat pemeriksaan itu didapati ada kanser, contohnya kadang-kadang dana disediakan mereka dapat untuk pergi ke perubatan yang selanjutnya.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Buat masa ini dana yang diperuntukkan 1,000,000 itu hanya sekadar untuk pemeriksaan untuk memastikan wanita-wanita bebas daripada menghadapi kanser payu dara selepas dari diagnosis kita mesti *forwardkan* atau kita ajukan kes mereka itu ke hospital swasta atau pun kerajaan mengikut pada kesesuaian dan apa yang wanita tersebut mahukan sama ada melalui persendirian atau melalui panel-panel yang telah diadakan. Itu sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 141.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil terhadap projek perumahan terbengkalai yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat?
- b) Apakah status terkini projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Y.B. Kuala Kubu Baharu. Puan Speaker untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah projek terbengkalai di negeri Selangor. Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun (KPKT) melalui Akta Kemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan Tahun 1996. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memastikan bahawa projek-projek perumahan terbengkalai ini dapat diselesaikan. Di antaranya adalah pertama adalah mewujudkan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai atau (JPPT) terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Pembantu EXCO Perumahan Pengurusan Bangunan dan Setinggalan dan Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah-daerah yang berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi dan *Liquidator* atau pun *Liquidator*, Jawatankuasa Pembeli Rumah, pembeli pemilik rumah dan bank-bank yang terlibat yang mana dipengerusikan oleh EXCO Perumahan sendiri telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011 bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek rumah terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetikan oleh Lembaga Perumahan juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju atau sebaliknya. Setakat ini terdapat 19 projek telah dikenal pasti berpotensi dipulihkan di negeri Selangor yang terdiri daripada empat projek sedang dipulihkan oleh pemaju penyelamat atau kontraktor dan 15 projek dalam peringkat perbincangan dan persetujuan semua pihak terlibat dalam pelantikan pemaju penyelamat atau pun kontraktor.

Yang keduanya, mengurus setia perbincangan secara berkala bersama semua jabatan teknikal dengan tujuan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek itu disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu

keselamatan dan perundangan. Ketiga, mengatur pertemuan dengan institusi kewangan sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian ataupun *bridging loan* supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya boleh menyelesaikan masalah kewangan pembeli.

Dan keempat, bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia atau JIM juga diatur dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor boleh mencadangkan mana-mana *Liquidator* atau pun pegawai penerima dan pemaju penyelamat atau kontraktor yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula. Seterusnya adalah menilai semula kos pemulihan projek.

Dan keenam, LPHS juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tentang projek perumahan Lembah Beringin, ianya telah dikategorikan sebagai projek terbengkalai pada 31 Disember 2001. Keadaan sekarang ini adalah ianya di bawah pemaju, ianya adalah status terkini pelikuadasi melalui surat mereka pada 17 Mei 2013 memaklumkan projek ini telah dijual kepada beberapa syarikat terlibat seperti Alam Kasanas Sdn. Bhd., Farkol Estate Sdn. Bhd., Kasuna Estate Sdn. Bhd., Lintari Sdn. Bhd., Musa Merlin Sdn. Bhd., Pancaran Lagenda Sdn. Bhd., Punari Sdn. Bhd. Dan Wood Site Land Sdn. Bhd. Dan pemaju-pemaju atau pun syarikat-syarikat tersebut dalam proses untuk memajukan cadangan macam mana atau bagaimana hendak memulihkan projek-projek ini. Pemaju atau pun *liquadatomya* pada asalnya adalah Perial Hotson MH Sdn. Bhd. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ya, soalan tambahan. Lembah Beringin pemajunya yang asal adakah Kerajaan Negeri berhasrat *black list* dengan izin syarikat tersebut supaya tidak ada lagi projek-projek terbengkalai di negeri Selangor.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Hampir ke semua projek-projek perumahan yang terbengkalai, kita mempunyai senarai. Bukan sahaja syarikat ataupun nama Lembaga Pengarah, perkara tersebut akan kita, memang pun telah diedarkan kepada PBT-PBT Pihak Berkuasa Tempatan dan juga kita melihat tentang projek-projek yang masuk sama ada terdapat nama-nama mereka itu atau tidak.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah pun tamat. Dengan saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya. Usul-usul. Usul No. 2 tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut perenggan 1, Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli-ahli Baru Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Yang Berhormat Dato' Mohd Shamsudin bin Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong

Ahli-Ahlinya :

1. Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Setro
Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram
2. Yang Berhormat Tuan Amirudin bin Shaari
Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves
3. Yang Berhormat Tuan Lee Chin Cheh
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang
4. Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan
5. Yang Berhormat Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing
6. Yang Berhormat Tuan Mohd Shafie bin Ngah
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68, peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **ya**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, ada perbahasan tak Usul ini?

TUAN SPEAKER : Tak ada, sudah dipersetujui.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok, sebab saya bercadang untuk menolak, tidak menerima jawatan sebagai Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan, tapi saya telah mengambil keputusan, lantiklah saya sebagai ahli sahaja, lantik Pengerusi di kalangan orang lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya jemput pihak kerajaan untuk membalas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Puan Speaker. Oleh sebab keadaan begitu, kita, saya mencadangkan Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan Yang Berhormat Sungai Burong menolak cadangan menjadi Pengerusi, maka saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri Selangor yang ketiga belas.

Pengerusi :

Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan

Ahli-Ahlinya :

1. Yang Berhormat Tuan Amirudin bin Shaari
Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves
2. Yang Berhormat Tuan Lee Chin Cheh
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang
3. Yang Berhormat Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing
4. Yang Berhormat Tuan Mohd Shafie bin Ngah
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi
5. Yang Berhormat Dato' Mohd Shamsudin bin Lias,
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong
6. Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Setro
Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Cempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68, peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul No.3 tahun 2013, Usul Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68A Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Tuan Lau Weng San
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kg. Tunku

Ahli-Ahlinya :

1. Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafie
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sri Muda
2. Y.B. Puan Gan Pei Nei
Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang
3. Y.B. Puan Lee Kee Hiong
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu

4. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi
5. Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Gombak Setia
6. Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68A Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul No. 4 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68B Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia

Ahli-Ahli :

1. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok

2. Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing
3. Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras
4. Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer
5. Y.B. Tuan Ng Tien Chee
Ahli Dewan Negeri Kawasan Balakong
6. Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Damansara

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68B Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui**.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul berikutnya Usul No.5 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68C Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS)”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang

Ahli-Ahli :

1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara
3. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz
Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya
4. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves
5. Y.B. Puan Gan Pei Nei
Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang
6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
Ahli Dewan Negeri Kawasan Dengkil

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68C Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul No.6 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 69, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri

Selangor yang ketiga belas, Puan Speaker sebagai Pengerusi seperti yang ditetapkan oleh perenggan 1, Peraturan Tetap 69.

Ahli-Ahli :

1. Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Medan
2. Y.B. Tuan Loh Chee Heng
Ahli Dewan Negeri Kawasan Teluk Datuk
3. Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras
4. Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Serdang
5. Y.B. Tuan Tan Pok Shyong
Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandamaran
6. Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Bernam

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 69, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Peraturan-peraturan Tetap”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul berikutnya, Usul No.7 Tahun 2013, Usul Ahli Jawatankuasa Hak dan kebebasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 70, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas, dengan Puan Speaker sebagai Pengerusi menurut Perenggan tersebut.

Ahli-Ahlinya :

1. Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Anggerik
2. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Andalas
3. Y.B. Puan Tiew Way Keng
Ahli Dewan Negeri Kawasan Teratai
4. Y.B. Tuan Hasnol bin Baharuddin
Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib
5. Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat, dan
6. Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
Ahli Dewan Negeri Kawasan Semenyih

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 70, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul berikutnya, Usul No.8 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Tranparency – SELCAT*) dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan,

Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*) dengan izin.

Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75, peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*) dengan izin, bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya iaitu Puan Speaker,

Ahli-Ahlinya :

1. Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan
2. Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru
3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang
4. Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Antarabangsa
5. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia
6. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
Ahli Dewan Negeri Kawasan Permatang

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*) dengan izin.

Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75, peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul Ini Dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No.9 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan”.

Jawatankuasa Pilihan Khas ini dengan hasrat untuk meletakkan semua rakyat Selangor berada di atas garis paras kemiskinan dan membantu mengukuhkan dasar dan program-program basmi kemiskinan oleh Kerajaan Negeri serta pelaksanaan oleh agensi-agensinya.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang,

Ahli-Ahlinya :

1. Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Dusun Tua
2. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia
3. Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Medan
4. Y.B. Tuan Lau Weng San
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku
5. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pelek
6. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

Jawatankuasa Pilihan Khas ini diadakan dengan hasrat untuk meletakkan semua rakyat Selangor berada di atas garis paras kemiskinan dan membantu mengukuhkan dasar dan program-program basmi kemiskinan oleh Kerajaan Negeri serta pelaksanaan oleh agensi-agensinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No.10 Tahun 2013, Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan”.

Jawatankuasa Pilihan Khas ini diadakan dengan hasrat untuk membuat penambahbaikan berhubung pengurusan dan perjalanan Dewan Negeri Selangor.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas pengurusan Dewan bagi Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas;

Pengerusi :

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya

Ahli-Ahlinya :

1. Y.B. Dato' Teng Chang Khim (Wakil Y.A.B. Dato' Menteri Besar)
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Pinang
2. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong
3. Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru
4. Y.B. Tuan Haji Shaari bin Sungib
Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang
5. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia
6. Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sri Muda

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan”.

Jawatankuasa Pilihan Khas ini diadakan dengan hasrat untuk membuat penambahbaikan berhubung pengurusan dan perjalanan Dewan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No.11 Tahun 2013, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Sebelum Yang Berhormat Sekinchan bermula, saya ingin merujuk Yang Berhormat sekalian kepada perintah Tuan Speaker No. 1 2012, berkenaan Peraturan Tetap 26. Bagi Usul yang memerlukan, sesuatu usul. Maaf, ya, masa untuk Pencadang dan Penyokong Usul untuk berucap adalah terhad kepada 15 minit sahaja. Silakan Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Sekinchan memohon izin untuk membawa satu Usul di bawah Peraturan Tetap 26 yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menggesa Kerajaan Persekutuan mempercepatkan proses perancangan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping sebagaimana yang di war-warkan sejak lebih 10 tahun yang lalu demi kepentingan rakyat khususnya penduduk Negeri Selangor.”

Puan Speaker, kita tahu sedia maklum sebagai sebuah Kerajaan yang berwibawa, berintegriti dan bertanggungjawab sesungguhnya akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat seperti apa yang dijanjikan. Segala perancangan pembangunan yang direncanakan pasti akan direalisasikan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Pilihan raya yang ke 13, 5.5.2013 yang lalu, baru berlalu dan rakyat sudah tentu ingat slogan Barisan Nasional iaitu janji ditepati. Dalam dewan ini saya ingin memberi contoh yang masih segar dalam ingatan kita yang terang lagi bersuluh iaitu sebelum kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat iaitu pada zaman Barisan Nasional, pimpinan Dr. Khir Toyo iaitu mantan Menteri Besar telah pernah mengadakan satu upacara, upacara pecah tanah untuk projek binaan jambatan Klang yang ketiga pada tahun 2008 iaitu selang beberapa hari sebelum hari pengumuman undi 2008 yang lalu. Dan ketika itu bukan sahaja, semua EXCO turun dan Menteri Besar ketiga pun turun, MCA turun, gerakan pun turun walaupun tidak bergerak. MIC nya yang datang siapa? Menteri Kerja Raya pada ketika itu, ketika itulah! Dato' S. Samy Velu, datang. Pecah tanah, tanah telah di pecah sampai hancur tanah tersebut (dengan izin). Dan ketika itu rakyat menaruh harapan jambatan ketiga ini pastinya dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat di Klang kerana Jambatan Klang ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Klang dan sekitarnya. Menaruh harapan pada ketika itu. Tujuan pecah tanah ini diadakan bukan sahaja untuk pecah tanah saya yakin pada ketika itu untuk meraih undi. Menarik sokongan. Khabar pada ketika itu telah dibuat tapi malangnya sampai ke hari ini saya menunggu janji tersebut. Sampai ke hari ini saya tengok tiada satu tiang konkrit pun dibina di situ. Persoalannya kenapa satu projek infrastruktur yang begitu penting untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di bandar Klang. Sepatutnya dari segi tanggungjawab adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, tidak ditunaikan apakah saya hendak tanyakan kawan-kawan, teman-teman seluruh dari Ketua Pembangkang yang sebentar tadi menolak jawatan PAC (*Public Account Committee*) sepatutnya sebagai Ketua Pembangkang yang komited menjalan tugas dengan baik. Dengan telah mengesyorkan supaya

digalas Pengerusi Jawatankuasa PAC untuk memantau selia yang ada. Ini tugas penting untuk Ketua Pembangkang di mana-mana amalan–amalan di negara Komanwel termasuk United Kingdom, Australia dan sebagainya. Tetapi malang tidak berbau Sungai Burong menolak bulat-bulat. Ini kenapa? Ini cuma sepintas lalulah! kena tempias tadi. Ini kita hendak membina sebuah dewan, memperkasakan dewan, kongsi demonstrasi yang sihat. Pembangkang kena bantu, bukan hasil bangkang sahaja. Dalam masa bangkang kita terima. Selepas bangkang bantulah! Ini bangkang, bangkang, bagi pengerusi PAC pun tidak hendak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baik. Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Terima kasih. Saya hendak tanya sedikit, Sekinchan ini. Pertama sekali pernah Sekinchan kata kerja kita ini hanya membangkang sahaja. Membangkang, ialah satu dewan kena ada kerajaan ada pembangkang. Pembangkang ini kenalah memberikan kritikan yang perspektif dan perkara-perkara yang berurusan dengan dewan. Jadi memang tugas dan tanggungjawab dan tidak perlu dipersoalkan yang pertama. Persoal tugas pembangkang ini, pembangkang. Itu yang satu. Yang kedua ini, kita tidak beri kerjasama ini adalah tidak betul. Saya cuma kata saya tidak terima jawatan pengerusi PAC. tapi kita menyumbang. Saya duduk di dalam komuniti yang lain dan ahli-ahli pembangkang duduk di dalam setiap jawatankuasa yang dilantik. Jadi kenyataan itu adalah tidak betul dan diharap Sekinchan tarik balikhlah dan janganlah buat pernyataan yang mengada-ngada.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Sungai Burong, kita kena faham dan akur kebenaran demokrasi di mana selepas pilihan raya terbentuknya kerajaan. Rakyat memberi mandat kepada kerajaan yang mana menang. Kerajaan yang daripada Pakatan Rakyat yang dipilih oleh rakyat

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Puan Speaker, boleh mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tidak bagi sebab masa tidak cukup, 15 minit. Nanti boleh bahas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Cakap demokrasi.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong boleh bahas nanti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti boleh bahaslah!.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Demokrasi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti bagi can. keduanya.

TUAN SPEAKER : Ya. Sekinchan teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Fasal tadi, Sekinchan menimbulkan demokrasi. Demokrasi tadilah yang diamalkan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencadangkan ada hak menerima dan menolak. Itu kan demokrasi. Apa sebab Sekinchan yang tidak faham demokrasi ini fasal apa? Ha...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Burong. Persoalan di sini amalan demokrasi berparlimen seperti yang kita laksana mengikut amalan di UK atau sebagainya. Apabila kerajaan telah terbentuk, rakyat telah memilih Pakatan Rakyat, UMNO bukan Barisan Nasional ya pastinya negeri Selangor UMNO bangkang dan kemudiannya kita usulkan seperti Ketua Pembangkang dilantik oleh Dewan negeri sebagai Ketua Pembangkang mengikut amalan-amalan negara Komanwel. Ini perkembangan yang sihat memang dialu-alukan. Dulu saya sebagai pembangkang, memang saya pembangkang, 2004 – 2008 jangan lupa Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Puan Speaker mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan tidak beri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maknanya saya pernah menjadi pembangkang ketika itu. Kami menanti-nanti pihak kerajaan lantik kami sebagai Pengerusi PAC kerana kami hendak *check* dan semak perjalanan *accountability*. Kerajaan Negeri kena semak, kuasa itu terbatas tapi sedikit ruang itu kami akan ambil dan semak dan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli dewan yang bertanggungjawab yang dipilih oleh rakyat. Itu caranya.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bukan macam Sungai Burong, di bagi tapi tolak.

TUAN SPEAKER : Sekinchan tidak beri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : omong jawa (dengan izin). Jeram tidak payah. Jeram timbalan sahaja bukan ketua. Lawan saya dengan ketua sahaja. timbalan duduk.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Kata hendak lawan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Cukup masa.

TUAN SPEAKER : Boleh bahas nanti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti bahas ya. Persoalan di sini sama-sama kita galas tanggungjawab. Ketua Pembangkang kena semak walaupun wangnya sedikit

mana perjalanan itu penting dalam PAC tapi Ketua Pembangkang cuba hendak menaburi mata rakyat kononnya kita ini amalan demokrasi. Ya, demokrasi haknya untuk menolak tapi sebagai Ketua Pembangkang yang bertanggungjawab sewajibnya, sepatutnya wajib mengalas tanggungjawab untuk Pengerusi PAC. Walau bagaimanapun Puan Speaker, tapi tidak apalah kalau tidak hendak kita galas sendiri.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Puan Speaker. Peraturan.

TUAN SPEAKER : Ya. Peraturan yang mana satu?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Peraturan Tetap. Seorang Ahli hendaklah membentangkan isu membincangkan perkara yang dibincangkan sahaja, ini tajuknya fasal lebuhraya tapi ini pasal PAC?

TUAN SPEAKER : Betul juga. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Ini selingan, mukadimah sahaja. Selingan dan mukadimah dan saya juga,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Puan Speaker, Sekinchan ini kena ingatkan Peraturan Dewan. Kadang-kadang dia melebihi-lebih. Teruskan kepada tajuk itu.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong tolong duduk. Sekinchan terus kepada usul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Saya walaupun ada selingan sedikit, dia ikut-ikut juga. Sungai Burong pun ikut campur juga itu yang jadi panjang. Eh! Sungai Burong ini pun tidak faham. Terima kasih Puan Speaker. Saya teruskan. Harus kita ingat bahawa negeri Selangor ini penyumbang cukai yang terbanyak, seluruh negeri Selangor. Kita menyumbang pada satu tahun RM20 Million untuk rakyat, untuk kerajaan pusat. Maka wajib Kerajaan Pusat membina apa-apa infrastruktur yang sepatutnya di bawah tanggungjawab mereka. Ha, ini. Memandangkan Kerajaan Persekutuan gagal menunaikan janji maka Pakatan Rakyat kita pada sebelum pilihan raya terpaksa menggunakan rizab yang tinggi yang kita bertungkus-lumus kumpulkan, jimatkan, belanja secara berhemah, rizab itu kita gunakan RM300 Juta untuk bantu Kerajaan Pusat untuk melaksanakan tanggungjawab yang gagal janji ditepati oleh Barisan Nasional, sudah menjadi janji capati. Sudah jadi capati.

Kerajaan Negeri ambil inisiatif buat. Ini bezanya negeri di bawah Dato' Menteri Besar, oleh itu sekali lagi saya merakamkan setinggi syabas dan tahniah di atas kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini. Puan Speaker, saya teruskan walaupun pembinaan lebuhraya ini adalah projek Kerajaan Pusat tapi persoalan di sini saya hendak nyatakan ada dua tiga perkara yang perlu kita teliti dalam dewan yang mulia ini iaitu proses tawaran tender haruslah mengikut lunas-lunas ketulusan, konsep ketulusan, dan *value for money*. Yang keduanya, kos asas. Kos asal Lebuhraya

Pantai Barat ini saya dimaklumkan bahawa dulunya RM3 Billion sekarang naik RM7 Billion dan ini telah naik satu kali ganda, ha... ini yang kita persoalkan. Yang ketiga, konsesi kutip tol yang dulunya 30 tahun sekarang naik 60 tahun, inilah beberapa perkara yang perlu semak demi kesejahteraan rakyat. Kita tidak mahu projek dilaksanakan tetapi akhirnya membebankan rakyat. Kita hendak menyelesaikan rakyat.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, simpulkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya. Ya. Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kampung Tunku

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Di dalam dewan yang mulia ini. Kita meminta kerajaan mempercepatkan proses pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat kerana pada masa mutakhir ini banyak kesesakan banyak berlaku di kawasan-kawasan termasuk di Sungai Burong, di Tanjung Karang, di persimpangan Tanjung Karang, persimpangan Sekinchan, persimpangan Kuala Selangor. Sesak lebuh raya tidak mampu menanggung lagi kesesakan lalu lintas dari situ. Kalau ada lebuh raya ini saya yakin ia dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan dapat memberi impak ekonomi yang baik kepada pembangunan masa hadapan negeri Selangor. Oleh yang demikian, sekali lagi saya menggesa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ayuh mari kita bekerjasama kita manfaatkan, mempercepatkan minta dipercepatkan projek binaan Lebuh Raya Pantai Barat demi kesejahteraan rakyat dan akhir kata saya mohon mencadangkan usul ini.

TUAN SPEAKER : Ya. Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Puan Speaker merujuk kepada usul yang dibawa oleh Sekinchan berkenaan pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat dari Banting ke Taiping, seperti mana yang disebutkan oleh Sekinchan tadi yang telah pun di capati kan lebih daripada sepuluh tahun. (Dengan izin) hendak *explain*, diterangkan capati itu di uli-uli, ia lontar sana lontar sini tapi tidak siap-siap sampai ke sudah. Sepatutnya kalau diikuti fasa pertama, fasa satu pembinaan dari Tanjung Karang ke Banting, pembinaan yang dimulakan pada tahun 2008 dan sepatutnya siap 2011, saya tidak pasti kalau Sekinchan tidak perasan telah siap fasa pertama. Fasa yang kedua, pembinaan daripada Sabak Bernam ke Taiping sepatutnya pembinaan bermula pada 2010 dan sepatutnya siap 2013. Sepatutnya keseluruhan Lebuh Raya Pantai Barat Banting ke Taiping ini, telah siap dah 2013 tapi sekarang masih lagi belum siap. Ini merupakan janji-janji yang biasa kita yang ditaburkan oleh Barisan Nasional, saya melahirkan cukup kecewa sebenarnya kerana janji memperdaya rakyat yang pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat ini akan memberikan manfaat ini saya kira lebih puluhan juta rakyat Malaysia khususnya Rakyat Negeri Selangor. Saya kecewa kerana janji ini diulang dan diulang bila mana datangnya pilihan raya menjadi satu gula-gula yang ditaburkan oleh rakyat dan sampai sekarang kita tidak tahu apakah statusnya dan kadang kala bila bermula. Dan ini merupakan senjata yang senantiasa digunakan oleh kerajaan Barisan Nasional dan amat sedih kerana rakyat terpedaya dengan janji-

janji Barisan Nasional ini. Saya mengambil contoh sidang dewan yang mulia sekalian. Janji yang hendak saya sebut di sini, janji ini yang tidak ditunai dan tidak di istilah di capati ini menjadi satu mainan politik kerajaan Barisan Nasional khususnya Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh saya ambil isu Bukit Botak 1985, 2013 sebelum pilihan raya lebih dari 25 28 tahun janji demi janji yang dibuat oleh Barisan Nasional untuk menyiapkan pembangunan Bukit Botak. Dan setiap kali pilihan raya akan ditabur akan diperbaharui janji-janji ini dan rakyat terpedaya sekiranya memberikan mandat kepada Barisan Nasional maka kami Barisan Nasional akan mempersiapkan projek Bukit Botak. Ingat janji-janji pilihan raya, dan tuan-tuan sidang yang mulia sekalian alhamdulillah setelah Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Selangor dalam tempoh 5 tahun sekarang ini kalau kita lihat di padang, di tapak telah pun siap pembangunan Bukit Botak. Pembangunan yang sama baru-baru ini pun turun lagi, bagi janji lagi kalaulah sekiranya kerajaan Barisan Nasional menang di negeri Selangor akan diturunkan harga separuh yang ditawarkan kepada Kerajaan Negeri. Rakyat terpedaya. Saya cukup sedih, rakyat terpedaya dan kita cukup sedih kerana hanya peningkatan undi 80 undi sahaja berbanding 2008.

Sebab apa, sebab terpedaya dengan janji-janji kerajaan Barisan Nasional, parti Barisan Nasional. Tanah-tanah untuk pengetahuan sidang Dewan yang mulia yang dalam soal mulut yang saya soalkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar berkenaan pemberian hak milik tanah, bagaimana kerajaan Pakatan Rakyat dengan cukup efisien telah memberikan geran-geran tanah ini untuk rakyat Negeri Selangor yang cukup banyak tapi di kawasan saya di Taman Templer dah diberikan tuan-tuan sekalian sidang yang mulia geran tanah tetapi bila datang pilihan raya mereka datang, Barisan Nasional datang tabur janji lagi. Kalau Barisan Nasional menang yang mana yang geran tanah yang *lease hold* ini akan ditukar semuanya menjadi *free hold*. Itu lah janji yang menjadi senjata kepada kerajaan Barisan Nasional. Sidang yang mulia sekalian, khususnya kepada rakan-rakan pihak pembangkang Barisan Nasional, kita adalah merupakan orang Islam yang Insha-Allah beriman, janji wajib ditepati. Ini adalah merupakan arahan Allah SWT Bila kita rujuk surah *al-Maidah* ayat 1, bagaimana Allah SWT berfirman *Wahai orang-orang yang beriman patuhilah janji*. Sebagai tanda dan kriteria orang yang beriman mematuhi janji dan kalau kita mengambil makna di sebaliknya ataupun (bahasa Arab) *Orang yang tidak mematuhi janji adalah merupakan orang yang tidak beriman* Sebab itu saya menggesa supaya pembinaan Lebuhraya Pantai Barat ini perlu kita gesa kerajaan Barisan Nasional, kerajaan persekutuan untuk menunaikan janjinya. Maka oleh yang demikian Tuan Speaker, saya Taman Templer menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan tetapi masa untuk perbahasan terhad kepada 10 minit seorang. Tak ada orang nak bahas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang berbunyi; 'Bahawa sanya Dewan yang mulia ini membuat ketetapan menggesa kerajaan persekutuan mempercepatkan proses perancangan pembinaan projek Lebuhraya Pantai Barat (LPB) daripada Banting ke Taiping sebagai mana yang diwar-warkan sejak lebih 10 tahun yang lalu demi kepentingan rakyat khususnya penduduk negeri Selangor. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul berikutnya usul nombor 12 tahun 2013, usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut;

“ Bahawa Dewan yang mulia ini meminta kerajaan Selangor memastikan kepentingan anak syarikat kerajaan Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) serta rakyat Selangor sentiasa terpelihara dalam urusan pembelian aset kumpulan Gapurna khususnya dalam projek PJ Sentral Development Sdn. Bhd di mana PKNS memegang 30% kepentingan ekuiti dalam syarikat ini.”

Tuan Speaker, Kampung Tunku membawa usul ini kerana kebelakangan ini rakyat negeri Selangor tergepar dengan cadangan daripada Kumpulan Gapurna yang ingin menjual semua asetnya dan juga anak syarikat dan juga kepentingan ekuitinya kepada sebuah syarikat swasta yang lain iaitu Malaysian Resources Corp. Berhad (MRCB). Malangnya perkara ini tidak diberi perhatian khusus oleh media secara umum dan orang ramai dan sering kali ianya mungkin dilihat sebagai satu transaksi komersial yang biasa tapi sekiranya Tuan Speaker kita melihat kepada butiran-butirannya kita akan mendapati bahawa ianya sebenarnya menjejaskan salah satu projek usaha sama yang diusahakan di antara PKNS dengan Syarikat Nusa Gapurna Sdn. Bhd atau pun NGSB ini ataupun dan projek ini adalah projek PJ Sentral yang berada di Seksyen 52 Petaling Jaya. Projek PJ Sentral ini adalah penting bagi negeri Selangor, bagi kerajaan Negeri Selangor dan rakyat di Petaling Jaya khususnya kerana kedudukannya yang strategik dan potensi pembangunan semula yang begitu luas di tempat ini. Tanah yang seluas 12 ekar ini dahulunya menempatkan ibu pejabat PKNS dan merupakan tempat yang berpotensi tinggi malah nilai pembangunan kasar ataupun *gross development value* Tuan Speaker, dijangka mencecah lebih kurang RM 3 bilion. Projek ini telah pun diswastakan kepada NGSB semasa zaman Barisan Nasional dan diusahakan oleh Syarikat PJ Sentral Development Sdn. Bhd ini di mana 70% daripada ekuitinya dimiliki oleh NGSB manakala yang lain dimiliki oleh PKNS. Penjualan aset dan ekuiti Kumpulan Gapurna kepada MRCB akan menjejaskan kepentingan PKNS dalam projek PJ Sentral ini. Terdapat berita yang mengatakan bahawa MRCB bercadang untuk membeli kesemua 30% kepentingan ekuiti yang dipegang oleh PKNS dalam projek pembangunan ini. Sementara itu PKNS dilaporkan telah membantah tindakan penjualan aset Nusa Gapurna kepada MRCB ini. Dilaporkan bahawa PKNS yang memegang 30% ekuiti dalam Syarikat PJ Sentral Development Sdn. Bhd berpendapat kepentingannya tidak terpelihara dalam keseluruhan transaksi ini malah PKNS bercadang membeli kembali kepentingan 70% ekuiti Nusa Gapurna dalam PJ Sentral Development Sdn. Bhd. Tindakan ini dilihat sebagai satu usaha PKNS untuk menjadi pemain utama dalam projek pembangunan bandar ataupun *urban development* ini. Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pembangunan semula bandar ini sebenarnya adalah salah satu daripada pakej rangsangan ekonomi Selangor

yang dimulakan, diusahakan pada tahun 2009 dan keseluruhan pakej ini akan dijalankan pada masa itu diumumkan di 3 buah bandar iaitu bandar Klang, Kajang dan Petaling Jaya dan dijangka akan menjana pelaburan melebihi RM10 bilion. Dan di kawasan Petaling Jaya Tuan Speaker, kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk pembangunan semula bandar ini antaranya ialah Seksyen 52 yang saya sebutkan tadi di mana kawasan PJ Sentral, ibu pejabat Majlis Bandar Raya Petaling Jaya semuanya terletak di tengah-tengah Seksyen 52 ini dan ini sekali gus menjadikan sebarang projek pembangunan semula di kawasan Seksyen 52 ini sesuatu yang akan melibatkan dan pasti akan melibatkan kepentingan orang ramai. Tuan Speaker saya membawa usul ke Dewan yang mulia ini kerana kerajaan perlu memastikan bahawa kepentingan PKNS, kepentingan kerajaan, kepentingan rakyat Selangor khususnya kepentingan rakyat di Petaling Jaya terpelihara dalam projek pembangunan semula bandar yang bakal berlangsung di tempat ini. Cara yang paling bagus untuk memelihara kepentingan kerajaan dan rakyat ialah dengan memastikan kerajaan Selangor melalui anak syarikatnya iaitu PKNS mempunyai kata putus terhadap hala tuju projek pembangunan ini. Saya khuatir, saya sangat khuatir sekiranya PKNS kehilangan kepentingan ekuitinya dalam PJ Sentral Development Sdn. Bhd maka rakyat Selangor amnya dan rakyat Petaling Jaya khususnya tidak akan menikmati hasil pembangunan semula ini. Kita juga tidak harus lupa bahawa model pembangunan semula bandar di tapak PJ Sentral di Seksyen 52 ini barangkali akan diguna sebagai model untuk pelaksanaan pembangunan semula bandar di tempat-tempat yang lain seperti di Klang dan di Kajang. Jadi oleh itu adalah penting supaya projek ini terletak di bawah pangkuan kerajaan negeri Selangor dan bukannya diketuai oleh syarikat-syarikat swasta. Apa pun sekali berikutan kedudukan PKNS sebagai pemegang ekuiti minoriti di dalam syarikat ini saya khuatir PKNS tidak akan mampu melakukan apa-apa yang signifikan di dalam urusan Nusa Gapurna dan MRCB apatah lagi untuk menentukan hala tuju pembangunan projek PJ Sentral. Jadi saya ingin bercadang supaya kerajaan negeri memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini dari semasa ke semasa apa yang telah dan perlu dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor untuk melindungi hak dan kepentingan PKNS serta rakyat Selangor dalam perkara ini. Saya juga berharap pada masa-masa yang akan datang Kerajaan Negeri juga memaklumkan kepada rakyat siapa yang menandatangani perjanjian usaha sama dengan Nusa Gapurna suatu masa yang lalu, siapa petualangnya, siapa ketuanya yang menyebabkan perkara ini berlaku dan saya memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua di dalam Dewan yang mulia ini menyokong usaha ini supaya kita menuntut dan memastikan perkara yang sama atau kesilapan yang sama tidak akan berlaku pada masa depan lagi. Dengan itu saya memohon mencadang. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, terima kasih. Sebelum saya menyokong usul ini saya nak bagi satu gambaran biar jelas kepada seluruh Ahli-ahli Dewan Negeri ini tentang apa yang kita hadapi. Saya ibaratkan ada 2 pihak, pihak A, pihak B. Dua-dua syarikat, pihak A dah berjanji dengan pihak B untuk memajukan satu projek yang dinamakan projek X. Pegangan A dalam projek X adalah 30%. Dalam proses itu tiba-tiba B tanpa pengetahuan A telah mengadakan pakatan perjanjian untuk

dengan syarikat C untuk penggabungan. Jadi B bersetuju untuk bergabung dengan C tanpa persetujuan A dalam keadaan di mana penggabungan itu akan menjadikan secara tiba-tiba A terpaksa menjalankan projek X dengan C. Jadi perkara ini adalah satu dalam Islam satu kekaburan atau penipuan dan perlu kita tinjau dari segi syarak. Saya dapat berhubung dengan Pejabat Mufti tadi dan jelas dalam konteks syariat Islam pada asasnya tindakan B ataupun Nusa Gapurna Development menyalahi hak-hak perjanjian yang telah dipersetujui antara A dan B iaitu antara PKNS dan Nusa Gapurna. Jadi kerana apa yang patut dilakukan dalam konteks perjanjian yang telah disepakati patutnya berlaku perbincangan yang telus dan tidak ada kekaburan di antara PKNS dan Nusa Gapurna. Dari segi syarak Nusa Gapurna adalah terikat dengan perjanjian untuk melaksanakan projek PJ Sentral dengan PKNS. Dengan itu ikatan yang menjadi kaedah *fiqah* yang dinyatakan ini adalah (bahasa Arab) dengan izin, seseorang itu terikat dengan perjanjiannya. Jadi ini saya nyatakan dalam konteks syarak kerana pegangan saham-saham yang melibatkan kepentingan awam sangat nyata dalam projek ini dan kepentingan untuk melindungi kepentingan awam dalam projek PJ Sentral amat perlu dipertahankan oleh kerajaan negeri Selangor melalui PKNS. Dengan itu Hulu Kelang, Tuan Speaker menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kalau tidak saya jemput pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi ulasan ataupun penerangan jika ada.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir rahmannir rahim.* Puan Speaker. Usul ini perlu mendapat beberapa penjelasan. Pertama, asal tanah tersebut ialah milikan PKNS, tanah milikan PKNS dan milik PKNS telah menjual tanah tersebut kepada Kumpulan Gapurna sebelum 2008. Apabila saya menjadi Pengerusi PKNS saya rasa ada satu keganjilan kerana PKNS sebagai pemaju tak sepatutnya menjual tanah tetapi sepatutnya menjual pembangunan, maknanya tanah yang ada seperti di tengah-tengah kawasan utama di Petaling Jaya boleh dimajukan sendiri oleh PKNS, tak payah dia jual tanah apabila untuk memajukannya PKNS perlu membuat perancangan pembangunan mendapat kelulusan merancang dan sebagainya. Semuanya itu sudah dilakukan oleh PKNS lebih daripada 20 ke 30 tahun. Jadi saya daripada awal lagi merasakan penjualan tanah oleh PKNS kepada mana-mana pemaju seperti PKNS tidak sepatutnya dilakukan oleh PKNS. Walau bagaimanapun perjanjian telah dilakukan bukan dan terus untuk memenangi hati PKNS, PKNS diberi usaha sama sebanyak 30% dan berasaskan kepada nilai tanah yang dimiliki oleh PKNS. Dan ditubuhkan sebuah anak syarikat milikan PKNS iaitu PKNS Holdings Sdn. Bhd untuk memantau usaha sama tersebut. Di sinilah satu daripada pelajaran yang kita pelajari iaitu PKNS, pengurusan PKNS sendiri tidak terlibat secara keseluruhannya, maknanya *fully involved in the development*.

Maknanya tidak sama-sama membuat perancangan, sama-sama mendapatkan kelulusan tetapi hanya sebagai yang biasanya dilakukan oleh PKNS ialah sebagai rakan kongsi yang selalunya diterjemahkan dalam masyarakat swasta ialah sebagai *sleeping partner* maknanya hanya duduk biarkan saja lepas itu bila dapat gaji baru bangun. Itu sahaja. Jadi oleh sebab itulah kita tidak dapat mengetahui bisnes strategi

dan bisnis taktik rakan kongsi. Walau bagaimanapun selepas rakan kongsi telah menggunakan nama PKNS untuk mendapat kelulusan supaya pembangunan itu dibuat dengan *density* atau kepadatan yang lebih besar daripada biasa jadi kepadatan daripada plot ratio 4 menjadi plot ratio 6. Dalam terjemahan perniagaan dia boleh membuat bangunan yang lebih tinggi daripada yang dihadkan. Dan sudah tentulah *gross development value* ataupun nilai pembangunan tersebut akan meningkat. Dan dalam perjanjian dengan PKNS dan juga perjanjian dengan Kumpulan Gapurna ada dinyatakan tentang konsep *pre ancient right*. *Pre ancient right* itu ialah jika seorang rakan kongsi ingin menjual sahamnya dia mesti menawarkan sahamnya kepada *partner* yang satu. Jadi maknanya jika PKNS nak menjual dia kena tawar dulu kepada rakan kongsinya dan jika rakan kongsinya tak mahu baru dia boleh jual kepada orang lain. Jika Gapurna ingin menjual sahamnya kepada orang lain (orang ketiga) dia juga mesti menawarkan sahamnya kepada PKNS. Walau bagaimanapun Gapurna tidak melakukan perkara itu tetapi mengadakan perbincangan dengan MRCB sebuah syarikat yang...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya nak ingin bertanya daripada Y.A.B. Menteri Besar sama ada konsep *pre-emptive right* ini ada dinyatakan dalam perjanjian asal dan sekiranya tidak saya rasa ia sesuatu yang agak mengecewakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat, tertulis. *Its written*. Tapi dia ada 3 peringkat. Satu dipanggil *pre ancient right*, kalau kedua-dua pihak buat tak peduli langsung, *is call a drag along*. Jadi ada dua cara perjanjian. Satu *pre ancient right*, kedua perjanjian dipanggil *drag along* maknanya kalau satu buat tak tau, dia akan ikut, dia ada partner untuk lakukan *is call a drag along provision*. Kedua-duanya ada di dalam perjanjian. Tapi pengertian perjanjian tersebut, dari Gapurna kerana dia telah membuat *reverse take over of MRCB* bererti dia kata dia masih lagi menguasai projek tersebut sebab ada *reverse take over*. Tapi dalam membuat *reverse take over* itu Gapurna bersetuju untuk menilai 70% daripada nilai saham usaha sama tersebut dengan harga RM190 juta. Jadi maknanya sebagai salah satu daripada penilaian *reverse take over*. Penelitian peguam PKNS dan saya sendiri, saya dapati apabila berlaku persetujuan MRCB dengan Gapurna yang awalnya tidak diketahui oleh PKNS berlaku perkara tersebut, saya anggap *pre ancient right* akan mengeluarkan / mengadakan *rights to PKNS*. Jadi oleh sebab itu Gapurna sebelum bersetuju dengan MRCB kenalah memberi tawaran tersebut kepada PKNS. Itu sebab saya menasihati PKNS supaya berhubung dengan peguam untuk perkara ini. Tapi peguam Gapurna berpendapat *pre ancient right* itu tidak boleh dipakai. Itu pendapat peguam Gapurna. Jadi jawapan saya, kita kena bincang dengan Gapurna, kalau tidak kita akan pergi ke mahkamah untuk mahkamah tentukan sama ada kuasa *pre ancient* itu ada atau tidak ada sebab pada PKNS itu sangat fundamental kalau tidak PKNS kena beli RM190 juta. Kiraan kita dengan pembelian RM190 juta, 70% daripada saham yang 30% sudah dimiliki oleh PKNS, 70% daripada saham tersebut jadi dengan nilai RM190 juta PKNS

dapat menguasai pembangunan hartanah yang melebihi RM4,000 juta. Jadi kalau diambil kira RM4,000 juta kalau pulangnya *gross development value* RM4,000 juta / RM4 bilion maknanya keuntungannya melebihi RM800 juta. Jadi itu sebab PKNS diminta untuk mempertahankan *pre ancient right* itu dan supaya PKNS akan mendapat nilai yang sepatutnya. Jadi buat masa ini kes itu masih diberikan diutarakan di mahkamah sebab itu kita tak tahu apa keputusannya. Diutarakan di mahkamah untuk menentukan *the pre ancient right* tersebut. Ada dua perkara yang akan berlaku kita menang maknanya PKNS menang jadi PKNS boleh membuat keputusan untuk membeli projek tersebut RM190 juta ataupun bersetuju untuk menjual atau dengan ratio yang lebih tinggi bukan RM190 juta. Boleh jadi nilainya berganda daripada tersebut. Tapi itu kita belum tahu lagi. Sebab perkara tersebut masih lagi dibentangkan di mahkamah. Kedua, apa pengajaran yang kita belajar daripada sini. Pelajaran dari sini saya tidak lagi ingin mengingatkan kita bahawa GLC kita, syarikat-syarikat perbadanan kita dulunya tidak menjalankan bisnes dengan sendiri tapi bergantung dengan usaha sama. Jadi oleh sebab itu kepakaran dalam eksekutif PKNS itu terhad, tidak *complete* maknanya dia ada tanah dia hanya cari jalan macam mana nak jual dengan harga yang baik. Bukan ada tanah bangun pembangunan lepas bangun pembangunan itu baru jual pembangunan tersebut. Dia belum sampai ke tahap tersebut walaupun dia sudah duduk dan syarikat ini sudah hidup lebih daripada 40 tahun. Sebagai contoh rakan kita yang duduk di Kota Damansara, Kota Damansara itu ialah pembangunan tanah di bawah kuasa PKNS tapi pembangunan itu dibuat secara usaha sama. Kalau kita buat kajian kita kumpul rakan-rakan kita dari Barisan Nasional ini satu pengalaman yang sangat penting kita marahkan PKNS kerana tidak dapat menguasai hartanah untuk masyarakat bumiputera. Tapi apabila PKNS dapat hartanah dia menjalankan pembangunan tersebut secara usaha sama. Dua syarikat saya nak tunjukkan dapat kontrak tersebut. Satu ialah Syarikat Sunway, dia usaha sama dengan PKNS. Sebelum dia usaha sama dengan PKNS syarikat itu sangat kecil. Dia tidak sebesar PKNS tapi bila dia buat pembangunan di Kota Damansara sekarang *net capitalization* dia tiga kali ganda atau empat kali ganda lebih dari PKNS. Sebab dia membangunkan hartanah bukan hanya menjual beli tanah. Dan syarikat yang lagi satu Tropicana juga mendapat hasil tiga, empat kali ganda daripada PKNS. Jadi pelajaran yang kita lihat bahawa PKNS tidak mendapat hasil yang terbaik daripada hartanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, tadi Yang Amat Berhormat Tan Sri ada menyebut tentang kemungkinan kita menang di mahkamah, kalau apakah hakikatnya atau pun risikonya kalau PKNS kalah di mahkamah dan kalah di semua peringkat rayuan? Adakah kita akan kehilangan 30% ekuiti itu yang masih dipegang oleh PKNS?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tidak, sebenarnya kalau kita kalah maknanya kita masih memiliki 30%, kalau kita kalah. Maknanya *the joint ventures still*, tapi kita tidak akan dapat, kita kena *drag along* lah ya. Dipanggil kalau kita kalah kita akan dipanggil *drag along*. *Drag along* itu maknanya sama ada kita nak jual atau pun kita ikut sajalah, *it's a call a drag along cross*. Jadi kalau menang, kita kena buat keputusan untuk membeli seperti yang harga yang dijual kepada atau pun diurus niaga dengan MRCB.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Adakah kerajaan negeri akan membantu PKNS dalam membeli syer 70% tersebut, memandangkan baru-baru ini kerajaan Negeri Selangor membantu dalam satu pinjaman RM80 juta kepada PKNS.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang sebenarnya kerajaan negeri tak berapa perlu untuk menyokong PKNS walau pun kalau PKNS memerlukan kita boleh bawa permohonan itu di dewan sini, sebab *asset value* PKNS sangat cukup untuk mencari dana pembelian RM190 juta untuk mendapat pembangunan melebihi RM4,000 juta daripada itu. Jadi oleh sebab itu apa yang saya nak beritahu dewan, saya setuju untuk dewan menyatakan *concern* atau pun menyatakan rasa pentingnya untuk melihat urus niaga ini, itu saya setuju. Kedua dewan juga mengingatkan tanggungjawab PKNS, sebab asalnya ialah tanah milikan PKNS dan sekarang tidak mendapat nilai hasil yang sebaik-baiknya dalam urus niaga usaha sama tersebut. Ketiga menentukan bahawa PKNS mendapat hak yang sebetulnya dalam usaha ini. Tapi jawapannya masih belum kita berikan jadi sebagai Pengerusi PKNS saya menunggu keputusan mahkamah dan juga apa tindakan Gapurna terhadap usaha yang kita lakukan.

TUAN SPEAKER : Ijok nak bahas sekarang, masa perbahasan sudah tamat. Saya jemput pencadang usul jika ada hendak buat penggulangan, Kampung Tunku lima minit saja, tak ada. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini meminta kerajaan Selangor memastikan kepentingan anak syarikat kerajaan Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) serta rakyat Selangor sentiasa terpelihara dalam urusan pembelian aset Kumpulan Gapurna khususnya dalam projek PJ Central Development Sdn Bhd di mana PKNS memegang 30% kepentingan ekuiti di dalam syarikat ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat-mesyuarat seterusnya usul Nombor 13 Tahun 2013. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawa dewan yang mulia ini meminta kerajaan Selangor di bawah semangat *go rural* untuk merangkakan lebih banyak rancangan pembangunan berjangka pendek untuk memastikan pembangunan infrastruktur dan ekonomi kawasan luar bandar lebih terbela. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menyebut beberapa kali tentang program-program pembangunan di luar bandar di bawah tajuk besar *Go Rural* selepas pilihan raya umum ke-13. Di mana salah satu sasaran adalah untuk menambah pendapatan penduduk di luar bandar dalam masa yang singkat iaitu lebih kurang tiga tahun. Oleh itu Kampung Tunku membawa usul ini kerana sekarang sudah sampai masanya

kerajaan Negeri Selangor melancarkan program-program yang betul-betul serius khusus untuk pembangunan di kawasan luar bandar.

Sebelum ini sebenarnya Tuan Speaker, kerajaan telah melancarkan beberapa program pembangunan yang khusus untuk kawasan-kawasan luar bandar seperti program peningkatan hasil padi. Di mana program ini juga merupakan salah satu daripada pakej rangsangan ekonomi Selangor yang dilancarkan pada tahun 2009. Selain itu kerajaan juga telah melancarkan program Mikro Kredit SkimSel di mana kerajaan buat kali pertama membekalkan pinjaman Mikro Kredit kepada masyarakat luar bandar untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan sebagai satu cara untuk mempertingkatkan pendapatan mereka. Biar pun begitu Tuan Speaker, program-program ini merupakan program-program berasingan dan sebenarnya berbentuk formal di mana ianya tidak dilaksanakan di bawah satu penyelarasan yang berkesan. Terdapat program-program kebajikan juga dan juga program pembangunan lain yang diusahakan oleh kerajaan Negeri Selangor sebelum ini dan kebanyakannya mempunyai kaitan langsung dengan Geran Selangorku. Kita juga tidak lupa ada juga program-program pembangunan yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap Kerajaan Negeri Selangor seperti Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan, Kerajaan Prihatin, Kebajikan dan sebagainya.

Jadi Kampung Tunku memanglah menyanjung tinggi program-program ini tapi kita perlu juga mengakui bahawa keberkesanan program-program ini masih tidak dapat diukur dengan tepat. Dan kita tidak pasti pada hakikinya berapa ramai penduduk yang menerima manfaat berapa peratusan keluarga luar bandar yang memanfaatkan daripada usaha kita ini. Oleh itu Kampung Tunku bercadang kepada kerajaan negeri semangat *Go Rural* memang bagus tapi kita harus mewujudkan sebelum kita melaksanakan program menetapkan beberapa *key performance index* atau pun KPI supaya kita dapat mengukur setakat mana berkesannya atau pun pencapaian program-program yang tertetap di bawah semangat ini atau pun perangkaan ini. Kampung Tunku juga bercadang supaya kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemantauan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk memastikan segala peruntukan dan projek pembangunan ini berjalan mencapai sasarannya. Dan selepas itu cadangan daripada saya ialah kerajaan harus mengenal pasti, mengenal pasti apakah kawasan luar bandar di Negeri Selangor yang perlu diletakkan di bawah program *Go Rural* ini kerana ini adalah penting supaya semua pihak termasuk khususnya pegawai kerajaan, mereka tahu di manakah mereka perlu melaksanakan, menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Speaker, saya tidak ada masalah sekiranya kawasan-kawasan seperti Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Kuala Langat, Sepang dan juga Hulu Langat di kategori sebagai kawasan luar bandar. Tapi untuk sebagai peringatan kepada kerajaan negeri terdapat juga beberapa kawasan yang pada pendapat saya mempunyai kampung-kampung dan tempat-tempat ini tidak boleh di salah tafsir sebagai kawasan bandar. Dan tempat-tempat ini sebenarnya terletak di daerah Klang, di daerah Gombak malahan daerah Petaling pun ada di kawasan DUN Paya Jaras. Dan ini perlu dilihat, kita lihat perlu lihat dengan menyeluruh dan selepas kita

menetapkan KPI, menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan, mengetahui tempat-tempat pelaksanaannya maka kita baru menetapkan program-program yang boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini. Pada pendapat Kampung Tunku Tuan Speaker, adalah wajar untuk kerajaan menetapkan program jangka pendek dan bukannya jangka panjang kerana jangka pendek, program jangka pendek akan mempunyai impak yang positif kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Ini adalah juga untuk memudahkan kerja-kerja pemantauan kerana selalunya program jangka panjang ia akan melibatkan dana yang besar, peruntukan yang besar, tempoh pelaksanaan yang lebih panjang dan pemantauan yang lebih sukar untuk dilaksanakan. Dan saya rasa ini tidak begitu menggalakkan dilaksanakan di bawah program *Go Rural*, perlu kita tumpukan kepada program jangka panjang. Kerajaan juga harus mengakui bahawa kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Selangor sebenarnya mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan ekonominya khususnya ekonomi pelancongan dan salah satu contoh yang kita selalu dengar di dewan yang mulia ini yang *Sekinchan style*. *Sekinchan stall* tapi kita bukan saja ada *Sekinchan style*, kita ada *Kuala Selangor style* ada *Frasier Hill* ada *Morib style* *Tanjung Sepat style*, *Bukit Broga style* ada pelbagai bentuk *style* yang kita ada. Ini ialah produk pelancongan yang saya rasa kerajaan Negeri Selangor harus bangunkan harus pasarkan di antarabangsa, pasaran antarabangsa dan menarik lebih ramai pelancong-pelancong dari luar negara ke tempat-tempat ini dan menjana pendapatan untuk penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Sektor yang kedua kita harus lupa pertanian kerana ini adalah aktiviti ekonomi yang paling utama di kawasan luar bandar. Maka usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pendapatan penduduk luar bandar mesti juga ada kaitan dengan aktiviti pertanian. Jadi program meningkatkan hasil padi yang juga dilancarkan pada tahun 2009 sebagai salah satu daripada pakej rangsangan ekonomi, pada pendapat saya perlu dihidupkan semula dirancarkan semula, dikembalikan dihidupkan. Kampung Tunku juga mendapati kerajaan juga membina pada masa-masa yang lalu beberapa kawasan perindustrian di luar bandar. Dan ini juga harus dimasukkan dalam *Reader Scrin* kerajaan negeri dalam program-program. Antaranya ialah kawasan perindustrian Zurah di Hulu Selangor, Port Klang Free Zone di Pulau Indah, Klang, zon perdagangan bebas di Teluk Panglima Garang dan sebagainya. Tempat-tempat ini terletak di kawasan luar bandar dan sudah pasti ia adalah penting untuk menjana pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk di luar bandar kerana ianya boleh lagi dibangunkan. Tetapi cara pembangunannya tak lain tak bukan ialah melalui peningkatan atau pun naik taraf infrastruktur seperti jalan, parit, lampu dan sebagainya. Saya yakin sebenarnya bagi wakil-wakil rakyat yang berada dari kawasan ini, masih ada banyak kekurangan dari segi infrastruktur di mana kerajaan negeri perlu memperuntukkan jumlah wang yang banyak demi menaik tarafnya. Dan ini adalah infrastruktur-infrastruktur asas, jadi harapan saya dan cadangan saya ialah kerajaan Negeri Selangor harus memberi tumpuan, naik taraf jalan, melengkapkan jaringan jalan dan barangkali dari segi kemudahan internet, kerajaan barangkali perlu menaburkan modal permulaan supaya *high speed internet* boleh dibangunkan di tempat-tempat ini dan sekali gus menarik lebih ramai pelaburan dari luar negara dan domestik ke tempat-tempat ini. Jadi inilah lakaran kasar Kampung Tunku tentang program-program ini dan

harapan saya ialah ianya akan dapat dilakukan, dilaksanakan dengan manfaat yang maksimum untuk kebaikan rakyat di luar bandar dalam masa yang singkat. Jadi Kampung Tunku mohon mencadang, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang pertamanya Paya Jaras ingin menyokong usul Nombor 13 Tahun 2013 yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku. Dengan alasan yang pertamanya pada tahun 2008 kita telah menjalankan dasar iaitu memberi tumpuan kepada individu-individu melalui skim-skim kita. Semua skim yang kita laksanakan pada tahun 2008 kalau kita perhatikan lebih menjurus kepada pembangunan individu dan keluarga. Dalam manifesto yang dibawa oleh Pakatan Rakyat dalam pilihan raya yang lalu adalah meneruskan kecemerlangan. Maka sebaiknya setelah kita menumpukan individu sekarang ini kita menumpukan juga pada pembangunan desa-desa dan pembangunan infrastruktur. Cuma dalam usul ini menyebut pembangunan infra dan ekonomi, Paya Jaras merasakan sebelum kita pergi kepada infra ada satu lagi perkara yang kerajaan harus melihat dan menyelesaikan perkara tersebut sebelum kita menyelesaikan masalah infra, apa dia masalah tanah. Sebagaimana yang disebut oleh Kampung Tunku di Paya Jaras ini walau pun terletak dalam bandar raya, yang disebut bandar raya tetapi masih ada lagi kampung-kampung tradisi orang-orang Melayu yang kita perlu jaga dan bangun.

Yang Berhormat Speaker, isu tanah ini mesti diselesaikan. Saya melihat bahawa di sana ada perkara yang kita sebut sebagai *vacuum* yang mungkin tidak ditangani oleh kerajaan negeri dalam sesi yang lalu. Kita tahu polisi kerajaan negeri adalah untuk memberikan hak pemilikan tanah dengan premium yang minimum RM1,000 tetapi di sana ada satu polisi yang Paya Jaras rasakan kita harus tangani iaitu masalah pemberian tanah-tanah kosong ini. Kita dapati, kita tidak ada polisi yang jelas tentang masalah pemilikan tanah kosong ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Paya Jaras boleh berhenti sebentar. Baiklah jam sudah menunjukkan pukul satu maka dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula, Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : *Bismillahir rahmannir rahim*, Yang terhormat Tuan Speaker saya menyambung, sokongan terhadap usul No.13 Tahun 2013 yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku, saya menyebut tadi pada Tahun 2008 bahawa Kerajaan menitikberatkan pembangunan individu dan keluarga di skim-skim Usia Emas, TAWAS dan sebagainya kali ini Kerajaan meneruskan kecemerlangan mereka dengan menitik berat tentang pembangunan infrastruktur yang ini di luar daripada permasalahan keluarga dan pergi kepada masalah infrastruktur cumanya saya nak bangkitkan di sini, apabila usul ini dibawa menyebut pembangunan infrastruktur dan ekonomi Paya Jaras berpandangan bahawa kita tidak boleh usul ini tidak boleh berdiri sendiri tanpa melihat isu yang asas iaitu isu pembahagian tanah di sana saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana menjalankan skim pembayaran premium RM1,000.00 kepada mereka yang mempunyai rumah di atas tanah, Cuma saya ingin menarik perhatian Kerajaan di sana terdapat *vacuum* dalam permasalahan tanah ini iaitu masalah tanah kosong, kita tidak mempunyai dasar yang jelas tentang tanah kosong ini, oleh kerana kita tidak mempunyai dasar yang jelas tentang tanah yang kosong ini maka rakyat bila dia tengok tanah itu kosong, dia akan mohon Pejabat Tanah KIV dia mohon lagi dia KIV lagi, orang lain mohon lagi KIV lagi jadi perkara ini adalah perkara yang berantai-rantai yang tidak mempunyai penyelesaian yang jelas sebab itulah Paya Jaras mencadangkan kepada Kerajaan kalau boleh longgarkan pemberian tanah kosong ini tetapi ketatkan syarat pemilikan tersebut kita mempunyai ramai lagi rakyat yang masih memerlukan tanah-tanah untuk mendiami suka atau tidak di dalam Paya Seri masih ada lagi keluarga-keluarga yang hidup berlantaikan tanah yang tidak sempurna jadi saya menyeru Kerajaan memberi perhatian kepada golongan-golongan ini khususnya golongan, fakir, miskin, golongan ibu tunggal, golongan OKU yang sering kita abaikan, tanah terbiar apa salah kalau kita jalankan skim berkaitan dengan ekonomi desa ini *Go Rural* bangunkan tanah jadikan sebidang tanah sebagai lot-lot diracik sebagai lot-lot yang kecil serta setiap satu lot ini diberi kepada satu keluarga mungkin kita buat perusahaan ataupun pertanian lada dan Kerajaan menjamin hasil pertanian lada ini maka dengan sebab itu kita melihat bahawa usaha memaksimumkan penggunaan tanah itu harus berlaku masalah infra, masalah infra kita lihat masih ada lagi perkara-perkara yang hendak diselesaikan walaupun kita melihat Kerajaan yang sekarang ini lebih baik dari Kerajaan yang dulu, lebih menitik berat dari Kerajaan dulu, tetapi kita merasakan bahawa pembaik pulih atau membaik pulih skim-skim itu boleh dilakukan, masalah pengangkutan ada lagi kawasan-kawasan yang masih lagi tidak mempunyai pengangkutan yang baik, ada lagi tempat-tempat, taman-taman yang di kalangan mereka ini terpaksa berjalan kaki berkilo-kilo meter, untuk pergi ke satu tempat ke perhentian bas untuk pergi ke satu tempat hospital, untuk pergi ke stesen-stesen komuter dengan cara menumpang orang dan berjalan kaki, kita minta PBT mengkaji kawasan-kawasan ini dan kita minta menyelesaikan masalah rakyat, masalah parit,

yang tidak selesai masalah banjir masih lagi berlaku di dalam Paya Jaras ini mungkin kawasan Pelabuhan Klang tak banyak kawasan banjir tapi di Paya Jaras ini untuk makluman Puan Speaker bila kali hujan, bila kali redup dalam dada ini dup dap dup dap, kita dapat panggilan dari Ketua Kampung aa sudah banjir ke tidak banjir bila perkara ini kita nak selesaikan kita minta suka tak suka, dalam penggal kedua kita memerintah ini setelah kita menitik berat tentang individu dalam keluarga dengan skim-skim yang baik dahulu kita lihat pada skim-skim yang membangunkan infrastruktur kampung-kampung ini, Puan Speaker, masalah ekonomi yang disebut saya pernah teringat saya teringat apabila Yang Amat Berhormat Pelabuhan Kelang pernah satu ketika dulu datang ke satu program di Paya Jaras Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah menyebut kata beliau bercita-cita berkeinginan untuk melihat orang yang menerima zakat ini pada suatu waktu nanti boleh membayar zakat, bermakna kita punya skim program yang mana kita tidak selama-lamanya menyebabkan rakyat kita ini bergantung harap kepada kita, dengan sebab itulah Paya Jaras merasakan bahawa ekonomi yang dimaksudkan oleh Kampung Tunku itu harus adalah ekonomi yang membangunkan keluarga, kalau sebut ekonomi orang-orang kaya mereka dah boleh hidup sendiri, kita wakil-wakil rakyat ini berhadapan dengan isu ekonomi rakyat, keluarga rakyat yang susah, ibu tunggal, fakir miskin, OKU, orang yang tidak mampu, kita faham ada bantuan Kerajaan itu dengan bantuan ini rakyat boleh berdikari ada rakyat itu, yang tidak mampu untuk berdikari kita bagi apa pun dia tidak mampu berdikari mungkin dengan sebab kekurangan daya mereka sendiri ataupun boleh jadi mereka itu tergolong dalam golongan orang kelainan upaya jadi kita minta Kerajaan jangan mengabaikan isu yang walau pun kecil tetapi boleh mengganggu pemikiran kita sebenarnya OKU saya buat pertanyaan OKU kita selalu tertinggal skim OKU, skim ekonomi kalau mereka ini adalah golongan yang tidak mampu untuk berdikari saya minta Kerajaan wujudkan skim ekonomi di bawah MES yang khusus membangunkan golongan-golongan OKU ini, termasuk kepada golongan OKU yang tidak mampu untuk hantar mereka ke sekolah kerana masalah kewangan dan masalah kesempitan kehidupan, Puan Speaker di antara perkara lain adalah dalam usul ini adalah masalah ekonomi, masalah ekonomi kita lihat di zaman UMNO Barisan Nasional banyak gerai-gerai yang dibangunkan, di zaman dahulu adanya gerai yang disebut sebagai Projek Gajah Putih, bukan kacang putih, gajah putih, ini boleh lagi diperbaiki kita minta PBT atau Pejabat Daerah meneliti ada di kalangan gerai-gerai ini yang didiami atau disalahgunakan untuk tujuan yang lain, saya minta Kerajaan cek balik, lihat balik, teliti balik, ambil gerai ini dan pilih mereka-mereka ini yang tidak mampu untuk hidup kita serahkan gerai ini kepada mereka yang ingin membaiki kehidupan melalui perniagaan, Cuma yang terakhir sekali tumpuan tanah tadi yang saya sebut tadi kita jangan lupa kepada perkara-perkara yang boleh jadi kita ada tanah dalam Selangor, yang boleh kita bangunkan tetapi kita masih lagi mempunyai birokrasi dan protokol yang menyebabkan kita tidak boleh mengguna pakai tanah sebut, Puan Speaker Paya Jaras menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kuala Kubu Bharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih, Puan Speaker, Kuala Kubu Bharu mohon turut serta dalam perbahasan usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Kampung Tunku, kawasan luar bandar di Selangor lebih mundur dari segi pembangunan *infrastructure* dan ekonomi berbanding kawasan bandar yang pesat penduduknya sebagai contoh kawasan luar bandar iaitu daerah Hulu Selangor yang berkeluasannya 174,47 hektar iaitu sebesar negeri Melaka yang mempunyai taburan penduduk tahun 2010 seramai 194,387 orang dan 64,618 orang adalah terdiri daripada golongan belia perlu dibangunkan untuk memastikan penduduk di sini mendapat pembelaan Puan Speaker ciri-ciri bandar Hulu Selangor, yang santai kaya dengan kawasan rekreasi air terjun dan kolam air panas, serta dikelilingi semula jadi merupakan tarikan pesara-pesara dan orang ramai untuk membeli rumah dan menetap di sini dengan ini Hulu Selangor di bawah semangat *Go Rural* dengan izin, perlu dirangka dengan banyak rancangan pembangunan jangka pendek seperti menaik taraf *infrastructure* pasar-pasar lama, dewan-dewan lama serta gelanggang mainan contohnya gelanggang bola keranjang di Serendah telah usang, Kuala Kubu Bharu yang terletak di tengah daerah Hulu Selangor memohon agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan swasta seperti Jabatan Alam Sekitar, SSM dan TNB *Go Rural* juga untuk membuka pejabat dan kaunter perkhidmatan di sini bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan mereka di dalam satu kawasan untuk maklumat orang ramai merungut kerana terpaksa pergi ke Shah Alam untuk urusan pendaftaran perniagaan atau syarikat dan pergi ke Rawang untuk perkhidmatan bekalan elektrik terutama yang memerlukan kehadiran pelanggan begitu juga dengan Jabatan Alam Sekitar, yang cawangan yang terdekat terletak di daerah Gombak tidak ada pun cawangan di Hulu Selangor. Puan Speaker, Hulu Selangor merupakan pusat pelancongan dan rekreasi air terjun dan air panas, yang terbesar di Selangor, Kuala Kubu Bharu mendapati tempat rekreasi ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan kerana infrastrukturnya yang daif. Justeru itu, infrastruktur seperti membina jalan masuk bertar serta kemudahan lampu dan tandas yang bersih begitu juga kutipan sampah yang kerap kali dapat meningkatkan daya tarikan dan menggalakkan pelancong berkunjung oleh kerana Hulu Selangor juga merupakan pusat penanaman sayur utama di Selangor dengan ini gerai-gerai perniagaan sayur dan tanaman boleh diwujudkan di kawasan rekreasi dan pusat pelancongan di Hulu Selangor, Puan Speaker segala pembangunan untuk menambah baik yang dibawa seharusnya bersifat lestari tanpa kompromi atas kualiti kehidupan generasi muda mahupun alam sekitar, kehidupan berkualiti juga dititikberatkan ke atas golongan luar bandar yang kurang bernasib baik seperti ibu-ibu tunggal membanting kudrat harian untuk membesarkan anak-anak penduduk luar bandar yang menganggur projek ekonomi kecil-kecilan perlu direncanakan dalam usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan-golongan ini, prinsip yang Kuala Kubu Bharu pegang ialah membeli pancing dan mengajar mereka mengail lebih baik daripada memberi mereka ikan setiap hari, Kuala Kubu Bharu amat prihatin dan menitikberatkan pembentukan persekitaran sosial di mana anak-anak kita akan membesar dan meneruskan kehidupan mereka. Justeru ini membangunkan komuniti yang makmur dan selamat buat semua warga tak kira muda atau tua, lelaki atau wanita, merupakan prioriti Kuala Kubu Bharu komuniti yang sihat melibatkan penambahan tapak rekreasi Taman Mini Hijau untuk santai atau beriadah, lorong basikal dan pejalan kaki merupakan wawasan Kuala Kubu Bharu, begitu juga tempat anak-anak muda beriadah dan bersukan lasak seperti mendaki gunung bersekali dengan persekitaran yang sihat di luar bandar dengan ini akan menjadi kawasan luar bandar lebih aman,

menarik, sihat dan sejuk buat penghuni dan pengunjung disebabkan kedudukan luar bandar di Hulu Selangor yang rendah di mana kedapatan air bawah tanah pada kadar satu meter dari muka bumi bersekali dengan sistem perparitan yang tidak teratur Kuala Kubu Bharu dan Batang Kali kerap kali berhadapan dengan banjir sewaktu musim hujan. Justeru ini menaikkan taraf infrastruktur perparitan dan kawasan tadahan banjir perlu dipercepatkan bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan luar bandar seperti di Hulu Selangor secara komprehensif dan bukan secara tempelan seperti sekarang ini, sekian saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum WBT*, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Sungai Panjang ingin mengucapkan terima kasih dan memohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul No.13 Tahun 2013 dengan semangat *Go Rural* untuk merangka lebih banyak rancangan pembangunan jangka pendek, jangka panjang memastikan infra yang terbaik ekonomi di kawasan luar bandar. Sungai Panjang juga menyokong penuh semangat *Go Rural* ini bagi memastikan infra ekonomi terbela namun Sungai Panjang juga secara jujur mahukan Kerajaan Pakatan menjelaskan persoalan seperti berikut:-

Yang pertama, sepanjang tempoh lima tahun melihat kepada semangat *Go Rural* ini adakah maknanya kawasan-kawasan luar bandar ini terabai dan kepedulian kawasan-kawasan luar bandar ini mahu bermula apabila Kerajaan mengambil alih penggal yang kedua ini, adakah sepanjang lima tahun juga Kerajaan Negeri gagal mengutamakan atau mengemukakan dasar-dasar yang komprehensif sehingga tidak ada satu EXCO yang khusus dan pada kali ini ada EXCO yang khusus untuk membantu dari segi luar bandar. Puan Speaker yang saya kasihi sekalian kita berhadapan juga dengan episod hitam bagaimana peminggiran kawasan luar bandar, bagaimana ekonomi kawasan luar bandar yang boleh untuk disemarakkan tetapi insiden pembatalan projek pembangunan kampus UiTM di Serendah Hulu Selangor ternyata ia merugikan. Ia bukan sahaja merugikan rakyat di daerah Hulu Selangor kerana menutup peluang pembangunan modal insan tetapi juga membantutkan dari segi pertumbuhan di kawasan sekitarnya. Di daerah Sabak Bernam, penutupan Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) di Bandar Baru Bagan Terap, Sungai Besar walaupun ia sederhana tetapi penutupan ini secara tidak langsung telah menutup aktiviti sosial ekonomi kawasan sekitarnya. Puan Speaker yang saya kasihi sekalian, di zon Selangor Utara, di dalam tempoh 5 tahun ini, kejutan kepelbagaian, kejutan budaya berlaku. Yang pertama sekali, masuk saja di kawasan Sekinchan, kita akan melihat bagaimana papan tanda yang besar, daripada orang Sekinchan sendiri. Tetapi pertambahan papan tanda yang besar itu membawa bersama dengan pertambahan Pusat Urut Kaki yang di belakangnya terdapat banyak aktiviti-aktiviti lain. Bukan saja ada Pusat Urut Kaki,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Sg. Panjang, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Nanti dulu, saya ada 5 hujahan . Bukan saja itu berlaku di Sekinchan, dia berlaku di Sg. Panjang, dia juga berlaku di Sabak, dia juga berlaku di Tanjung Karang. Kejutan budaya juga berlaku dengan Pusat Judi siber yang di belakangnya kelihatan seperti Pusat siber Komputer tetapi apabila dilihat di dalamnya judi siber sangat berleluasa. Sistem PBT yang belum lagi sempurna dan kebelakangan ini, masyarakat kampung desa menghadapi kejutan dengan peningkatan tafsiran cukai. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Y.B. Sg. Panjang sebentar tadi menyatakan rumah urut, apa dan sebagainya jangan tuduh sembarangan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Saya tak kata rumah urut, saya kata urut kaki.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Eh, urut kaki. Bagi *detail*. Bagi *detail* di mana, rumah urut tersebut, berapa jumlah dan sebagainya. Jangan jadi juara di dalam dewan yang mulia ini. Itu satu. Yang kedua, saya nak, satu persoalan yang saya nak tanya, nak minta penjelasan dari Sg. Panjang, berkenaan dengan pembangunan, *Go Rural* ini, di mana, 56 tahun, saya dah kira tadi, sebentar tadi saya dah kira, 56 tahun sejak merdeka, Sg. Panjang di bawah Barisan Nasional. 56 tahun, termasuk tiga penggal, Sg. Panjang yang dulu, ini jurucakap Sg. Panjang, Khir Toyo ini. Ini jurucakap orang baru ni ha. Dah 56 tahun, bagaimana pembangunan Sg. Panjang. Bagi tahu, macam itu juga. Ha sekarang pula nak jadi juara.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Suka saya tengok Sekinchan, merah kali kedua. Saya cuma nak sebutkan begini, saya juga mengkaji dari dahulunya, tempat urut kaki sama ada di Sabak Bernam, di Sg. Besar, Sekinchan, Tanjung Karang, baru kurang daripada 9 atau 10, sekarang ada 17, tak tahu nak pilih yang mana. Bukan itu saja, pusat urut kaki ini menambah sekali kehadiran daripada pelancong, pengurut kaki, bukan yang diurut kaki, pelancong pengurut kaki, daripada Vietnam, daripada Thailand dan juga daripada

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Duduk dulu, duduk Sekinchan tapi rakan saya Bukit Gasing, silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : *You*, Sg. Panjang *complaint* pasal pendatang ini, yang datang, tapi macam mana Kerajaan Barisan Nasional yang mengawal imigresen, yang mengawal polis, menangani masalah itu. Nampaknya macam kerajaan Barisan Nasional tak buat apa-apa, sampai daripada Vietnam, China, Thailand itu boleh datang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Itulah yang saya nak sebutkan. Saya nak sebutkan ialah kejutan budaya daripada sebuah kawasan kampung yang tiba-tiba dalam tempoh 5 tahun, ada kebanjiran pengurut-pengurut kaki ni. Dan saya nak sebutkan kepada Sekinchan juga yang berkali-kali menyelar saya sebagai wakil

daripada mantan Sg. Panjang. Dan saya juga nak sebutkan beberapa kali, kalau dahulu pusat-pusat ini tidak berlaku, dan dengan semangat ini tiba-tiba berlaku dan kebimbangan saya ialah dengan semangat *Go Rural* ini, akhirnya pertambahan-pertambahan ini berlaku.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Sungai Panjang,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya kira saya bagi duduk, saya ada dua hujahan lagi yang saya kira penting untuk saya perbahaskan di sini. Puan Speaker, dewasa ini berlaku daripada segi peningkatan tafsiran cukai. Mereka yang berniaga kecil-kecilan, didenda peniaga nasi lemak sehingga seribu ringgit. Dan saya menerima hakikat juga bahawa mereka yang berniaga itu, tidak dikecualikan. Tafsiran cukai,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Sekinchan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya belum habis hujahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tafsiran cukai yang sudah, melencong daripada usul asal.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya nak menunjukkan ini, ini kejutan-kejutan budaya yang berlaku dalam tempoh 5 tahun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Usul tu melencong, melencong

TUAN SPEAKER : Sg. Panjang saya minta kaitkan dengan usulkan *Go Rural*. Boleh jelaskan bagaimana urut kaki,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Peraturan 35.

TUAN SPEAKER : Cukai tafsiran

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, Peraturan 35 dah melencong. Melencong, dah melencong tu baliklah ke landasan yang asal, Sg. Panjang. Walaupun panjang jangan melencong.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan boleh duduk dulu. Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baik Sg. Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya nak sebutkan kebimbangan-kebimbangan kita. Di dalam dewan yang mulia ini, saya melihat sepanjang 5 tahun, ini suasana yang berlaku. Dan saya bimbang sekiranya semangat *Go Rural*, pelaksanaan *Go Rural* tidak disempurnakan dengan betul-betul, saya fikir keadaan yang lebih buruk lagi berlaku kerana apa, kerana kami di kampung, masyarakat di kampung belum begitu bersedia dengan kejutan-kejutan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker... penjelasan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Dengan kejutan-kejutan yang ada pada hari ini.

TUAN SPEAKER : Ya, apa dia Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Dan Puan Speaker, mengapa saya tidak beri, saya tidak faham kenapa Sekinchan

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Sg. Panjang tidak beri.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya tidak faham kenapa Sekinchan terlalu teruja apabila saya mengemukakan hujah.

TUAN SPEAKER : Nanti Sekinchan boleh bahas. Teruskan Sg. Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Terima kasih Puan Speaker. Dalam tempoh 5 tahun, kita tidak lagi mendengar kampung-kampung tradisi menjadi kampung juara hebat di peringkat kebangsaan. Kita tak dengar, Kampung Indah yang menang tahun 90, 94. Kita tidak dengar Kampung Kanchong Darat yang menang tahun 2000, kita tak dengar Kampung Batu Laut tahun 2002, kita tak dengar lagi Kampung Kundang, yang mana pada saya ini, perkara ini sangat penting supaya semangat *Go Rural* yang ada tersebut dikesampingkan, digabungkan dan pengiktirafan ini boleh dilakukan dan dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Puan Speaker, peningkatan ekonomi kampung, tentulah tidak dapat lari daripada pertanian. Tentulah tidak dapat lari daripada penternakan, dan tentulah tidak dapat lari daripada soal perikanan. Dan saya ingin mencadangkan supaya, supaya pelaksanaan IKS desa yang meningkatkan peningkatan ekonomi itu, perlulah dibuat secara berpusat, dan perlulah dibuat dan dilaksanakan secara jujur dan juga bersepadu. Kita juga melihat bagaimana Selangor *fruit valley* yang satu ketika dahulu menjadi kebanggaan kita, menjadi Belukar *valley* dan akhirnya sekarang ini saya mendapat khabar menjadi *sawit valley*. Pihak Pakatan boleh berbangga

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Dengan, dengan jutaan ringgit

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan

TUAN SPEAKER : Sg. Panjang beri tak

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya tak beri, sebentar lagi.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku tolong duduk.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Dan apabila yang boleh dibanggakan kerajaan Pakatan, dengan dasar-dasar luar bandar ini. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya terima kasih YB Sg. Panjang. Saya terkejut sangat apabila menyebut tentang Selangor *fruits valley* yang dibangunkan oleh PKPS semasa zaman Barisan Nasional tapi saya, saya terkejut kerana saya ingin bertanya kepada Y.B. Sg. Panjang, tidak tahukah YB Sg. Panjang bahawa Selangor fruits valley ini mengalami kerugian berjuta-juta ringgit semasa zaman Barisan Nasional dan kerajaan Pakatan Rakyat berhempas pulas untuk membangunkan Selangor *Fruits Valley* ini. Saya terkejut kerana Y.B. Sg. Panjang mungkin nampak tak berapa perasan tentang fakta yang penting ini dan saya rasa baiknya kalau YB Sg. Panjang masukkan fakta yang saya sebutkan ini dalam teks ucapan YB. Terima kasih. Mencilah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : *You* celah sapa, celah saya ke celah Sg. Panjang (ketawa)

TUAN SPEAKER : Sg. Panjang teruskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya suka nak menjawab, daripada Kampung Tunku terlebih dahulu. Saya cuba memberikan satu contoh iaitu bagaimana akhirnya nanti kita melihat dalam bidang pertanian. Saya memberi contoh, kalau dikemukakan data, ada kaitan berkaitan dengan kerugian dan saya memberikan contoh ini ada tiga aspek penting iaitu pertama daripada aspek pertanian, daripada aspek penternakan, dan daripada aspek perikanan. Dan ketiga-tiga ini tidak dapat lari daripada risiko kerugian. Dan apakah risiko kerugian yang akan berlaku ini, akhirnya pelaksanaan *Go Rural* tersebut akan diteruskan ataupun dibatalkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Puan Speaker yang saya kasihi sekalian, pembangunan bukan bermakna adanya bangunan. Pembangunan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku tolong duduk. Teruskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Pembangunan bukan bermakna bermaksud adanya bangunan. Kita perlu ada pembangunan yang menyeluruh. Pada saya, saya fikir dan dia mesti bermula daripada pembangunan modal insan. Dan saya melihat....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : minta penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Bolehkah saya mendapat izin untuk teruskan tanpa diganggu

TUAN SPEAKER : Teruskan Sg. Panjang. Ada 15 minit dari tadi ya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Terima kasih. Dari tadi. Ok Puan Speaker yang saya kasihi sekalian. Pembangunan bukan semestinya ada bangunan, dan saya melihat daripada aspek ini, pembangunan yang dikemukakan daripada segi semangat *Go Rural* mestilah menyeluruh. Dan bagaimana seperti yang dicadangkan oleh Paya Jaras tadi, Sg. Panjang sangat bersetuju sekiranya pembangunan itu bermula dengan pembangunan daripada segi keluarga. Pengalaman kami di peringkat Selangor Utara ini, kita melihat mereka yang miskin, bukan sekadar miskin, tetapi mereka yang miskin itu, ada juga pada tahap fakir miskin. Dan kita melihat apabila mereka itu pada tahap fakir miskin, mereka ada kalanya tanpa persiapan mental yang cukup, tanpa persiapan pelaksanaan yang cukup, mereka sengaja merelakan diri mereka dalam keadaan yang miskin supaya apa, supaya berterusan sumbangan demi sumbangan dapat diterima sama ada di pihak Kerajaan Negeri ataupun kerajaan pusat. Puan Speaker yang saya kasihi sekalian, tidak ada halangan untuk mana-mana, saya fikir barisan pembangkang, Barisan Nasional, untuk tidak menyokong semangat *Go Rural*. Kerana apa, daripada segi *track* rekod (dengan izin) , daripada segi sejarah, daripada segi

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Puan Speaker, minta penjelasan Sg. Panjang. Sg. Panjang, sikit aje. Dekat jiran.

YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Silakan .

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Adakah ini bermakna Barisan pembangkang tidak sokong untuk membantu orang di desa. Ini saja saya nak penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : *No* . Saya tidak, tidak. Saya fikir itu sangkaan yang jahat terhadap saya. (ketawa)

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon penjelasan saja. Neutral. Neutral.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya fikir kemenjadian, kemenjadian kita menjadi Wakil Rakyat, semangat itu sepatutnya tidak patut keluar daripada mulut Y.B.-Y.B. sekalian. Saya cuma membuktikan satu perkara di dalam satu suasana, dia juga sama mesejnya daripada apa kenyataan oleh Y.B.-Y.B. Pelabuhan Klang. Disebut kalau suatu masa nanti, orang yang penerima zakat itu, akhirnya dia ingin melihat orang yang menerima itu, akhirnya nanti adalah orang yang memberi zakat. Tetapi suasana-suasana yang berlaku ini, saya sebutkan ialah supaya kita ada persiapan daripada segi mental, daripada segi fizikal, supaya *Go Rural* yang berlaku itu benar-benar diazamkan oleh penduduk-penduduk luar bandar. Kita tidak mahu bagaimana di Selangor Utara, saya kemukakan kes, di Sekinchan saya kemukakan kes, di Sg. Panjang saya kemukakan kes, di Sabak bahawa kedatangan pusat-pusat urut kaki, kedatangan pusat-pusat siber yang akhirnya ada perakuan aktiviti-aktiviti judi, akhirnya tidak dapat diterima dan akhirnya tidak gunalah mereka meningkat hasil padi kerana pendapatan mereka akhirnya habis terbuang di pusat-pusat judi siber. Puan Speaker, yang saya kasihi sekalian, secara jujur saya berdoa supaya satu tindakan strategik yang benar-benar menyeluruh, bersepadu berlaku dan akhirnya semangat *Go Rural* itu kita dapat laksanakan. Saya mohon untuk menyokong usul No. 13 Tahun 2013.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Sekinchan bangun untuk memberi, turut serta dalam perbahasan usul no. 13 yang dibawa oleh YB Kampung Tunku iaitu *Go Rural*. Sebelum saya terus dengan perbahasan saya, ingin saya menarik perhatian dewan yang mulia ini tentang apa yang dinyatakan oleh YB daripada Sg. Panjang, yang menyebut Sekinchan tentang rumah urut dan sebagainya. Apa yang ingin saya beritahu dewan yang mulia ini masalah rumah urut ini, sebenarnya ini satu, urut ini, urut kaki ini, kesihatan untuk badan dan sebagainya tetapi, tetapi Sg. Panjang dia ada mentaliti yang lain macam. Dia fikir lain. Dia ada terpesong sikit. Dia asyik fikir benda yang tak sihat. Ha, itu sebab orang yang suka memikirkan benda yang melencong ini, dia mentaliti ataupun

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Roh orang ni lain.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku minta mencelah Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SWEE LIM : Apa lagi Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya terima kasih Y.B. Saya ingin bertanya kepada YB Sekinchan, sebenarnya bahawa urut kaki ni, adalah sebahagian daripada rawatan tradisional. Yang baik itu, kita kena angkat, yang buruk itu kita kena kikis. Dan sebenarnya urut ni, ada juga satu bentuk urut tradisional, urut batin. Tak kan kita nak, nak haramkan semua urut ni..saya ingin bertanya pada komen

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku, apa kena mengena urut dengan usul?

(Ahli-ahli Dewan ketawa)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tak apa, Yang Berhormat..

TUAN SPEAKER : Sekinchan tolong teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat bangkitkan tentang urut jadi saya bangkit bertanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, ini sebab yang melencong ini Sg. Panjang tentang urut, jadi saya kena beri respons sedikitlah, penjelasan, sebab dia menuduh DUN Sekinchan kononnya banyak rumah urut dan sebagainya. Sebenarnya, urut tradisional ini sihat untuk badan termasuk urut dengan jamu jawanya dan sebagainya. Ini di mana-mana. Semua orang tau, di kawasan pelancongan, urut kaki dan sebagainya. Benda yang sihat kita setuju. Ada lesen kita setuju. Yang tak sihat, yang Sg. Panjang tu selalu kata tak sihat sebab pemikiran, fikir yang tak sihat saja. Dia kata pengurut kaki ramai sebab mungkin Sg. Panjang selalu pergilah. Sg. Panjang selalu pergi, dia tau, arif dalam konteks ini. Tak apa, Sg. Panjang kalau ada *figure*, boleh beritahu, saya akan sampaikan kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah, yang urut yang tak sihat, yang Sg. Panjang begitu *concern* sekali ya. Cukup, cukup..saya tak bagi laluan

TUAN SPEAKER : Tak bagi laluan, Sg. Panjang minta duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya ada banyak lagi benda nak sentuh.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dan seterusnya, nak bangkitkan dalam perbahasan saya tentang *Go Rural* ini, di mana Yang Berhormat Sg. Panjang sebentar tadi begitu menyindir kerajaan Pakatan Rakyat bahawa 5 tahun kita nak pergi ke *rural*, saya nak bagi tahu, kita mengambil seluruh kepentingan rakyat. Kita buat satu persatu. 5 tahun itu masanya cukup singkat untuk satu kerajaan. Jadi kita masuk *term* yang kedua. Rakyat pun faham. Rakyat bagi sokongan *term* yang kedua untuk kita perkasakan satu persatu pentadbiran, urus tadbir yang baik termasuk kita pergi ke kampung. Dan UMNO, ahli-ahli dewan yang saya kasihi, UMNO ini, mereka tak suka rakyat di kampung hidup lebih senang ataupun mereka terkeluar daripada belunggu kemiskinan, sebab mentaliti UMNO dia harapkan rakyat di *rural*..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Tuan Speaker, Tuan Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sentiasa miskin, kalau miskin, rakyat akan sentiasa datang minta bantuan daripada wakil rakyat UMNO dan mereka akan dapat undi (ahli-ahli dewan tepuk tangan). Itu cara UMNO, mentaliti dulu, kini dan selamanya

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Speaker. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD I : Tuan Speaker, Tuan Speaker..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, saya bukan nak mencelah, saya nak menarik perhatian

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bagi saya bahaslah, tak ada masa, saya hanya ada 15 minit nanti Ketua Pembangkang boleh berbahas

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : ini bukan mencelah Sekinchan, ini bukan nak bagi lawan *you*, saya nak menegur Perkara Peraturan 36

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bagi tahu Puan Speaker Peraturan Tetap, bukan mencelah, Peraturan Tetap. Itu pun tak tau dah tiga penggal.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Seorang ahli..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD I : Sekinchan jangan merah padam sangat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Seorang ahli, mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa pun. Yang ini lah saya minta ya. Sekinchan janganlah buat tuduhan-tuduhan dengan sangkaan-sangkaan yang jahat. Jangan terlalu memperendahkan sumbangan-sumbangan g besar yang UMNO telah buat pada pembangunan rakyat.

TUAN SPEAKER : Sg. Burong, Peraturan Tetap 36 (6) berkenaan dengan Ahli Dewan, tapi Sekinchan tak sebut pun nama ahli, dia hanya cakap UMNO.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, UMNO, tapi ahli dia tu Yang Berhormat Sg. Panjang yang dia sebut. Bukan kita tak tau, dia buat sangkaan jahat kepada Sg. Panjang beberapa kali ya.

TUAN SPEAKER : Siapa nak mencelah siapa, saya pun sudah hilang *flow* Sekinchan, tolong teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Sekinchan, Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sebab Sg. Panjang nak bawa buku, saya bagi laluan kepada Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Terima kasih, saya cuma nak menyebutkan siapa yang makan cili rupanya dia terasa pedas (ahli-ahli dewan mengetuk meja dan ketawa)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, bawah peraturan mana dia cakap tu. Dia tak cakap ikut peraturan tu, mana boleh dibenarkan. Cakap kena beri laluan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dia bercakap di bawah peraturan sendiri jadi boleh lah dipotong dalam *hansard*. Jadi kita tau kita mengikut peraturan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan hanya ada 15 minit dari tadi ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya,ya,ya, saya faham

TUAN SPEAKER : Ok, teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih atas teguran Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih pada Sri Muda yang sentiasa muda dan berceria yang beritahu siapa yang *mangan lombok* dia rasa pedas. Ya, siapa yang makan cili dia rasa pedas. Maksudnya, kita dah tengok dalam politik tanah air ini, dah 56 tahun dah Sg. Panjang di bawah Barisan Nasional. Kita tengok di kawasan tersebut tetap seperti biasa. Pendapatan di bawah paras kemiskinan. Ramai, ramailah

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mencilah Puan Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kenapa, sebab..

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Batang Kali minta mencelah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sikit saja, nak tanya je

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Batang Kali saya bagi,

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tadi 3 kali dia bangun, saya bagi peluang kepada orang baru ni.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ha, terima kasih Sekinchan. Macam tulah baik hati kadang-kadang. Saya nak tanya ataupun nak dapat pendapat dari Sekinchan ni. Apakah bersetuju bahawasanya boleh dikatakan 80% dari dalam dewan ini berasal sebagai orang kampung dan di manakah mereka sekarang?

Berapa dalam kocek mereka dia orang sekarang ni. Gaji-gaji dia orang. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker. Ini pertanyaan yang tidak kena mengena dengan usul, ada termelencong sedikit. Jadi, saya tidak mahu jawab. Sebab masa saya terhad. Ini kalau ada soalan mencelah, usul, saya akan jawab insya-Allah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Puan Speaker, mencelah Puan Speaker, *we are going rural, we are going rural..*

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekarang saya pergi ke *rural*, tentang..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *We are going rural, you should answer*, minta maaf, tolong jawab soalan saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, Puan Speaker..

TUAN SPEAKER : Batang Kali, Sekinchan kalau tak nak jawab boleh (ketawa). Ini masa dia berbahas. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti Batang Kali, nanti ada peluang 15 minit untuk bahas. Bahaslah ya sepuas-puasnya, 15 minit. Terima kasih Batang Kali. Saya teruskan. Apa yang saya ingin tegaskan Puan Speaker di dalam dewan yang mulia ini, memang kita, kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa komited dalam memperjuangkan hak orang kampung, membangunkan desa, dalam jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada sidang ini iaitu Jawatankuasa Perkasakan Pembangunan Desa, ini antara satu inisiatif yang akan kita lakukan, *time frame* nya 3 tahun, 3 tahun, kampung-kampung tertentu yang kita kenal pasti. Kita dah nampak bagaimana untuk menaik taraf ya, sosioekonomi orang-orang kampung. Ha, ini satu kerajaan yang prihatin. Kita tidak mahu orang-orang kampung, di desa, di kampung, terus dibelenggu dengan kemiskinan. Kita cuba akan bantu, sebab, UMNO ini dia suka orang miskin. Kalau orang miskin, orang terpaksa minta bantuan, akhirnya minta undi, bagi undi. Itu lah caranya. Ha, ini cara UMNO. Dan UMNO katalah memperjuangkan, ya Sg. Panjang, memperjuangkan soal menaik taraf orang kampung ini, berpura-pura saja..

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Berpura-pura sahaja

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Puan Speaker

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Kota Damansara

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kota Damansara dia jarang-jarang bangun, tak apa lah saya bagi peluang.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sebab saya dah *confused*. Nak penjelasan. Tadi Sekinchan sebut wang-wang, apa tu. Tak faham, wang kampung wang ya, 'wang'. Wang ke apa? (ahli-ahli dewan menyebut 'jawa'). Ooo, saya tak faham lah, wang ke orang?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, Puan Speaker, itu orang kampung (bahasa jawa) orang Kota Damansara dia tak tau, tak faham. Eh, tak apa, tak apa

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Puan Speaker, Puan Speaker..

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Puan Speaker, yang saya tak faham bahasa tu, wang, wang itu tak faham.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Saya rasa kalau waktu bercakap selain daripada Bahasa Malaysia kena mohon dengan Speaker dulu ya. Itu bukan bahasa rasmi dalam dewan. Itu bahasa saya, bukan bahasa awak. Tolong ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jeram ini nak jadi Speaker. Jeram, bila Jeram jadi Speaker. Ini Timbalan Pembangkang, bukan Speaker. Jangan syok sendiri. Timbalan Pembangkang, bukan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, tolong gunakan Bahasa Melayu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, sebab masa saya terhad, saya kena teruskan ya. Maksudnya saya nampak, saya nampak dalam konteks ini, untuk membangunkan *Go Rural* ini,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, boleh..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak bagi, saya tak bagi..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tanya sikit

TUAN SPEAKER : Sekinchan tak beri, Sg. Burong. Nanti Sg. Burong pun boleh bahas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada masa, nanti tunggu habis 15 minit. Saya masih lampu hijau lagi. Lampu hijau, hijau ini *PAS for all*. Hijau ini *PAS for all*. Terima kasih Puan Speaker, maksudnya dalam konteks memperkasakan ekonomi pembangunan desa ini, apa yang diwar-warkan oleh UMNO ini tidak ikhlas dan jujur. Ha, ini yang saya nak tegaskan. Mereka sebenarnya, mentalitinya harapkan orang kampung miskin seperti di Sarawak, di Sabah terus miskin. Kalau miskin, barulah UMNO menang. Saya bagi contoh, bukan nak cuba, cuba cari publisiti dalam dewan

yang mulia ini, saya bagi contoh di kawasan Kuala Selangor sampailah ke Sabak Bernam, Pakatan Rakyat hanya menang 2 kerusi saja,

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mohon mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : yang lain, semua siapa menang? Semua UMNO yang menang, maknanya UMNO suka orang miskin, baru dapat undi. Eh, Dengkil?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dengkil nak juga?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sikit

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sikit ya, nak juga ya? Ok, bagi sikit.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : (Ketawa) Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya nak tahu dari ikhlas, dari hati sanubari Yang Berhormat Sekinchan, selama 56 tahun UMNO Barisan Nasional memerintah, mentadbir Kerajaan Negeri Selangor ni, tak ada ke jasa sikit pun, sampai Yang Berhormat Sekinchan ni bagi yang buruk-buruk sahaja terhadap BN dan UMNO ni. Tak ada dalam, dalam hati Yang Berhormat Sekinchan tu, tak ada jasa semasa pentadbiran di negeri Selangor ini? Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Dengkil, yang ingin mengetahui sama ada UMNO berjasa atau tidak. Itu saya tak nak bagi jawapan dalam konteks di dewan yang mulia ini sebab UMNO hanya membangunkan ekonomi orang Melayu berdasarkan projek Gajah Putih. Berapa suku sakat mereka...oh, ada juga Sri Muda. Saya bagi peluang kepada Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Puan Speaker, Sekinchan. Saya ingin mencelah sedikit. Nak membantu Sekinchan menjawab jasa yang ditinggalkan oleh UMNO ialah jasa mengambil dan merompak tanah rakyat. Itu jasa terbesar UMNO (ahli-ahli dewan mengetuk meja).

TUAN SPEAKER : Sekinchan, teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sri Muda. Memang sebelum ini soalan dewan, saya pernah membangkitkan isu skandal, sapu tanah 1 Malaysia. Di mana tanah-tanah biasanya diambil oleh UMNO untuk, kononnya untuk bina balai raya, dan tadika. Ini lah antara contoh-contoh UMNO. Walau bagaimanapun, saya nak beritahu tentang soal perjuangan ini harus jujur dan ikhlas. Bukan kita cakap tak serupa bikin. Saya cakap tak serupa bikin seperti dalam konteks dalam Al-Quran dalam Islam yang mengatakan bahawa orang yang bercakap, dia ada ciri-ciri munafik. Saya nak bagi tahu Sg. Panjang, seperti apa yang diperjuangkan oleh Sg.

Panjang cakap tadi, ciri-ciri munafik. Cakap tak serupa bikin. Orang yang bercakap dia berubah, itu ciri yang pertama.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan..Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang kedua, apabila dia janji, dia mungkir janji. Itu ciri yang kedua. Yang ketiga, apabila seorang itu diberi amanah, dia khianat amanah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kita bagi amanah untuk tadbir negeri Selangor, dia curi..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tanah buat projek Gajah Putih,

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ini lah ciri-ciri orang munafik.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mohon mencelah Puan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Munafik. Saya tak bagi tiga-tiga ini, tiga sekawan ini saya suruh duduk. Tiga sekawan duduk, saya tak bagi.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Peraturan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak perlu, ciri-ciri..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Peraturan 36

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana peraturannya, Speaker tolong senyap.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Peraturan 36

TUAN SPEAKER : Peraturan 36, ya Dengkil

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tengok dulu

TUAN SPEAKER : Batang Kali

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : 36 (6) Berprasangka jahat ni. Ha, ni berprasangka jahat ni. Dia menuduh tanpa bukti, tanpa fakta dan tak pernah

sekali-kali pada dewan ini sekurang-kurangnya tunjuk, ha, ni dia, perbuatan jahat UMNO.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Mohon penjelasan Sekinchan, adik kecil

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Sekinchan ada sebut nama ahli tadi?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada

TUAN SPEAKER : 36 (6) untuk sangkaan jahat untuk ahli yang lain. Sekinchan tak sebut nama.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Ahli UMNO, dia bercakap pasal ahli UMNO dekat sini.

TUAN SPEAKER : Ahli lain. Baiklah, duduk. Sekinchan teruskan. Lampu oren sudah menyala.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : (Ketawa sambil ketuk meja) Saya tadi, saya tak kata tuduhan itu palsu. Tuduhan itu betul. Apa yang saya bangkitkan itu betul di mana banyak projek yang dilakukan oleh UMNO

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Eh?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Satu kali, *last*.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak satu juga? Nak sangat?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Bagilah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bagaimana dengan judi-judi, saya dah masuk judi tadi baru cerita judi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Adik-adik kecil minta laluan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh. Nak juga laluan, saya rasa tak perlu lah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Bagi, bagi, bagi..15 saat sahaja, sikit, sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak sikit?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sikit aje.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak boleh lah saya rasa.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Bagi lah, sikitlah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak bagi juga, nak sangat?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan sikit je, tolonglah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dah dia nak sangat, Sg. Panjang saya bagi lah, dah dia nak sangat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sekinchan sebut soal janji, dan salah satu janji yang gagal mungkirinya itu munafik jadi kalau kita tak penuhi manifesto itu juga sebahagian daripada yang tak menunaikan janji, yang tak menunaikan janji itu juga adalah munafik, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Sg. Panjang. Kita dah tengah merealisasikan semua janji-janji kita satu persatu. Tak macam lah orang 56 tahun, janji konon buat jambatan, sampai pecah tanah, tanah dah pecah, cangkul pun dah hilang, cangkul pun dah karat. Menteri pun dah hilang tapi jambatan tetap tak ada. Ha, itu apa yang saya katakan munafik. Cakap tak serupa bikin.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mohon mencelah, Puan Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hipokrit dalam konteks ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tadi mahu cakap sekali masuk dua kali, dah terlebih sekali.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sikit je lagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak sikit lagi? Dah tersasar dah tu..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sikit ja, Puan Speaker boleh bagi *extension*..

TUAN SPEAKER : Lampu melah sudah menyala.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta maaf Dengkil, minta maaf. Lain kalilah. Ini kali tak jadi, lain kali. Ha, ha, ha, Puan Speaker, oleh kerana masa mencemburui saya, maka saya pendekkan iaitu UMNO perjuangannya kononnya bela orang miskin, itu hanya tidak ikhlas, *omong-omong* saja walhal dia suka orang kampung terus

miskin, baru mereka dapat undi. Sekian sahaja saya menyokong usul yang dibawa oleh Kg. Tunku.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker, Menteri Besar dan rakan-rakan kerajaan, Ketua Pembangkang, dan seluruh rakan-rakan pembangkang. Saya ingin turut serta dalam perbahasan usul yang telah dibentangkan oleh Kg. Tunku sebentar tadi. Dan sudah pasti sebagaimana permintaan, saya rasa ada semangat kebersamaan kita dalam dewan cuma cara dan kaedah kita bagaimana untuk melaksanakan apa yang dikatakan *Go Rural* ini menjadi satu realiti. Ahli-ahli Dewan yang budiman dan mulia, bukan budiman, saya (ketawa) ingin melihat dan mengingatkan kepada semua bahawa proses membangunkan kawasan luar bandar ini adalah satu proses yang berterusan dan harus mengambil kira kepada struktur dan juga keadaan sosioekonomi dan demografi kawasan-kawasan terbabit. Jika kita lihat selepas negara mengalami proses *urbanization* ataupun pembandaran dengan mengalami kemodenan dan sebagainya sudah pasti akan berlaku apa yang dikatakan perubahan budaya dan kehidupan masyarakat serta kehendak masyarakat secara keseluruhannya. Dan di sini saya anggap ini adalah satu proses pemodenan dan kemajuan yang berterusan di samping memastikan rakyat tidak ada terpinggir dan kita mempunyai satu negeri dan negara, negeri kita Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang benar-benar maju dan moden. Namun begitu sebelum kita pergi ke kawasan pedalaman dan luar bandar yang benar-benar luar bandar, saya kira pihak Kerajaan Negeri harus memikirkan bagaimana untuk mengatasi dan menyesuaikan keadaan pinggir-pinggir bandar sebagaimana yang berlaku di kawasan Batu Caves, sebahagian di Tanjung Karang, sebahagian di kawasan Seri Setia saya kira pun ada kawasan yang sama di mana ada kampung-kampung tradisi tetapi kampung tradisi tersebut sudah termasuk dalam kawasan pembandaran dan di asak dengan kemajuan yang sangat-sangat rancak membangun dan akhirnya isu yang paling penting bagi saya untuk dilihat ialah isu infrastruktur dan pembangunan yang kadangkala meminggirkan. Saya ambil contoh di kawasan saya namanya Kampung Laksamana. Di satu kampung itu merupakan penempatan semula penduduk yang beralih daripada pembinaan empangan batu pada satu ketika dahulu. Tetapi di Kampung Laksamana ini sudah saya kira hampir 6 bangunan apartmen dan pangsapuri dan kondominium yang akhirnya kemudahan infrastruktur seperti longkang dan jalan serta sistem saliran yang ada di kampung tersebut tidak lagi mampu untuk menahan dan disebabkan kecuaiian Pihak Berkuasa Tempatan satu ketika dahulu ketika meluluskan projek-projek seperti ini yang akhirnya ia memberikan dampak kepada isu alam sekitar seperti isu banjir, pencemaran, tanah runtuh dan beberapa isu-isu yang lain. Justeru itu saya kira Program *Go Rural* ini harus diikuti dengan *spirit urbanization* itu iaitu untuk membawa kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat dengan membawa budaya-budaya keselamatan, kemajuan dan sebagainya kerana ia perlu bersesuaian. Kita tak nak terjadi ya sebagaimana rakan saya di Templer saya percaya ada masalah yang sama apabila tempat itu maju, tempat itu terbangun ada apartmen, ada bangunan taman-taman perumahan baru, yang jadi masalahnya ia terpaksa bersebelahan pula dengan kawasan-kawasan

kampung tradisi dan isu perancangan bandar ini merupakan satu isu yang sangat penting dalam kita melaksanakan apa yang dipanggil *Go Rural* ataupun Program-program Pembangunan Desa.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Beberapa kelengkapan-kelengkapan moden harus segera untuk diletakkan di kawasan-kawasan bandar ataupun kawasan-kawasan kampung ini. Sebab, saya kira kita tak nak kampung-kampung ini hanya menjadi kawasan orang-orang pencen dan orang-orang tua yang tidak ada peluang di luar. Saya dapat lihat banyak bila meronda dalam penggal yang lepas ke beberapa kawasan desa, kebanyakan masalah utama di sana ialah tidak ada golongan muda kerana golongan muda terpaksa menumpu kepada pusat-pusat bandar untuk mendapat sumber pendapatan dan ekonomi mereka, akhirnya program-program yang dikatakan program pembangunan sosial dan kemasyarakatan akhirnya program-program lain tidak mampu dibina kerana tidak ada ruang dan pendapatan ekonomi untuk mereka di peringkat bawah dan peringkat akar umbi. Justeru bagi pihak Kerajaan Negeri saya kira sudah sampai masanya melalui Jawatankuasa Tetap Keusahawanan untuk menumpu apa yang dikata SME *Small Medium Entrepreneur* ataupun Industri Kecil IKS untuk memastikan anak-anak muda ini selain daripada mereka tidak keluar daripada kawasan desa, mereka ada tenaga untuk menyambung tradisi kepimpinan di kawasan kampung mereka, mereka juga ada peluang untuk mendapatkan sumber ekonomi dan pendapatan mereka untuk kehidupan mereka di masa depan. Justeru saya sangat berharap agar program ini memerlukan satu pelarasan yang sangat-sangat tepat kerana kita tak nak kemajuan yang di bawa itu akan merosakkan apa yang dikatakan keadaan keharmonian di samping merosakkan persediaan infrastruktur tapi dalam masa yang sama mampu meneruskan apa yang dikatakan *survival* kepada masyarakat dan kehidupan yang ada tinggal di sana.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian.

Jika kita lihat daripada apa yang dibangkitkan oleh Sekinchan sedikit sebanyak tadi. Ia menunjukkan satu perubahan masyarakat selepas masyarakat kita penuhkan kemudahan-kemudahan infranya, jalannya, longkangnya sebagaimana kempen-kempen Barisan Nasional sebelum ini. Sebelum ini Barisan Nasional menang sebab longkang, sebab jalan, sebab lampu jalan tetapi apabila kita dah penuhkan peluang longkang, jalan, lampu jalan, tandas awam dan semuanya itu rakyat akan mula meminta ruang yang lebih dalam kehidupan mereka apa yang dipanggil demokrasi dan juga kemodenan dalam politik. Justeru arus ini kena harus dihadapi oleh semua kawasan-kawasan yang ada dengan di Negeri Selangor ini dan saya rasa ini satu cabaran yang sangat murni ataupun satu usaha yang sangat murni untuk memastikan rakyat dalam negeri kita ini benar-benar faham. Tidaklah nanti sewaktu pilihan raya rakyat tak dapat melihat dasar. Rakyat tak nampak lihat kepentingan perubahan dan kerajaan yang bersih sebaiknya rakyat tunggu parti mana yang bagi duit pasang bendera lebih besar, parti mana yang bagi duit RM300.00, parti mana yang nak bagi duit RM500.00. Ada strategi Barisan Nasional saya kenal pasti bagi slip pengundi

dengan nombor siri BR1M maknanya nak takutkan penduduk supaya penduduk kita tahu nombor BR1M saudara-saudara. Kalau kalah kampung tersebut BR1M tak dapat. Ini ketakutan-ketakutan yang disampaikan secara langsung dan tidak langsung. Kepada penduduk, saya setuju tadi apabila Sungai Panjang sebutkan tentang perubahan budaya dan perubahan budaya ini harus diikuti dengan semangat dan juga perubahan yang dibawa. Kita tak nak kemodenan yang dibawa itu gagal untuk mengisi pemikiran mereka. Justeru saya menyeru proses pembangunan *housing estate* dengan izin ataupun kawasan perumahan dengan program ekonomi dengan program pendidikan harus diisi dengan program *political education* dengan izin melalui program-program yang diatur di peringkat pusat-pusat khidmat DUN, ataupun program-program pihak Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri kena terangkan struktur kita, faham tentang peranan ADUN-ADUN kita. Terangkan tugas-tugas Ahli-ahli Majlis kita agar Ahli Majlis-majlis tak tugasnya nanti bertugas lebih seperti ADUN, ADUN pula kena kerja selesaikan longkang, jalan tersumbat dan sebagainya sedangkan ADUN ini sepatutnya menjadikan ruangan kita di dalam dewan ini untuk mengukur dan membahaskan dasar tetapi kerana tradisi yang telah lama disimpan, ADUN harus turun cuci longkang, ADUN harus turun tengok *level* jalan, belajar geografi dengan sains ijazah kena tengok *level* dan *degree* jalan, susah. Maknanya kita kena berikan kepada yang haknya. Jadi dalam justeru itu saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan Program *Go Rural* ini harus diikuti menerangkan dasar negeri tetapi juga harus menerangkan sistem demokrasi dan kepimpinan dalam negeri kita supaya ada anjakan yang dikatakan pemodenan, kemajuan serta kemakmuran ataupun perubahan yang ingin kita bawa ini seiring di antara pembangunan fizikal dengan apa yang dikatakan pembangunan rohaniah dan pembangunan pemikiran, mental rakyat di peringkat akar umbi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Saya kira dengan Program *Go Rural* ini juga kita mampu mengembangkan apa yang sedikit sebanyak sebenarnya telah disentuh dalam ucapan pembukaan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyebutkan agar sektor pertanian ini diambil kira sebahagian daripada sumber pendapatan ekonomi Negeri Selangor. Dengan adanya Program *Go Rural* saya kira teknologi pertanian harus segera untuk difikirkan dan jangan fikirkan untuk ladang-ladang besar sahaja harus mula menggabungkan ladang-ladang kecil dan juga kawasan-kawasan pertanian kecil kepada petani-petani dan penternak serta nelayan di kawasan pinggir bandar ataupun di kawasan desa supaya mereka diperkenalkan dengan teknologi-teknologi baru dan moden dan perlu ada satu program khas saya kira yang harus di inisiatif kan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sektor pertanian negeri kita ini dengan keluasan tanah yang jauh lebih besar daripada negeri-negeri yang lain mampu untuk menyumbangkan kepada pendapatan negeri dan pendapatan negara secara keseluruhannya yang akhirnya saya kira ia mampu untuk menstabilkan demografi dan menstabilkan *social structure* ataupun struktur sosial yang ada dalam negara kita dan negeri kita supaya rakyat tidak tertumpu di Petaling Jaya saja, tertumpu di kawasan Kuala Lumpur, tertumpu di kawasan Shah Alam yang akhirnya kawasan-kawasan luar itu bukan sahaja kekurangan sumber ekonomi tetapi juga kehilangan sumber manusia yang menyebabkan banyak lagi program-program hiliran dan program-program pembangunan sosial dan

kemasyarakatan akan tergugat. Justeru satu pelan yang sangat besar harus disediakan, dasar yang kita perkenalkan ini *Go Rural* sangat penting tetapi ia adalah satu program yang besar sebenarnya untuk memastikan kemodenan seimbang, kebudayaan, pendidikan, ekonomi di samping akhirnya manfaat dan kehidupan rakyat secara keseluruhannya dan akhirnya membawa kepada perubahan ketamadunan politik yang ada di dalam negeri kita. Saya mohon menyokong Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk membuat memberi penerangan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, saya berterima kasih kepada Kampung Tunku kemudian rakan-rakan daripada Paya Jaras, Kuala Kubu Baharu, Sungai Panjang, Sekinchan dan Batu Caves yang turut serta dengan membincangkan satu aspek yang Kerajaan Negeri masih dalam perancangan untuk membuat satu rangka bagaimana kita boleh meningkatkan pendapatan masyarakat yang kita anggap masyarakat desa. Kajian menunjukkan bahawa walaupun pendapatan per kapita di Negeri Selangor ini tinggi, lebih tinggi daripada banyak negeri-negeri di Malaysia, dan pendapatan per kapita Negeri Selangor ini melebihi dari hampir melebihi dari angka-angka yang kita dapat di Sabah, Sarawak, di Johor dan lain-lain tapi apabila kita pecahkan angka-angka tersebut kita juga dapati 25% ke 30% daripada penduduk yang mendapati pendapatan dua atau tiga kali ganda dari pendapatan orang yang 70% dan bila kita buat analisa masyarakat yang 70% itu lebih daripada 55% daripada mereka yang tinggal di kawasan desa jadi bererti masyarakat kawasan desa boleh jadi mendapat gaji RM1,500 sebulan tapi masyarakat yang di luar desa secara purata boleh dapat RM5,000.00 ke RM7,000.00 sebulan. Jadi ada keadaan yang tidak sama rata *that means* terdapat jurang jadi Kerajaan Negeri berpendapat pembangunan Negeri Selangor yang berterusan mestilah menyelesaikan masalah jurang tersebut itu sebab kita bermula daripada sana. Dari segi pembangunan desa saya telah mengambil masa untuk membaca semua perangkaan yang telah dilakukan. Ini bukan perkara baru, ini sejak sebelum merdeka sendiri sudah ada pembangunan desa. Tapi pembangunan desa ini apa yang berlaku pada hari ini hasilnya telah menunjukkan bahawa terdapat jurang pendapatan yang berbeza oleh sebab itu terdapat lebih banyak kemiskinan, lebih banyak ketidakupayaan untuk maju bagi-bagi keluarga yang duduk di desa. Jadi jawapan kita daripada bertengkar siapa yang salah atau yang betul kita pergi buat memikirkan rancangan-rancangan yang patut kita lakukan. Satu daripada perkara yang saya lihat mungkin kita percaya semua setuju tentang *Go Rural* ataupun pinggir desa tapi kalau kita setuju pun tak akan berhasil. Yang mesti setuju ialah *the stake holders* iaitu masyarakat desa sendiri mesti setuju. Kalau tidak kita menyuruh dia membangun tapi dia tak nak tidur lagi. Jadi tak boleh juga. Jadi kita kena fikir bagaimana kita nak minta *the stake holder* bersama kita. Rancangan ini telah mula dirangka oleh UPEN untuk kita mengadakan *workshop* dengan semua Ketua-ketua Kampung, supaya kita akan dapat berbincang dengan mereka, pengalaman mereka, hasrat mereka dan visi mereka. Ketua-ketua Kampung, kampung baru, kampung tradisi, perkampungan kaum India. Kita akan mengadakan *workshop*, tidak ramai, lebih kurang 50 dan kita bawa wakil wanita, wakil belia untuk bersama-sama untuk mengadakan perbincangan. Itu adalah projek 100 hari dalam pembangunan desa ini. Selepas itu, dalam masa 500

hari, kita akan mencuba mencari jalan supaya kita mengambil beberapa kawasan untuk dijadikan kawasan pembangunan. Ada beberapa idea yang telah diutarakan dan masih belum, dalam di Malaysia masih belum begitu rapi dilaksanakan iaitu program ABCD. Apa program ABCD? Program ABCD di dalam bahasa Inggerisnya ialah *Asset Based Community Development*. Maknanya mengkaji kekuatan di dalam masyarakat tersebut secara berkelompok, bermasyarakat mereka dapat membangunkan kawasan tersebut bersama. Jadi dengan indikator pembangunan tersebut termasuk peningkatan pendapatan, peningkatan kemahiran dan juga usahawan-usahawan yang akan meningkatkan pembangunan di kawasan tersebut iaitu dipanggil *Asset Based Community Development*.

Kita akan menjemput beberapa pakar yang telah mula bersetuju untuk menerangkan pengalaman mereka. Ada yang berpengalaman daripada yang saya tahu pengalaman daripada Chile, daripada Bangladesh dan ada beberapa pengalaman yang mereka ingin, bukan kita meniru tetapi ingin berkongsi dengan kita dan kita sendiri kena lakukan.

Ketiga, kita mesti membangunkan *infrastructure* seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan tersebut dan ini termasuk dalam bahagian apa yang dipanggil *capacity building*. Tak guna kita ada menanam sayur dan menanam buah-buahan tetapi logistik kita tidak cukup, tidak sempat, tidak teratur untuk menghantar barang-barangan kita untuk diurusniagakan. Jadi pada saya hari ini kita tidak dapat menerangkan secara terperinci sebab ini dalam program pelaksanaan. Saya berharap semasa belanjawan pada bulan November, kita akan juga bentangkan secara terperinci bagaimana usaha pelaksanaan. Saya berterima kasih tentang komen saudara saudari. Tapi lebih baik kita tak usah cerita banyak, nanti saya tunjukkan apa yang kita dapat dan kita cuba laksanakan. Ini tidak akan bertentangan dengan usaha Kerajaan Persekutuan dan dia juga ada program pembangunan luar bandar. Ini kita akan buat bersesuaian dengan usaha tersebut. Tapi *bottom line* bagi kita ialah pendapatan per kapita, keluarga di kawasan-kawasan yang kita akan tumpukan ini akan dibuat supaya dapat meningkat dan akhirnya bukan sahaja kemiskinan yang dapat kita selesaikan tetapi menyebabkan terdapat lebih banyak *middle income population* di kawasan-kawasan, di pinggiran bandar dan desa.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“ Bahawa Dewan yang mulia ini meminta Kerajaan Selangor di bawah semangat *Go Rural* untuk merangkakan lebih banyak rancangan pembangunan berjangka pendek untuk memastikan pembangunan infrastruktur dan ekonomi di kawasan luar bandar terbela.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul berikutnya, Usul No. 14 Tahun 2013, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah untuk memastikan setiap Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas dan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri mengambil kira penggunaan pengangkutan awam, dengan :-

- a) Memastikan rizab laluan-laluan rel disediakan untuk memastikan ruang untuk pembinaan rel di masa hadapan terjamin;
- b) Memastikan perhentian bas serta laluan bas dirancang awal dari peringkat Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas;
- c) Memastikan pelan susun atur sesuatu pembangunan adalah mesra kepada penggunaan awam, dengan laluan pejalan kaki yang selesa dan berkualiti, kemudahan letak kereta yang mencukupi dan jarak maksimum 400 meter untuk sampai ke perhentian pengangkutan awam.”

Puan Speaker, saya tidak pasti jika pihak pembangkang boleh kaitkan Usul ini dengan Rumah Urut dan Rumah Judi seperti yang dilakukan untuk Usul-usul yang sebelum ini. Tetapi kita lihatlah sama ada mereka cuba.

Puan Speaker, penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam semakin menurun di Lembah Klang, pada tahun 1985 penggunaan pengangkutan awam ini adalah pada tahap 34%. Tetapi pada tahun 1997, ia telah turun kepada 20% dan sehingga tahun 2008 telah turun kepada angka 10% hingga 12% sahaja. Angka-angka ini telah dipetik daripada laman web Pemandu menunjukkan betapa seriusnya penggunaan pengangkutan awam yang semakin menurun. Ini bermakna penggunaan kereta persendirian, kenderaan persendirian ini semakin meningkat dan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas pada setiap hari bekerja pada waktu pagi dan waktu petang apabila rakyat-rakyat keluar bekerja dan pulang daripada kerja. Tidak hairan jika seseorang itu mengambil masa lebih daripada sejam untuk pergi kerja dan lebih daripada sejam untuk pulang ke rumah. Masa yang emas ini yang telah dibazirkan kerana kesesakan jalan raya. Sebagai perbandingan, kita lihat mungkin yang paling *successful*, dengan izin di dunia ini diharap seperti Hong Kong penggunaan pengangkutan awam adalah dalam sekitar 90%, Singapura 59% tetapi bagaimana pula dengan mungkin jiran-jiran kita yang tahap dunia ketiga? Bangkok 44%, Jakarta 60%, New Delhi 70% penggunaan pengangkutan awam.

Puan Speaker, pelbagai faktor menyebabkan perkhidmatan yang tidak baik dan penggunaan yang rendah. Mungkin kita perlu persoalan lesen-lesen untuk memberi perkhidmatan pengangkutan awam ini diberikan kepada siapa? Adakah mereka betul-

betul berminat untuk memberi perkhidmatan pengangkutan awam yang terbaik? Ini satu jawapan yang mungkin pihak UMNO, Barisan Nasional yang mengawal lesen-lesen ini di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pengangkutan Awam boleh bagi penjelasan. Tetapi saya juga ingin membangkitkan satu lagi aspek dalam pengangkutan awam ialah perancangan bandar yang sesuai dan teratur untuk perkhidmatan pengangkutan awam.

Puan Pengerusi, Puan Speaker. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk meluluskan Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Rancangan Kawasan Khas. Rancangan-rancangan ini menggariskan bukan sahaja penggunaan tanah di kawasan tersebut tetapi juga infrastruktur-infrastruktur yang akan dibangunkan seperti jalan raya dan rizab-rizab yang sesuai untuk kawasan tersebut. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan meluluskan Kebenaran Merancang untuk sesuatu pembangunan di kawasannya. Susun atur bandar dibuat untuk menjadi mesra kepada pengangkutan awam termasuk ciri-ciri dalam kawasan sesuatu perbandaran terutamanya apabila kita meluluskan sesuatu perbandaran yang luas, yang baru-baru ini mungkin seperti Kota Kemuning, Putera Heights, Bukit Jelutong dan sebagainya. Adakah susun atur perbandaran itu mesra kepada pengangkutan awam? Adakah kita menyediakan ruangan untuk laluan rel untuk masa hadapan? Jika kita lihat pada hari ini laluan MRT yang pesat dibina bersama dengan laluan LRT tambahan yang dibina sangat tidak teratur kerana dia perlu melalui kawasan perumahan yang tidak tersedia ruangnya untuk pembinaan rel tersebut. Kita juga ingin tanya adakah ruang-ruang untuk perhentian-perhentian bas disediakan dengan teratur dengan juga perhentian-perhentian teksi, supaya tidak mengacau lalu lintas pada masa hadapan. Bagaimana pula dengan ruang untuk terminal bersepadu? Ruang untuk tempat letak kereta, dengan izin *park and ride* juga harus dirancang daripada awal daripada Rancangan Tempatan dan juga Kebenaran Merancang. Laluan pejalan kaki dan basikal yang mencukupi pun perlu disediakan. Kita perlu merancang supaya laluan-laluan ini adalah selamat dan *integrated* dengan izin, dengan sistem atau pun skim keseluruhannya.

Walau pun Kerajaan Pusat meluluskan dan melesenkan laluan-laluan, perkhidmatan bas, *train* dan teksi tetapi struktur dan pembangunan bandar raya ini di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Jika pada masa hadapan, apabila Pakatan Rakyat berjaya mengambil alih Putrajaya, kita akan jauh lebih senang untuk memberi perkhidmatan pengangkutan awam jika bandar raya-bandar raya dan perbandaran kami memang sudah bersedia untuk menerima pengangkutan awam ini. Dua (2) faktor yang saya lihat di negeri Selangor ini yang menyebabkan kesukaran kepada pengangkutan awam :-

1. *Urban spoilt* dengan izin di mana keluasan bandar kita telah menjadi semakin besar setiap tahun. Ia menjadi semakin luas. Andaikan daripada pusat bandar Shah Alam atau pun Petaling Jaya atau pun Klang dan sebagainya. Kebesaran, jauhnya perumahan daripada pusat-pusat bandar ini semakin membesar. Apabila ia semakin membesar, menjadi semakin sukar untuk memberi perkhidmatan pengangkutan awam yang

baik jika kita tidak menyediakan koridor-koridor pengangkutan awam yang dirancang dari awal.

Ini selaras dengan Usul yang dibawa tadi. Fasal *Go Rural* di mana jika kita ingin membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dengan sistematik dan teratur. Kita ingin membangunkan ekonomi-ekonomi di luar bandar, amat penting kita rancang daripada awal. Laluan-laluan pengangkutan awam untuk memberi perkhidmatan kepada pekan-pekan dan kampung-kampung di luar bandar ini. Saya harap kita pun boleh memulakan perancangan dari peringkat sekarang. Bagaimana kita ingin menyambung kepada semua pekan dan kampung di seluruh negeri Selangor kepada bandar-bandar kami. Bagaimana kita ingin menyambung semua pekan-pekan kepada satu sama lain di daerah-daerah mungkin di Sepang, Hulu Selangor dan sebagainya. Ini adalah penting supaya ekonomi di situ boleh berkembang, penduduk tidak hanya bergantung kepada kenderaan persendirian yang membebankan penduduk. Andaikan seorang yang baru lepas dari sekolah atau pun universiti, gaji dia tak sampai RM2,000.00 sebulan. Jika dia terpaksa beli sebuah kereta, bersama dengan harga kereta, harga minyak, harga *assurance*, *road tax* dan sebagainya. Hampir lebih daripada 1/3 gaji akan dibelanjakan untuk kereta tersebut. Jika kita mengadakan ruang-ruang untuk pembangunan pengangkutan awam yang sempurna, andaikan menjimatkan banyak wang daripada ini yang boleh digunakan untuk belanja perkara-perkara lain yang akan membantu untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri Selangor ini. Puan Speaker, memandangkan masa pun suntuk dan dewan berakhir pada hari ini maka saya tidak akan berhujah panjang dan lebar. Puan Speaker, untuk usul ini Bukit Gasing mohon mencadang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Puan Speaker kerana mengizinkan saya berucap dalam perbahasan usul ini. Saya pernah menjadi Ahli Jawatankuasa OSC selama 2 tahun di MPSJ. Apabila pihak Ahli Jawatankuasa OSC membuat satu keputusan. Jawatankuasa ini akan mengambil kira pandangan dan cadangan agensi-agensi luar tetapi tidak dapat kemudahan-kemudahan, rizab di landasan LRT dan lorong bas disediakan kerana ia bukan satu syarat yang wajib apabila pemaju mengemukakan permohonan pelan pembangunan. Kemudahan asas yang lain seperti terminal bersepadu, laluan pejalan kaki atau basikal juga tidak sempurna. Sebenarnya kemudahan asas sebegini perlu dimasukkan ke dalam rancangan tempatan. Saya memberi satu contoh pembinaan LRT di Puchong dan Subang Jaya baru-baru ini. Semua orang mengalu-alukan kemudahan LRT yang baru ini, tetapi aduan yang kita sebagai wakil rakyat sering terima ini adalah “LRT ini bagus masuk ke kawasan saya tetapi jangan di hadapan rumah saya” ini aduan yang sering kita terima. Keadaan ini, seperti ini boleh berlaku kerana tidak dirancang dari awal untuk menampung landasan ini. Akibatnya adalah seperti berikut. Jarak yang sangat dekat dengan rumah. Impak terhadap sekolah. Ada kes, ada enam tiang LRT terpaksa masuk ke kawasan sekolah di DUN Kinrara. Tiada ruang yang mencukupi untuk *park and right* (dengan izin) dan tiada ruang untuk tempat menunggu penumpang dan menunggu bas yang sesuai. Ini adalah cabaran-cabaran yang terbesar bagi PBT mahupun Kerajaan Negeri untuk

menyediakan kemudahan asas bagi pengangkutan awam yang tidak dirancang dari awal. Kesilapan Barisan Nasional yang dahulu dalam segi rancangan pembangunan, kerajaan Pakatan Rakyat pula yang perlu menghadapinya sekarang. Tetapi tidak apa, ini adalah cabaran kita *let better and never* (dengan izin). Oleh yang demikian usul yang dibentangkan oleh Bukit Gasing adalah tepat pada masanya dan perlu dipandang serius oleh semua pihak. Dengan ini, Kinrara menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker, Kampung Tunku ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan yang dibawa oleh rakan saya yang tidak jauh dari Kampung Tunku Bukit Gasing. Tetapi saya hanya menyentuh tentang satu aspek iaitu aspek pengangkutan awam. Dalam aspek ini banyak menitikberatkan telah pun diberi kepada pengangkutan awam. Saya ingin menarik perhatian dewan tentang manifesto Pakatan Rakyat negeri Selangor di mana kita ada menyebut tentang pembinaan sebuah *integrated transport terminal* di kawasan Shah Alam ini. Terdapat juga manifesto ataupun cadangan manifesto ini untuk membekalkan pengangkutan bas yang mesra pengguna di sekitar kawasan Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang dan Kajang. Oleh itu, saya berpendapat sudah sampai masanya untuk PBT dan pihak pentadbiran negeri Selangor masukkan aspek ataupun penyediaan dalam pengangkutan awam ini ke dalam rancangan pembangunan kerana seperti apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat oleh Kinrara tadi, mengikut pengalaman beliau semasa di OSC memang tidak ada pemikiran atau kerja-kerja dilakukan dari peringkat PBT dalam usaha ini. Jadi, saya rasa ini bermula pada tahun ini supaya pada tahun-tahun yang akan datang impian untuk merealisasikan satu terminal pengangkutan awam *integrated* di Shah Alam dan mungkin perkhidmatan bas juga bertambah yang mesra pengguna dapat kita adakan di kawasan Lembah Klang ini. Dan, saya sebenarnya gembira dengan cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membanyakkan perkhidmatan bas percuma di peringkat PBT dan saya rasa usaha murni perlulah diberi sokongan sepenuhnya supaya berakhirnya nanti raja yang akan mendapat manfaat dalam program pembangunan ini. Jadi itulah ucapan perbahasan saya, Kampung Tunku mohon menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Puan Speaker. Damansara Utama mohon izin untuk membahaskan usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Kesesakan bandar memang menjadi masalah utama semua penduduk Damansara Utama. Saya percaya di semua Lembah Klang. Secara puratanya statistiknya untuk setiap 100 penduduk di Lembah Klang terdapat 99 orang penduduk yang memiliki kereta. Ini adalah masalah, punca masalah kesesakan di bandar raya.

Penduduk bandar raya tidak mempunyai apa-apa pilihan memandangkan sistem pengangkutan ini memang tidak efisien. Puan Speaker sebagai contoh dari segi bas. Di Singapura terdapat hampir 3,500 bas yang beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk yang kurang daripada 5 Juta dengan saiz Singapura 700 kilometer persegi. Di Lembah Klang untuk kita membuat perbezaannya yang kita hanya ada 900 bas Rapid KL yang beroperasi walaupun penduduk kita hampir 6 juta dengan keluasan 2900 kilometer persegi. Dengan kata lain kita hanya ada 25% bas Singapura untuk jumlah penduduk yang lebih banyak 4 kali ganda keluasan daripada keluasan Singapura. Dengan usul ini Kerajaan Negeri akan menyediakan tempat awam yang lebih *excusive* pengguna-pengguna pengangkutan awam terutamanya bas, dan juga laluan bas yang boleh dirangkakan lagi. Kedua-duanya ini akan meningkatkan penggunaan bas oleh *customer-customer*. Seterusnya kalau penggunaan bas meningkat operator bas iaitu pihak swasta yang *always perfect information* (dengan izin) akan meningkatkan lebih banyak bas untuk memenuhi *demand* (dengan izin) tersebut untuk memaksimumkan keuntungannya. Dengan usul ini, Kerajaan Negeri akan memainkan peranan dalam meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dalam jangka masa pendek dan saya memang suka dengan apa yang dikatakan oleh yang Berhormat Bukit Gasing, dia kata dalam jangka masa panjang kami akan menyediakan Rang untuk pengangkutan awam *cost train* (dengan izin) apabila kerajaan Pakatan Rakyat mengganti kerajaan majoriti di Putrajaya di PRU ke-14. Demikian saya menyokong usul 14 yang dicadangkan oleh Bukit Gasing.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang dahulu.

Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA : Terima kasih Puan Speaker, Untuk membahas usul yang dibawa oleh Bukit Gasing, saya ingin menambah apa yang dikatakan oleh Kinrara berkenaan LRT di mana pembangunan yang pesat membangun di Puchong, Seri Serdang. LRT juga yang terbabit di Seri Serdang yang melibatkan beberapa di beberapa stesen. Seri Serdang ingin membawa masalah ini adalah di bawah Seksyen 10 Puchong Perdana di mana *spek* meletakkan lain yang dirancang lain yang dibuat. Peringkat permulaan perancangan pemindahan gerai makan di tempat lain tiba-tiba sepatutnya tempat itu dijadikan *parking* lot bertingkat tapi dijadikan gerai makan. Tambahan pula berlaku di Seksyen 10 ini berlaku adalah di tempat kediaman rumah teres. Jadi, dikhuatiri penduduk-penduduk telah membuat *complain* kepada ADUN stesen ini memandangkan penduduk yang begitu padat dan *parking* yang tiada ada menyebabkan keresahan penduduk-penduduk di Puchong Perdana. Saya menyeru kepada dewan supaya tindakan ini pihak berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengkaji balik sama ada *parking* bertingkat itu diletakkan di tempat sepatutnya dan gerai makan sepatutnya diletakkan di tempat yang sepatutnya. Itu sahaja daripada Seri Serdang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Puan Speaker, Rawang juga ingin menambah beberapa aspek untuk menyokong usul ini. Saya nampak inisiatif dan usul ini adalah baik dan ini mesti mempunyai satu jawatankuasa khas. Saya cadangkan jawatankuasa, jawatankuasa pengangkutan awam di peringkat negeri Selangor. Sebab walaupun kami difahamkan di peringkat PBT mempunyai perancangan di peringkat masing-masing tetapi ini perlukan satu koordinasi bukan sahaja di peringkat di PBT tetapi di Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak Kerajaan Persekutuan yang mana melibatkan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat supaya semua di koordinasi. Dan Kerajaan Negeri Selangor memainkan peranan yang lebih proaktif bukan sahaja dari segi penerimaan rancangan yang telah ditetapkan tetapi dengan izin *counter propose* apa yang kita inginkan di negeri Selangor ini. Saya ingin mengambil contoh Rawang sebagai satu kawasan yang juga terletak di pinggiran bandar. Kita harapkan kalau boleh sistem pengangkutan awam ini juga menyeluruh supaya boleh di transit kan ke kawasan penumpuan bukan sahaja di bandar tetapi juga kita di bangunkan di bandar-bandar, pinggiran bandar ini sebagai *second line* (dengan izin) yang boleh kita bangunkan sejajar dengan pembangunan industri dan sebagainya. Jadi, Rawang sekarang memang kalau kita ikut dari segi kajian harta dan sebagainya *township (dengan izin)* yang muncul dan membawa pembangunan ke kawasan-kawasan sekitarnya seperti Kuala Selangor dan juga Hulu Selangor. Jadi ini adalah satu perancangan yang kita mesti diberi keutamaan. Dan saya nampak Selangor menjadi satu pusat ekonomi, pusat pembangunan, pusat kebudayaan, pusat sebagainya sememangnya kita negeri sudah tiba masanya untuk tubuh jawatankuasa khas ini dan memberi penekanan kepada perancangan sistem pengangkutan awam. Sekian, Rawang menyokong usul.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai sesi perbahasan Usul ke14 tahun 2013 ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini tibalah masa bagi kerajaan Pakatan Rakyat untuk mengadakan perancangan untuk menyediakan laluan-laluan bagi kemudahan pengangkutan awam setelah Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional gagal untuk menyediakan sistem rangkaian pengangkutan awam berintegrasi pusat bandar dan kawasan perumahan yang sesuai. Saya sungguh percaya bahawa kerajaan Pakatan Rakyat akan menyediakan stesen LRT seperti mana stesen LRT Putrajaya yang dibina di tengah-tengah bukit tanpa menyediakan laluan atau tempat letak kereta yang sewajarnya. Setelah kegagalan kerajaan pusat Barisan Nasional untuk memikul tanggungjawab untuk menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang baik. Yang mana kerajaan Barisan Nasional asyik membina lebuhraya-lebuhraya yang menghisap duit rakyat yang mana merupakan

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Puan Speaker ingin mencelah.

TUAN SPEAKER : Batang kali.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Sebentar lagi, biar saya habiskan dulu, sekejap sahaja.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sedikit sahaja, boleh?

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Hasil titisan peluh rakyat jelata.

TUAN SPEAKER : Dia tidak beri.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Puan Speaker. Yang merupakan hasil titisan peluh rakyat jelata dalam kehidupan harian mereka yang penuh dengan cabaran dan tekanan. Kini kerajaan Pakatan Rakyat yang berasaskan rakyat sepatutnya bersedia untuk meringankan beban rakyat yakni dalam usul ini adalah untuk warga negeri Selangor. Masalah harian yang sekarang dihadapi oleh rakyat Selangor ialah berkenaan kesesakan lalu lintas yang mana warga Selangor dalam menghadapi masalah ini setiap pagi apabila mereka pergi bekerja atau belajar dan pada masa inilah kerajaan Pakatan Rakyat Selangor haruslah berhadapan dengan masalah ini demi dengan menyediakan laluan-laluan *train* atau laluan-laluan bas untuk menggalakkan rakyat Selangor menggunakan pengangkutan awam daripada untuk memandu kereta sendiri. Masalah ini nampaknya lebih teruk di kawasan DUN Teratai di mana penduduk DUN Teratai selalunya menghadapi kesesakan lalu lintas sama ada siang hari atau malam walaupun terdapat lebuh raya- lebuh raya yang dibina di kawasan tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan MBPJ telah mengadakan satu laluan basikal di Petaling Jaya serta menyediakan perkhidmatan bas komuniti secara percuma setelah Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008. Malahan terdapat pihak pengurusan kompleks pasar raya yang telah menyediakan perkhidmatan bas, jadi sebagai Kerajaan Negeri Selangor yang berasaskan rakyat, kita patut menyediakan laluan-laluan bas terutama sekali bagi bas komuniti ini supaya mereka boleh lalu dengan tanpa menghadapi masalah kesesakan.

Puan Speaker, mengikut statistik 2010 lebih 95.6% pelawat domestik memilih untuk menggunakan pengangkutan darat berbanding dengan pengangkutan air 2.6% dan pengangkutan udara 1.8%. Penggunaan kenderaan persendirian iaitu dengan lebih kurang 86% merupakan pengangkutan pilihan utama pelawat domestik berbanding dengan pengangkutan yang lain. Jadi tibalah masa bagi Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja untuk meringankan beban rakyat dan untuk berkongsi cabaran yang mereka hadapi di Selangor ini. Maka dengan menyediakan laluan-laluan rel atau laluan-laluan pengangkutan awam ini juga dapat memperkembangkan lagi industri pelancongan domestik negeri Selangor ini. Jadi disebabkan masa tidak mengizinkan, saya di sini dengan sukacitanya menyokong Usul yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya jemput pihak kerajaan untuk memberi ulasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Puan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing, Kinrara, Damansara Utama,

Kampung Tunku, Seri Serdang, Rawang dan Teratai yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Puan Speaker, memang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mempunyai cita-cita yang murni untuk bersama-sama kita membangunkan Selangor ini dengan menyediakan pengangkutan ataupun *reserve* jalan laluan dan sebagainya bagi menyiapkan sistem pengangkutan awam yang lebih sempurna. Saya ucapkan tahniah kerana mereka begitu prihatin. Memang dalam keadaan sekarang juga Kerajaan Negeri ada menyediakan garis panduan kepada PBT dalam proses meluluskan pelan susun atur dan pelan-pelan dalam pembangunan termasuk juga ada garis panduan yang dinamakan Garis Paduan Kejiranan Hijau dengan izin *Green Neighborhood Guidelines* yang mengehendaki laluan basikal, laluan pejalan kaki dan juga tempat hijau disediakan. Semuanya ada telah pun disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Tetapi dalam proses ini juga pihak kerajaan memang ada kekangan, kita kena bekerja dan berusaha dalam keadaan kekangan *we have to work redeem to the constraint* Puan Speaker kerana di bawah sistem kerajaan yang ada sekarang ini pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Kita, malah tidak ada kuasa di pihak Kerajaan Negeri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengeluarkan lesen untuk laluan bas, untuk *bus road*. Itu menjadi satu masalah kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Saya memang suka juga lihat contoh-contoh di luar negara yang dibangkitkan, seperti Singapura, Hong Kong, Jakarta, Bangkok, tetapi contoh-contoh ini sebenarnya tidak sesuai jika kita hendak menjadikannya sebagai rujukan kerana Singapura walaupun dia sebuah negara tetapi sebenarnya dia adalah sebuah negara kota *City Nation*, dia lain dengan kita *City State*, dia sebenarnya satu bandar raya dengan penduduk 5 juta. Hong Kong walaupun dia satu kawasan yang khusus, satu kawasan yang mempunyai kuasa autonomi, tetapi dia juga merupakan satu bandar raya dengan jumlah penduduk lebih kurang 5 juta dalam satu bandar raya. Kalau di Jakarta, kalau di Bangkok, ada dibangkit, Bangkok mempunyai penduduk 8 juta sebagai sebuah kota, Jakarta sebagai sebuah kota mempunyai penduduk sebanyak 28 juta. Jadi, dari segi ekonomi dia memang dapat melakukannya dan mereka, kuasa mereka, kuasa bandar raya juga berbeza. Di Singapura kerajaan pusat yang memerintah, kalau di Hong Kong apa tu, pihak berkuasa Hong Kong itu yang menjaga. Jadi mereka mempunyai hasil yang mencukupi untuk menanggung segala perbelanjaan sementara di Malaysia ini cukai pendapatan kita yang utama semua diserahkan kepada Pusat yang dikembalikan dalam bentuk geran adalah begitu sedikit untuk kita melaksanakan sistem pengangkutan yang sempurna. Jadi itu adalah kekangan, antara kekangan yang kita hadapi dalam menyediakan pengangkutan awam dan pada itu juga pihak SPEKS dan juga pihak Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak memaklumkan kepada pihak negeri dan juga PBT tentang rancangan rangkaian pengangkutan awam yang akan dibina. Oleh sebab itu kita menghadapi masalah. Selangor, seluruh Selangor, seluruh Selangor kita ada penduduk 5 juta bukan dalam satu kota, dalam penduduk kita 5 juta itu berada di dalam 12 kawasan PBT, begitu luas. Jadi kalau hendak menyediakan satu sistem rangkaian pengangkutan awam ini memang adalah sukar dan juga memandangkan pembangunan di dalam kawasan perbandaran dan kawasan daerah itu amat berbeza. Jadi itu adalah antara masalah yang kita hadapi. Walau bagaimanapun dalam setakat yang mungkin Kerajaan Negeri akan memastikan PBT menyediakan

setakat yang boleh tetapi kalau kita nak sediakan *reserve* untuk laluan rel itu bukan satu perkara yang mudah. Itu memerlukan satu usaha bersepadu bersama dengan Kerajaan Persekutuan dan juga sebenarnya kalau kita lihat di negara-negara seperti yang disebutkan tadi di Hong Kong, di Singapura, Bangkok dan Jakarta sebenarnya rel ataupun MRT atau LRTnya sebenarnya juga tidak dirancang awal sebab itu banyak yang melalui bawah tanah. Itu yang kita lihat, di London pun begitu. Sebenarnya pembangunan kebanyakan bandar di negeri Selangor dan juga di dalam Malaysia ini adalah sebenarnya serupa dengan kerajaan di London keadaannya. Dan berkenaan dengan yang khususnya iaitu bas perbandaran dalam pelan tindakan 5 tahun PBT, dalam *STANDCO* telah pun kita bincangkan di mana Majlis Perbandaran dikehendaki selain daripada apa tu, termasuk juga MBPJ yang sebenarnya telah pun melaksanakannya pada peringkat awal berkenaan dengan perancangan untuk menyediakan bas perbandaran. Jadi sama ada ia akan bentuk percuma atau ada bayaran token, kita akan lihat kepada kertas cadangan yang akan dibentangkan. Tetapi saya ingin memaklumkan bahawa sekiranya ada bayaran dikenakan, maka kelulusan daripada SPEKS juga diperlukan. Jadi itu menambahkan lagi satu masalah. Saya bukannya nak menyalahkan SPEKS tetapi memang hakikatnya begitu, apa yang berlaku di Klang kita lihat di mana sebenarnya perancangan untuk memindahkan terminal bas di Klang walaupun diluluskan pada zaman Barisan Nasional dan apabila siapnya terminal baru pada tahun 2008 apabila Pakatan Rakyat mengambil alih sehingga hari ini SPEKS masih enggan meluluskan perpindahan tersebut. Inilah saya tidak faham mengapakah satu rancangan yang telah pun dirancang oleh perancang bandar yang profesional termasuk juga pada masa itu termasuk pegawai-pegawai yang profesional yang diluluskan rancangan yang disediakan oleh pegawai, diluluskan oleh kerajaan pada masa itu tetapi tidak diluluskan kemudian. Ini menyukarkan. Jadi itu antara masalah yang kita hadapi dan juga berkenaan dengan kompleks pengangkutan bersepadu di Shah Alam. Apa yang dinyatakan dalam manifesto memang dalam bandar, sekitar Bandaraya Shah Alam ini. Tetapi saya telah dimaklumkan MBSA juga ada satu rancangan yang difikirkan mungkin dari segi lokasinya bersesuaian untuk dibina kompleks berpadu ini iaitu di kawasan yang berhampiran dengan Lebuhraya Guthrie tetapi itu masih dalam peringkat perancangan. Saya akan pastikan pendapat daripada ADUN dan juga masyarakat dalam Shah Alam ini diperolehi sebelum rancangan itu diputuskan untuk dilaksanakan. Itu sahaja Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

“ Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah untuk memastikan setiap Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas dan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri mengambil kira penggunaan pengangkutan awam, dengan:

- a) Memastikan rizab laluan-laluan rel disediakan, untuk memastikan ruang untuk pembinaan rel di masa hadapan terjamin.

- b) Memastikan perhentian bas serta laluan bas dirancang awal daripada peringkat Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.
- c) Memastikan pelan susun atur sesuatu pembangunan adalah mesra kepada penggunaan awam, dengan laluan pejalan kaki yang selesa dan berkualiti, kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi dan jarak maksima 400 meter untuk sampai ke perhentian awam.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menengguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat Kedua bagi Penggal Yang Pertama kita telah pun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak.

Pertama saya mengucapkan tahniah kepada Puan Speaker kerana dapat mengendalikan mesyuarat kita dengan penuh tertib dan teratur dan rakan-rakan Dewan yang telah bersama-sama menyertai perbincangan dan menyuarakan suara rakyat dalam usaha menentukan Dewan kita ini dapat menjalankan tugas seperti yang diminta oleh rakyat. Saya mengambil masa sedikit untuk, kerana saya diingatkan oleh bukan sahaja dari Sungai Burong tetapi juga daripada rakan-rakan Pakatan Rakyat bahawa kita mempunyai manifesto iaitu manifesto Pakatan Rakyat Selangor. Saya nak ingatkan pertama; dia ni berbeza dengan manifesto sebelum 2008 sebab sebelum 2008, manifesto itu agak tidak tersusun tetapi pada pilihan raya yang ke13 manifestonya adalah seperti yang kita terterakan dan kita berikan itulah antara sebab kemungkinan besar rakyat telah memberikan mandat yang lebih besar kepada kita. Saya nak ingatkan Ahli-ahli Dewan, saya akan membuat satu forum ataupun perbincangan manifesto Pakatan Rakyat Selangor pada bulan Oktober sebelum belanjawan dibentangkan pada bulan November supaya kita sama-sama dapat mendengar tentang perkembangan pelaksanaan manifesto yang kita lakukan mungkin ada juga penambahbaikan tidak melupakan manifesto tetapi penambahbaikan antara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Pinang tentang boleh jadi kawasan diubah ataupun fokus diubah terutama dalam manifesto. Di sini kita tidak menerangkan secara terperinci tentang pembangunan desa yang kita nak lakukan dan juga beberapa perkara seperti perkembangan mengenai perundangan air bersih yang kita nyatakan dulu. Tujuan kita ialah untuk melindungi hak rakyat Selangor untuk mendapatkan air bersih pada harga yang berpatutan menerusi penyusunan semula industri air dan membuka peluang untuk rakyat Selangor memiliki Saham Air Selangor yang itu yang telah kita nyatakan dalam manifesto kita dan juga manifesto kita juga kita akan juga membuat beberapa tambahan-tambahan yang tertentu selain dari berbincang tentang pelaksanaan-pelaksanaan yang mana kita juga memperhalusi apa yang kita dari kumpulan Pakatan Rakyat yang rangka.

Jadi, itulah saja. Saya akan mengedarkan manifesto ini pada semua ahli Dewan termasuk dari Barisan Nasional supaya kita sama-sama berbincang sebab hasil manifesto ini jika dilaksanakan akan memberi manfaat kepada rakyat kita semua. Jadi, itulah saja. Terima kasih banyak-banyak dan kita akan berjumpa di masa yang akan datang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menengguhkan persidangan ini saya ingin mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Y.B. Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Y.B. Ahli-ahli Dewan Negeri, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan di atas komitmen yang diberikan bagi menjayakan perjalanan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha, urus setia-urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kerjasama anda semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat ini berjalan lancar.

Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedar melalui e-mel berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke urus setia dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian. Dan bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab, saya minta urus setia dewan menghantarnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa dua minggu.

Akhir sekali, saya ucapkan selamat menyambut Ramadhan kepada semua yang beragama Islam dan saya tanpa melengahkan masa lagi menengguhkan persidangan hari ini hingga kesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditengguhkan.

(Dewan ditengguhkan jam 4.30 petang)